

**DDEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 40	Selasa	4 Julai 2006
----------------	---------------	---------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1): Penahanan Anggota Kabinet Kerajaan Palestin dan Krisis Israel-Palestin - <i>Y.B. Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)</i>	(Halaman 27 & 88)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 29)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006	(Halaman 30)
USUL-USUL: Menarik Balik Rang Undang-undang Di Bawah P.M 62 Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 1) (Halaman 105)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Bebas Aduan Dan Salah Laku Polis - <i>Y.B. Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)</i>	(Halaman 105)
Projek Perumahan Di Taman Kingdom dan Taman Eden, Pusing - <i>Y.B. Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah)</i>	(Halaman 107)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 4 Julai 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL

**MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 62**

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 62 untuk menarik balik *Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi Malaysia 2006* dan *Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad* yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat nombor 5 dan 6 pada hari ini Selasa 4 Julai 2006.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Saya menyokong.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** minta Menteri Pelancongan menyatakan apakah hasil dari industri pelancongan tahun lepas berbanding dengan unjuran hasil sebanyak RM44.5 bilion pada tahun 2007 seperti yang dilaporkan dan adakah unjuran tersebut akan tercapai.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2005, industri pelancongan telah memberi sumbangan kepada pertukaran wang asing sebanyak RM31.9 bilion pada tahun 2005 dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 7.8% berbanding sebanyak RM29.6 bilion pada 2004. Unjuran hasil yang dijangkakan berdasarkan tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu pada tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti berikut.

Untuk tahun 2006, unjuran hasil adalah RM37.4 bilion. Untuk tahun 2007, unjuran hasil adalah RM44.5 bilion. Untuk tahun 2008, unjuran hasil adalah RM49 bilion. Untuk tahun 2009, unjuran hasil adalah RM53.9 bilion. Untuk tahun 2010, unjuran hasil ialah RM59.4 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan akan terus menyediakan dan melaksanakan pelbagai aktiviti promosi pelancongan yang agresif bagi memastikan unjuran ketibaan pelancong dan unjuran hasil dari sektor pelancongan tercapai. Sekian.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Malaysia mempunyai khazanah tarikan pelancong yang sangat mahal, sama ada tasiknya, lautnya, udara, hutan dan tumbuh-tumbuhan termasuklah di lautan akuatik biologi, inilah sejarahnya, termasuklah KLCC, Menara Petronas dan sebagainya.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, adakah segala khazanah yang mahal itu untuk tarikan pelancong terjejas kerana gambaran buruk, sikap rakyat Malaysia yang digambarkan, yang mungkin terjejas ataupun difaktori oleh keadaan tandas awam, disiplin penumpang-penumpang ketika menaiki bas awam, longgokan sampah sarap dan sikap membuang sampah yang sukar dikawal, dengan bau yang busuk dan sebagainya.

Adakah ini termasuk dalam gambaran buruk seperti yang digambarkan oleh pihak luar tentang sikap rakyat Malaysia dan jika betul, adakah kementerian mendapat kerjasama daripada kementerian-kementerian lain yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah Yang Berhormat bagi Ledang. Memang Kementerian Pelancongan dan juga kerajaan tahu perkara ini iaitu kita hadapi masalah-masalah kemudahan dan juga infrastruktur yang kurang. Kita telah diarah oleh Jemaah Menteri supaya satu jawatankuasa akan ditubuhkan untuk menyelaraskan kemudahnya dan kemudahan masuk bagi pelancong-pelancong asing ke Malaysia dan semalam kita ada mesyuarat pertama. Jawatankuasa itu diwakili oleh pihak Kementerian Pengangkutan, Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, pihak polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam, JPJ, MAS, MAB, *Tourism Malaysia*, AirAsia dan juga LPKP, MATA dan lain-lain.

Antara isu yang kita bincang, ada empat isu yang kita bincang yang akan menjejaskan industri pelancongan. Isu yang pertama adalah penjadualan semula dan penarikan balik perkhidmatan penerbangan MAS ke atas beberapa laluan antarabangsa dan domestik. Yang kedua isu Imigresen dan Kastam. Yang ketiga, pengurusan lapangan terbang antarabangsa, keempat penyelesaian dan keselamatan para pelancong semasa berada di Malaysia. Kita harap dengan mesyuarat-mesyuarat yang kita ada dalam majlis ini, kita akan selesaikan masalah yang kita hadapi seperti apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat, masalah tandas, masalah kebersihan dan lain-lain.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pagi tadi saya ada melihat risalah ini, "*Negeri Sembilan Homestay Experience*". Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sumbangan dan kejayaan rancangan *home stay* dan apakah kejayaan di Sarawak. Saya juga meminta penjelasan tentang bentuk kerjasama di antara kementerian di sini dan juga Kementerian Pelancongan di Sarawak.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat dari Sri Aman, pada masa ini saya tidak ada jawapan untuk Yang Berhormat untuk. Saya akan jawab secara bertulis itu dengan apa Yang Berhormat hendak. Memang kerjasama antara Kementerian Pelancongan dan juga pihak pelancongan di negeri Sarawak kita ada hubungan yang begitu baik dan tiap-tiap tahun kita ada memberi sumbangan atau *allocation* untuk menjalankan program-program supaya bukan sahaja program *home stay*, kita akan menolong pihak negeri, kerajaan negeri. Program-program yang lain kita akan memberi bantuan juga.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

2. **Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan tentang status daya saing kira-kira 64,000 kontraktor yang berdaftar di bawah CIDB. Apakah strategi Kerajaan untuk merangsang kontraktor ini berdikari.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam tempoh satu dekad yang lepas kontraktor-kontraktor tempatan telah berjaya membuktikan kepakaran dan capability mereka dalam melaksanakan projek-projek mercu tanda yang bertaraf dunia sama ada di pasaran tempatan mahu pun di luar negara. Walau bagaimanapun, tahap daya saing tersebut perlu dipertingkatkan lagi bagi menghadapi cabaran globalisasi.

Untuk itu peningkatan keupayaan dan kebolehan kontraktor-kontraktor menerusi pembangunan modal insan telah diberi fokus utama oleh kerajaan. Proses pengukuhan tersebut dilaksanakan menerusi tiga program utama melibatkan pembangunan sumber manusia, teknologi dan persekitaran *business* dengan memperluaskan ilmu pengetahuan dalam bidang-bidang seperti pengurusan kewangan, kemahiran, teknikal dan ICT akan dapat membentuk kontraktor kita yang mampu bersaing di peringkat pasaran tempatan dan global pada bila-bila masa sahaja. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya, menerusi CIDB juga telah menjalankan satu program pengelasan semula kontraktor berdasarkan kreatif keiktirafan mereka yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kontraktor yang aktif, yang kedua tidak aktif yang ketiga *domain*.

Daripada data tersebut kita boleh mengenal pasti status kontraktor yang benar-benar aktif bagi membolehkan tindakan peningkatan kapasiti ke atas mereka dilaksanakan. Sehingga bulan Jun 2006, hanya 39 peratus atau 23,952 kontraktor daripada 61,834 orang kontraktor berdaftar adalah yang benar-benar aktif. Langkah yang seterusnya adalah tindakan melahirkan kontraktor-kontraktor yang mempunyai kemahiran dan kepakaran di bidang-bidang tertentu menerusi program akreditasi latihan khusus untuk kontraktor akan dijalankan menjelang akhir tahun 2006 sebelum program akreditasi dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu menyedari satu hala tuju yang meliputi seluruh aspek berkaitan dengan industri pembinaan. CIDB dengan sokongan dan kerjasama semua pihak yang terlibat telah menyediakan satu pelan induk industri pembinaan untuk tempoh 10

tahun akan datang. Pelan induk ini menggariskan beberapa perkara teras strategi ke arah mewujudkan satu industri yang dinamik, produktif serta memberikan sumbangan positif kepada ekonomi negara. Dengan langkah-langkah yang telah dan akan diambil kerajaan yakin tahap dan saing kontraktor tempatan dapat dipertingkatkan di pasaran tempatan dan global.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, tadi telah disebutkan tentang kejayaan-kejayaan cemerlang yang telah dicapai oleh kontraktor tempatan terutamanya dalam memainkan peranan di peringkat antarabangsa dan global ini dan juga kita juga harus memikirkan bahawa kontraktor kita tidak dapat bergantung sepenuhnya kepada kontrak-kontrak kerajaan yang barang kali cuma tidak sampai 50 peratus daripada kontraktor ini mendapat tawaran daripada kontraktor dari yang ditawarkan oleh pihak kerajaan.

Apakah usaha-usaha kita Yang Berhormat ini untuk memastikan kontraktor ini terutama yang berwibawa itu dapat benar-benar berdikari menjadi pemain peringkat global, tidak hanya bergantung kepada ihsan dan juga pergantungan kepada sumber-sumber tempatan sahaja. Tadi telah disebut beberapa strategi sumber manusia, teknologi dan juga persekitaran *business*, apa lagi untuk membolehkan kita bersaing pada keadaan apa nama disebut sebagai *market forces* tidak hanya bergantung kepada..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: ihsan..

Tuan Yang di-Pertua: Faham, ya.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: ..dan juga kontraktor dan juga sumber-sumber..

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: ..kerajaan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini. Kita tidak mempunyai projek-projek terbesar seperti apa yang kita ada pada masa dahulu. Tiap-tiap kontraktor jikalau mahu juga hidup dalam dunia ini mereka mesti keluar daripada negara kita untuk mencari rezeki di tempat-tempat yang lain di mana ada juga peluang. Mengikuti dengan garis panduan telah disediakan oleh CIDB, sekurang-kurangnya saya percaya 50 lebih kontraktor kelas A sedang bekerja di luar tanah air iaitu lebih kurang 49 negara kita ada juga kontraktor-kontraktor bekerja.

Kami akan melawat ke Kenya pada 21 hari bulan untuk mencari lebih peluang kepada kontraktor. Saya dalam tempoh empat tahun ini sudah melawat kepada beberapa buah negara di Afrika, di Arab dan juga di mana-mana negara yang boleh juga dapat peluang untuk memberi lebih peluang kepada kontraktor kita. Saya harap mereka sebenarnya bersaing sekarang. Mereka telah menunjukkan minat di negara India mereka mempunyai sekarang ini mempunyai 24 kontrak sedang dijalankan. Ini berertinya mereka mempunyai kapasiti dan kebolehan.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri sudah kata pelbagai latihan sudah diberi kepada kontraktor, tetapi memandangkan banyak projek kerajaan tidak dapat disiapkan mengikut jadual kerja khususnya di peringkat kerajaan tempatan.

Jadi, soalan saya adakah semua kategori kontraktor itu telah pun diwajibkan mengambil kursus-kursus tertentu untuk memastikan mereka berkemampuan menjalankan tugasnya dan adakah kementerian mengada dan menguatkuasakan etika profesional untuk memastikan semua kontraktor menjalankan tugas dengan penuh rasa bertanggungjawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada juga kontraktor-kontraktor yang ada mempunyai kelemahan. Walau bagaimanapun, tindakan serta-merta telah diambil atas mereka untuk membatalkan kontrak-kontrak. Garis panduan baru yang saya telah arah kepada Kementerian Kerja Raya sekarang, jikalau nampaknya bulan pertama tidak mula kerja bagi amaran pertama.

Bulan yang kedua tidak ada amaran lagi, batalkan kontrak. Selepas itu kita teruskan dengan tender baru dan meneruskan kerja jikalau tidak seperti apa yang kita janji kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu kerja-kerja yang telah disediakan kepada Kementerian Kerja Raya boleh disiapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan saya percaya kita tidak boleh menunaikan janji itu.

Oleh kerana itu kita akan mengambil tindakan dengan serta-merta untuk mengatasi masalah ini. Sesiapa kontraktor yang belum menyelesaikan kerja dan juga kontraktor yang menghadapi masalah kewangan, kepada mereka saya minta kementerian dan juga Jabatan Kerja Raya untuk berbincang dengan bank dan institusi kewangan untuk mengatasi masalah ini. Tetapi kontraktor yang kerjanya baik tetapi tidak mempunyai kewangan. Jadi, inilah masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor. Kontraktor-kontraktor yang bekerja di kawasan kerajaan tempatan kami tidak mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa kepada mereka.

3. **Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah [Gua Musang]** minta **Perdana Menteri** menyatakan sama ada beliau bersedia menurunkan amalan membuat keputusan secara bersama (kolektif) seperti yang diamalkan dalam Mesyuarat Kabinet kepada semua peringkat pentadbiran dalam usaha memerangi rasuah dan salah guna kuasa sekiranya amalan membuat keputusan secara bersama telah mendatangkan kesan yang baik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, amalan membuat keputusan secara bersama atau secara kolektif bukan sahaja diamalkan dalam Mesyuarat Kabinet malah dalam pelbagai mesyuarat serta jawatankuasa kerajaan pada pelbagai peringkat pentadbiran. Amalan ini memerlukan perbincangan mendalam yang melibatkan setiap ahli mesyuarat. Dalam pada itu amalan tersebut banyak bergantung juga kepada gaya kepimpinan seorang pengerusi mesyuarat dan juga daya inisiatif ahli-ahli mesyuarat yang lain.

Disebabkan ciri-ciri ini amalan tersebut bukanlah satu yang boleh dimandatkan atau diturunkan. Amalan membuat keputusan secara kolektif mendatangkan kebaikan kerana ia mengumpul pemikiran serta pengalaman setiap ahli yang terlibat terutamanya bagi keputusan-keputusan yang merangkumi pelbagai aspek atau yang membawa kesan yang luas. Tetapi bagi memerangi rasuah dan salah guna kuasa amalan-amalan yang berkaitan dengan pencegahan penguatkuasaan dan pemantauan adalah lebih tepat dan berkesan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jaminan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memerangi rasuah dan salah guna kuasa, Kabinet kini patutlah satu Kabinet integriti tetap apabila selepas 32 bulan nampaknya tidak ada apa-apa perbezaan dengan pentadbiran yang lepas sehingga bekas Perdana Menteri tahun lalu, bulan Mei, berkata bahawa korupsi sudah menjadi sampai satu *point of no return*, satu budaya dan mungkin sudah *above the table*.

Dan, baru-baru ini bila kata OSA *should not be used to hide untruth*, bukankah masa sudah sampai untuk Kabinet ini menunjukkan ada perbezaan dengan Kabinet yang lampau dengan satu dasar yang lebih *transparent*, lebih keutamaan diberi kepada integriti dengan memanggil satu mesyuarat, mungkin kemuncak *consultation* dengan segala lapisan masyarakat NGO-NGO, Ahli-ahli Parlimen bagaimana kita boleh mengadakan satu integriti Kabinet yang berbeza dengan pentadbiran yang lain.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *I don't know where is that coming from*, dia marah Tun Mahathir atau marah saya. Saya tidak tahulah. Tetapi tidak apa, saya jawablah. *[Di sorak]* Pertama saya ingin

Seorang Ahli: Jawablah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa dia?

Beberapa Ahli Pembangkang: Jawab!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jawab. Ok, pertama saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa kita sebuah negara yang demokrasi, jadi sesiapa juga boleh mengutarakan pandangan terhadap kita. Bukan sahaja pembangkang tetapi orang dalam parti pun boleh juga menyuarakan. Oleh sebab itu saya tidak fikir bahawa pandangan seorang bekas Perdana Menteri itu sebagai satu perkara yang sudah jadi, maknanya betul. Ini kerana itu hanya merupakan pandangan peribadi. Pandangan peribadi tidak disokong dengan bukti, *to me*, dengan izin, *it is just cheap talk* sahaja.

Kita kalau betul hendak menyatakan Kabinet ini rasuah tunjuk betul bukti kabinet rasuah. Saya ingin tahu kepada Yang Berhormat iaitu bahawa ya, memang kita bersungguh-sungguh untuk memerangi rasuah. Ini bukan satu gimik atau *window dressing* sahaja. Berkenaan dengan Yang Berhormat sebut iaitu bahawa bekas Perdana Menteri ada kata bahawa janganlah menggunakan Akta Rahsia untuk melindungi *untruth*. Saya ingin menyatakan kita tidak pernah berbuat demikian. Saya tidak tahu di masa yang lepas tetapi saya berani menyatakan di sini iaitu

bahawa pentadbiran yang ada sekarang kita tidak akan menggunakan *Official Secret Act* untuk melindungi fakta, bukan *untruth, we have never said any untruth*, itu pandangan dia.

Namun Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, dia kata apa yang lepas, dia ahli anggota Kabinet yang lepas. Kenapa kata tidak tahu apa yang berlepas. Lepas daripada berlaku!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya bercakap sekarang, pentadbir sekarang. Jadi, saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat iaitu bahawa dari semasa ke semasa mengikut keperluan kita akan diklasifikasikan dokumen-dokumen tertentu bagi membolehkan kerajaan menjawab segala tuduhan lihat yang dibuat terhadap kita.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan asal mengandaikan bahawa keputusan Kabinet adalah kolektif. Andaian dibuat oleh soalan ini bahawa keputusan yang dibuat oleh Kabinet adalah kolektif. Dan, fahaman saya ialah apabila kita buat keputusan kolektif iaitu bererti kita menyokong sesuatu keputusan itu dan kita bertanggungjawab terhadap keputusan yang kita buat itu. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kalaulah begitu keadaannya dalam Kabinet, segala keputusan di bincang, disokong oleh semua Menteri dan saya percaya ini berlaku.

Tetapi yang anehnya bila keputusan itu, misalnya keputusan jambatan, *crooked bridge*. Saya percaya semasa keputusan itu dibuat Kabinet, keputusan itu disokong oleh semua Menteri. Ataupun apabila kita menandatangani FTA dengan Jepun misalnya mungkin saya percaya dalam Kabinet sekarang, saya percaya juga di bincang dan dipersetujui. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua ialah apakah akan berlaku sekiranya misalnya menteri-menteri yang ada hari ini semuanya menyokong jambatan itu pada suatu masa dahulu, adakah tidak ada kebertanggungjawaban dalam soal ini ataupun dalam konteks kolektif *responsibility* kita boleh bertukar pendapat dan saya harap soalan ini dapat memberi ruang kepada menteri-menteri khususnya Dato' Nazri menjawab bilakah menteri boleh mengubah pendirian yang dibuat oleh Kabinet dan alasan yang sepatutnya diberi dalam hal ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya kira kalau Yang Berhormat membaca surat khabar sudah tentu Yang Berhormat akan mendapati iaitu bahawa buat kali pertamanya kita memutus berkenaan dengan hal jambatan ini ialah pada 14 April 2006. Saya percaya kalau Yang Berhormat bangkit balik, baca, cek balik surat khabar ke belakang tidak ada yang menunjukkan iaitu bahawa keputusan telah dibuat oleh Jemaah Menteri. Jadi, saya hendak beritahu iaitu bahawa keputusan pertama dibuat berkenaan jambatan ini secara rasmi ialah pada 14 April 2006 iaitu keputusan Jemaah Menteri untuk menolak pembinaan jambatan. Itu pertama.

Kedua saya hendak beritahu keputusan banyak dibuat berdasarkan kepada setuju kepada prinsip. Kita pada prinsipnya lulus supaya jambatan itu dibina tetapi kerja-kerja

Environmental Impact Assessment (EIA) kena buat, pandangan rakyat kena buat, kelulusan daripada negara jiran sama ada mereka bersetuju pun kena diperolehi. Jadi, ini semua merupakan keputusan pada prinsipnya di mana ia boleh dilaksanakan apabila semua masalah-masalah dapat diselesaikan.

Jadi, saya percaya ini perkara biasa, apa kita buat pun lulus cara prinsip. Tetapi kalau sekiranya keizinan negara Singapura tidak dapat diperolehi mana boleh kita bina jambatan ini. Kemudian sebagai contoh kalau *Environmental Impact Assessment (EIA)* tidak membenarkan, tidak boleh juga dibina.

Nombor tiga, kita boleh putus tetapi kalau rakyat tidak setuju macam mana hendak bina. Jadi ini semua subjek *to* perkara-perkara yang lain, yang perlu diselesaikan.

Jadi sebab itu bukanlah satu perkara yang menghairankan kalau kita buat keputusan kemudian kita menolak dan itu ialah kerana perkara-perkara itu lain itu harus diperolehi terlebih dahulu barulah kita boleh meneruskan jambatan ini.

4. Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah Malaysia sebagai Pengerusi OIC untuk melaksanakan penyelesaian secara menyeluruh dan bukan bersifat sementara terhadap penderitaan rakyat Palestin apabila negara mereka dipotong bantuan oleh pihak-pihak yang selama ini memberi bantuan kewangan; dan
- (b) apakah langkah Malaysia sebagai Pengerusi OIC untuk memastikan semua bantuan kepada rakyat Palestin diberikan kepada kerajaan yang dipilih secara sah oleh rakyat Palestin.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya ingin menjawab secara serentak empat soalan yang dikemukakan bersangkutan dengan isu Palestin kerana kesemua empat soalan itu hampir sama dan saling berkaitan iaitu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan Yang Berhormat bagi Tumpat yang dijadualkan pada hari ini. Soalan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading akan dijawab pada 13 Julai dan soalan Yang Berhormat bagi Pasir MAS yang akan dijawab pada 17 Julai 2006.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa dan akan terus memberi sokongan di atas perjuangan rakyat dan pimpinan Palestin dalam usaha mereka menubuhkan sebuah negara Palestin yang bebas, berdaulat dan merdeka dari tangan Israel yang menceroboh dan menduduki bumi Palestin itu secara haram. Dasar ini tetap akan diteruskan tidak kira parti mana yang dipilih oleh rakyat Palestin bagi memerintah mereka.

Secara umum dasar Malaysia berhubung isu Palestin dan Israel dalam konteks menghasilkan proses damai yang bersifat kekal di Timur Tengah juga adalah jelas dan tidak berubah iaitu :

- i) resolusi-resolusi yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berhubung konflik Palestin-Israel mestilah dijadikan asas penting dalam sebarang perundingan Pelan Damai Palestin-Israel ke arah memastikan hak-hak rakyat Palestin yang selama ini cuba dinafikan oleh Israel terpelihara dan tidak terjejas;
- ii) Israel perlulah berundur sepenuhnya tanpa syarat dari Semenanjung Gaza dan Tebing Barat ke garisan sempadan sebelum tercetusnya perang tahun 1967;
- iii) sebuah negara Palestin yang bebas dan merdeka perlu ditubuhkan di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat dengan menjadikan Baitul Maqadis sebagai ibu negara yang dikongsi oleh Palestin dan Israel; dan
- iv) rakyat Palestin yang selama ini menjadi pelarian di bumi sendiri mestilah dibenarkan untuk kembali dan tinggal di negara Palestin yang bakal ditubuhkan kelak

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dijelaskan terdahulu, Malaysia akan terus memberi sokongan politik dan moral dan juga kewangan kepada apa jua parti yang dipilih secara sah oleh rakyat Palestin termasuk Hamas untuk mencari penyelesaian yang adil dan saksama kepada konflik Palestin-Israel. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan untuk memberikan bantuan kewangan kepada Kerajaan Palestin sebanyak RM58 juta atau USD16 juta, . untuk meringankan bebanan dan tekanan yang dikenakan ke atas Palestin akibat dari langkah Amerika Syarikat dan EU menarik balik sumbangan kewangan tahunan yang mereka salurkan kepada Palestin pada masa lepas.

Tuan Yang di-Pertua, usaha mencari jalan penyelesaian secara menyeluruh dan bukan bersifat sementara memerlukan ketabahan, kerja keras dan sokongan semua pihak yang terlibat dan berkepentingan. Dalam hal ini Malaysia percaya penuh bahawa semua pihak perlu mengadakan perundingan dan dialog sebagai langkah untuk mencari penyelesaian yang berkekalan. Sebagai langkah permulaan, Malaysia telah menyeru pada pihak-pihak yang bertelagah di Palestin untuk menyelesaikan apa jua pertelagahan dalaman mereka secepat mungkin dan menumpukan kepada usaha bagi memperjuangkan pembebasan Palestin daripada Israel demi kesejahteraan dan kebajikan rakyat Palestin secara keseluruhan.

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apabila Hamas menang di Palestin baru-baru ini dalam proses demokrasi pilihan raya, negara penganas Amerika Syarikat telah bertindak untuk menghasut dan memberikan ugutan kepada negara-negara lain supaya tidak memberikan bantuan kewangan dan mengenakan sekatan ekonomi terhadap Kerajaan Hamas. Soalan tambahan saya, adakah

Malaysia termasuk dalam negara yang diugut itu. Adakah Malaysia termasuk dalam negara yang diugut oleh Amerika Syarikat supaya tidak memberikan pertolongan kepada Kerajaan Hamas.

Keduanya, berdasarkan pada jawapan yang diberikan tadi, tidak ada lagi langkah-langkah yang bersifat komprehensif misalnya, adakah kita telah mengetuai suatu mesyuarat tergepar ataupun satu pakatan untuk menubuhkan dana di kalangan negara-negara umat Islam untuk kita membantu Kerajaan Hamas. Saya tidak nampak lagi langkah-langkah itu yang disebutkan tadi sebagai satu cara untuk kita memberikan bantuan segera kepada Kerajaan Hamas. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian di atas soalan tambahan beliau sebentar tadi. Malaysia sedar bahawa negara di bawah kuasa besar seperti Amerika Syarikat, EU, Kanada dan sebagainya telah pun membuat pendirian masing-masing berhubung dengan isu kemenangan Hamas dan tidak memberi bantuan yang mereka bantu selama ini. Tetapi ini tidak sedikit pun menggugat Malaysia untuk terus memberi bantuan kepada pihak Palestin.

Dan sebagaimana yang disebutkan dalam jawapan sebentar tadi, kita sudah memutuskan untuk menghulurkan bantuan sebanyak yang disebutkan tadi dan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, pada beberapa hari yang lepas iaitu pada tanggal 30 Jun, Yang Berhormat Datuk Seri Menteri Luar juga telah ke Jordan dengan tujuan untuk bertemu dengan Datuk Bandar Jenin untuk menghulurkan bantuan segera bagi membantu dua buah sekolah di sana sebanyak RM1 juta atau kira-kira USD280,000 juta. Namun malangnya tidak dapat bertemu dengan Datuk Bandar Jenin yang sekarang ini antara mereka yang ditangkap dalam krisis yang terbaru. Walau bagaimana pun wang tersebut dapat disalurkan pada wakil beliau. Ini menggambarkan bahawa Malaysia serius walaupun dalam keadaan konflik yang meruncing sekarang, pihak kita Yang Berhormat Datuk Seri Menteri Luar sendiri telah pergi ke sana untuk menghulurkan sumbangan sebagai simbol bahawa Malaysia sentiasa bersama dengan rakyat Palestin dalam apa cara yang termampu oleh kita.

Perkara yang kedua yang disebutkan tadi, apakah kita akan mengadakan satu perjumpaan khas dan sebagainya.

Kita telah membuat daripada masa ke semasa, melalui OIC dan sebagainya untuk menyatakan bahawa sokongan kita pada kerajaan yang ada. Walau bagaimana pun saya kira, Yang Berhormat tidak melihat aspek siapakah kerajaan dalam konteks Palestin itu adalah dalam konteks yang sempit. Apabila berlaku perbalahan antara puak Hamas dengan presiden mereka ataupun mewakili Fatah di sana. Kita hanya menyebelahi satu pihak kerana perlu difahamkan bahawa presiden mereka juga dipilih oleh rakyat. Presiden mereka juga bukanlah sebagai ketua negara yang tidak mempunyai kuasa sebagai kerajaan kerana dalam sistem di dalam negara yang disebutkan sebagai *Palestinian authority* yang kita tahu, mempunyai satu sistem yang lebih

kompleks daripada apa yang kita fikirkan. Presiden juga mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu dan mereka juga dipilih oleh rakyat dan mereka juga adalah merupakan golongan yang sah, dipilih oleh rakyat yang berhak untuk bersama mentadbir di dalam *Palestinian authority* di sana.

Oleh yang demikian tidaklah wajar untuk kita mengatakan kita hanya berurusan dengan satu pihak sahaja. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat tentang OIC. Palestin dihenyak oleh Israel dan Amerika serta sekutu-sekutu Barat Yahudi dan Nasrani *laknatullah* ini, kerana dengan negara-negara Arab yang berada di OIC itu tidak bersatu. Negara-negara Arab ternyata membisu dan negara Arab tidak langsung menyumbang, sama ada ketenteraan, sama ada kewangan dan sebagainya kerana mereka ini berada di bawah tapak kaki Barat, tapak kaki Amerika.

Jadi, apakah peranan OIC untuk menasihati Tok Arab-Tok Arab ini? Apakah OIC ini diwujudkan hanya untuk berkonferans tetapi tidak boleh tolong-menolong sedangkan kita yang lihat itu pun merasa kecewa dan sedih, sedangkan Tok Arab-Tok Arab jiran itu boleh biar macam itu....

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, apakah peranan OIC untuk menasihati tok Arab-tok Arab ini? Apakah OIC ini diwujudkan hanya untuk berkonfrontasi tetapi tidak boleh tolong-menolong? Sedangkan kita yang lihat itu pun merasa kecewa dan sedih, sedangkan tok Arab-tok Arab jiran itu boleh biar macam itu?

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi apa peranan OIC Tuan Yang di-Pertua? Saya pun *confuse*. Sila jawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada Yang Berhormat Jerai. Sebenarnya soal berbeza pendapat, berbalah dan sebagainya, tak perlu pergi jauh. Dalam negara kita pun, kalau nak berbalah, berbalah juga. Walaupun kita nak suruh orang ini nasihat dan sebagainya. Jadi dalam soal ini adalah satu perkara yang lumrah yang berlaku di mana-mana perbezaannya. Kalau nak katakan, apa peranan OIC, tidak boleh ditumpukan bahawa peranan OIC itu semestinya peranan Malaysia. Tetapi, sekurang-kurangnya kita ada OIC. Ada satu forum yang dari semasa ke semasa kita boleh duduk dan berbincang dan mengeluarkan pandangan, kenyataan, dan persetujuan. Kalau kita mengatakan bahawa negara Arab langsung tidak memberi apa-apa bantuan adalah satu kenyataan yang saya kira tidak begitu adil. Mereka ada bantuan, mereka ada kenyataan, Liga Arab antara pihak yang terus memainkan peranan dari semasa ke semasa untuk mencari juga jalan penyelesaian. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah konflik di

Timur Tengah adalah konflik yang begitu kompleks sekali. Yang tidak boleh diselesaikan dengan begitu mudah. Saya bersetuju bahawa kuasa besar terus memainkan peranan untuk melindungi Israel dan ini menjadikan keadaannya lebih kompleks daripada apa yang kita fikirkan. Terima kasih.

5. **Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Perdana Menteri menyatakan berkenaan dengan surat layang mengenai adanya gejala rasuah di kalangan hakim-hakim seperti yang telah dinyatakan oleh Ketua Hakim. Apakah tindakan Kementerian terhadap isu ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, BPR akan mengambil tindakan ke atas setiap maklumat yang diterima dan menjalankan siasatan sekiranya mempunyai asas bahawa satu kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997, telah berlaku. Untuk mengelak orang awam, bukan pegawai-pegawai ya. Untuk mengelak orang awam dari menyalahgunakan saluran ini, itulah kita adakan Seksyen 21(4), Akta Pencegah Rasuah 1997 yang menyatakan iaitu, sesuatu aduan yang dibuat di bawah Seksyen 1 hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai badan dan pendakwa raya sehinggalah orang tertuduh dipertuduh di mahkamah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, atau mana-mana undang-undang bertulis lain berbangkit daripada aduan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Segambut.

Dato' Dr. Tan Kwee Kong [Segambut]: Terima kasih atas jawapan Ahli Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah, tentang sistem juri kalau berbanding sistem sekarang, bolehkah sistem juri untuk jenayah serius, kurangkan tuduhan gejala rasuah di kalangan hakim-hakim?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini lari daripada soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan yang dibuat oleh Menteri itu adalah jawapan yang standard mengenai penglibatan ACA. Kita semua tahu Tuan Yang di-Pertua, bahawa tuduhan ini wujud dari apa yang telah dibuat oleh hakim bersara, *Justice* Syed Aidid. Lebih 10 tahun dahulu dan mengatakan bahawa di antaranya, adalah penglibatan hakim-hakim dan dia telah menamakan 12 hakim yang terlibat dalam korupsi. Apakah tindakan yang telah diambil dalam 10 tahun ini? Dengan baru-baru ini menteri telah mengatakan kes ini adalah kes '*closed*'. Tetapi, nampaknya beliau telah memberi fakta-fakta dan *facts* yang melibatkan 12 hakim dan saya difahamkan hakim-hakim itu lagi bertugas di Mahkamah Rayuan dan di Mahkamah Persekutuan. Jadi apakah penyiasatan yang perlu diambil supaya membawa satu posisi integriti *confident* dalam sistem penghakiman dalam negara ini dan adakah kerajaan rela dan berani untuk menubuhkan satu *Royal Commission & Inquiry* untuk

menyelesaikan sekali gus satu perkara yang sangat hangat dibincangkan di antara peguam-peguam di negara ini?

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasihlah Ipoh Barat, sebab mengatakan jawapan saya ini standard. Sebab lawan kepada standard, tak ada standard. Jadi, standard, kira baguslah ya? Terima kasih. *Thank you, very much. [Ketawa]*. Jadi, saya ingin mengatakan sini iaitu bahawa apa yang telah dibangkitkan oleh bekas hakim Syed Aidid, ini telah berlaku 1996, kira-kira 10 tahun yang lepas. Saya ingin mengatakan di sini iaitu bahawa semua perkara yang telah disebut oleh beliau di dalam surat layang, ya? Sebenarnya, ia bukan surat terbuka. Ia surat layang. Bila disiasat, siapa yang menulis surat layang? Didapati, dia yang menulis. Sebab itu, dia telah melakukan kesalahan. Namun, kita telah membuat penyiasatan kepada semua perkara yang telah disebut di situ dan penyiasatan telah didapati bahawa segala tuduhan itu adalah tidak berasas. Jadi, sebab itulah tidak ada apa-apa tindakan yang diambil terhadap nama-nama yang telah disebut di dalam surat layang itu.

6. **Datuk Rosli Bin Mat Hasan [Dungun]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah rasional memberi kelebihan kepada Air Asia untuk beroperasi menggunakan terminal sendiri sedangkan ianya lebih jauh daripada terminal utama KLIA yang dengan itu menyukarkan penumpang transit yang ingin menggunakan perkhidmatan mereka.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan membina terminal tambang murah atau *low cost carrier terminal* adalah untuk menampung keperluan penumpang menggunakan penerbangan tambang murah yang telah bertambah dengan pesatnya. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah penumpang yang menggunakan penerbangan tambang murah di KLIA, telah pun bertambah dari 2 juta pada tahun 2003 kepada 4 juta pada tahun 2005. Tuan Yang di-Pertua, LCCT ini adalah direka dan dibina khas untuk memahami model perniagaan LCCT yang hanya memerlukan kemudahan asas terminal. LCCT-LCCT ini dibina untuk memudahkan perjalanan penumpang antarabangsa atau tempatan pada dengan izin, *a single floor operation area*. Maka ia tidak memerlukan *traveller* dengan izin, *'travellator'*, *escalator* dan *aero-bridge*. Terminal ini mampu menampung 10 juta penumpang. Tuan Yang di-Pertua, *'accessity'* ini dibina bukan semata-mata untuk Air Asia sahaja, tetapi adalah untuk semua syarikat tambang murah di dalam dan di luar Negara yang berminat datang ke terminal tersebut. Kerajaan mengharapkan dengan pembinaan LLCT ini, KLIA akan menjadi hub kepada syarikat-syarikat penerbangan murah di rantau ini. Walaupun terminal ini agak jauh dari terminal utama KLIA, perkhidmatan bas dan teksi di antara kedua-dua terminal bagi memudahkan penumpang khususnya. Transit antara terminal-terminal tersebut disediakan. Perkhidmatan bas disediakan oleh dua buah syarikat dengan kadar tambang RM1.50 sahaja. Bas tersebut beroperasi setiap 15 minit dan hanya mengambil masa perjalanan

selama 20 minit. Perkhidmatan teksi yang sedia ada, di terminal utama juga boleh digunakan oleh penumpang transit untuk terminal tambang murah dan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, apabila kita melihat lapangan terbang kita KLIA untuk diangkat martabatnya. Walaupun ada pertambahan di antara 2 juta hingga 4 juta, tetapi oleh kerana sistem penerbangan tambang murah ini adalah satu sistem baru yang kita laksanakan di negara kita. Tetapi yang menjadi masalahnya, apakah strategi kerajaan supaya KLIA ini akan menjadi satu hub yang sekira-kiranya boleh kita angkat secara bersepadu umpamanya mungkin dari segi perniagaan di dalam *airport*, di dalam KLIA itu sendiri yang boleh dibantu oleh penumpang-penumpang yang menggunakan penerbangan tambang murah. Kalau ini sistemnya, saya merasakan bahawa dari segi jangka panjangnya, KLIA tidak dapat berkembang dengan menggunakan semua jenis penumpang-penumpang. Apatah lagi penerbangan tambang murah ini merupakan kuantiti yang lebih banyak daripada keseluruhan penumpang-penumpang lain. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat dari Dungun kepada soalan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian memikirkan bahawa pembinaan 'accessity' ini tidak akan menjejaskan prestasi KLIA. Sebenarnya dengan pembinaan 'accessity' ini, KLIA akan menjadi satu lapangan terbang *integrated* yang menyediakan perkhidmatan kepada semua jenis penumpang. Jadi ini akan menaikkan prestasi KLIA. Begitu juga, walaupun kita ada 'accessity' baru, jumlah penumpang di KLIA memang sentiasa meningkat. Itulah sebab, satu sebabnya kita perlu membina satu 'accessity' dengan lebih awal kerana mengikut angka pada tahun 2005, jumlah penumpang yang menggunakan KLIA adalah hampir 23 juta.

Jadi kalau jumlah ini terus ditingkatkan, maka apa-apa perniagaan di dalam KLIA ini kita rasa tidak terjejas dan MAB akan mengambil beberapa langkah untuk menentukan bahawa KLIA ini terus menjadi hab dan kapal terbang kita di negara ini. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita ada satu KLIA sahaja, kita nampak ramai penumpang-penumpang sama ada menggunakan AirAsia atau MAS tetapi sekarang kita ada dua terminal, kalau kita pergi ke KLIA sekarang, kita nampak lenggang, sunyi tiada banyak penumpang-penumpang kita nampak walhal kita nampak banyak kedai-kedai bebas cukai di sana. Jadi ini mungkin perancangan yang tidak baik. Bolehkah kementerian memikirkan sesuatu cara untuk memastikan bahawa KLIA ini digunakan dengan sepenuhnya.

Walaupun kita sudah bina satu terminal baru, mungkin kalau kita anggap itu satu kesalahan, kita pindah semua ke KLIA supaya meramaikan KLIA, adakah cadangan kementerian?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila. Timbalan menteri.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Datuk Douglas Uggah Embas: Minta senyap lah Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya harap Yang Berhormat memahami segala strategi yang diambil oleh kerajaan. Sebenarnya di KLIA ada tiga terminal, satu terminal internasional, satu ANB dan satu LCCT. Jadi, mengikut angka yang kita ada, penggunaannya memang lebih dari dijangka. Itulah mengikut angka yang kita ada seperti yang saya sebut tadi pada tahun 2005 ada 23 juta penumpang.

Kapasiti KLIA adalah 25 juta. Jadi kalau Yang Berhormat nampak *airport* kita lenggang, mungkin masa Yang Berhormat tiba di *airport* itu mungkin masa itu yang lenggang atau pun masa bukan *peak period*. Jadi saya berharap Yang Berhormat boleh memerhatikan dalam masa *peak period* KLIA kita memang sibuk.

7. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan langkah-langkah yang sudah diambil hingga kini untuk membantu mereka yang berpendapatan sederhana yang ingin mengambil pembantu rumah bekerja sepenuh masa.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar tentang keperluan untuk menggalakkan pekerjaan separa masa di negara ini terutamanya bagi kalangan kaum ibu yang tidak bekerja. Ini merupakan salah satu pendekatan yang diambil bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing dan meningkatkan pendapatan isi rumah. Bagi menjayakan hasrat ini, kementerian telah mencadangkan supaya pindaan kepada Akta Kerja 1955 turut memasukkan klausa pekerja separuh masa bagi memudahkan majikan di negara ini mengajikan mereka. Terima kasih.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya juga setuju dan saya dapati pengangguran di kalangan wanita agak tinggi di negara kita ini. Ramai wanita kita tidak berminat menjadi pembantu rumah menyebabkan kerajaan terus mengambil pembantu rumah asing terutamanya dari Indonesia. Ini mungkin termasuk pembantu rumah Yang Berhormat sendiri. Soalnya apakah terma-terma yang di bincang di dalam MoU (*Memorandum of Understanding*) yang dibuat antara kerajaan kita dan kerajaan Indonesia baru-baru ini. Apakah ia dapat mengurangkan kerenah birokrasi dan menjaga kebajikan pembantu rumah, agensi pekerjaan dan majikan. Jadi saya mohon sila Yang Berhormat jelaskan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Memang kerajaan terus mengutamakan pekerja-pekerja wanita di negara kita ini. Mengenai dengan MOU, sebenarnya sebelum MOU di antara negara kita Malaysia dan Indonesia di buat, sudah pun diwujudkan suatu nota perjanjian pada tahun 1996. MOU itu adalah bertujuan untuk memperkemaskan lagi nota perjanjian itu dan mengandungi 17 artikel yang penting. Di antara yang mustahak:

- (i) tiada penetapan gaji minimum;

- (ii) majikan dikehendaki membayar perlindungan insurans sebanyak RM72 untuk setahun;
- (iii) membuka akaun bank untuk mereka;
- (vi) menandatangani syarat pengajian dengan pembantu rumah berkenaan.

Di samping itu juga, kita juga menetapkan beberapa syarat kepada majikan, kepada pekerja dan juga kepada agensi swasta. Bagi majikan, kita perlu menyediakan kontrak perkhidmatan dan menandatangani. Kedua, majikan perlu membayar gaji kepada pekerja bermula pada bulan pertama lagi. Ketiga, memastikan pembantu rumah menjalani pemeriksaan kesihatan dan lulus. Keempat, memastikan senarai pewaris pembantu rumah diserahkan kepada Jabatan Tenaga Kerja. Kelima, memastikan pembantu rumah bekerja di alamat yang diluluskan sahaja.

Bagi tanggungjawab pekerja pula. Pertama mereka perlu mematuhi budaya, adat resam, undang-undang dan peraturan semasa perlu dipatuhi atau sepanjang tinggal dengan majikan di negara ini. Keduanya, pekerja juga perlu menandatangani kontrak perkhidmatan. Ketiga, menanggung semua kos yang terbabit yang berlaku di Indonesia. Keempat, tidak dibenarkan membawa masuk suami, waris, isteri atau pun sebagainya. *Sorry*, waris. Yang kelima, perlu mengemukakan kad pekerja asing apabila diminta pada bila-bila masa sahaja.

Tanggungjawab kepada agensi pula. Satu, perlu membekalkan pembantu rumah seperti mana diminta oleh majikan. Kedua, perlu mengganti pembantu rumah kepada majikan dalam keadaan di mana pembantu rumah lari dan bukan kesalahan majikan. Ketiga, tidak mengarahkan pemotongan gaji pembantu rumah dilakukan oleh majikan untuk dibayar kos mereka. Keempat, memastikan kesihatan pembantu memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh kerajaan kita. Yang kelima, menyediakan rekod mengenai pembantu rumah dengan baik dan lengkap. Yang keenam, perlu mematuhi kadar gaji.

Begitu juga bagi agensi di Indonesia, perlu mengganti pembantu rumah yang lari. Kedua, memastikan pembantu rumah menjalani pemeriksaan kesihatan. Ketiga, mematuhi kadar caj seperti mana yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Keempat, tidak boleh beroperasi di Malaysia, agensi itu sendiri. Kelima, memastikan pembantu rumah memahami kontrak dan tugas yang dipercayai. Itulah perkara-perkara yang penting dan saya yakin bahawa ini akan dapat mengurangkan kerenah birokrasi yang berlaku sedikit sebanyak pada masa yang lalu.

Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian mempunyai langkah-langkah atau pun mempunyai cadangan untuk mengekalkan atau dengan izin, *standardize* gaji-gaji pembantu-pembantu rumah asing ini supaya tidak membebankan majikan dan soalan kedua, adakah pihak kementerian mempunyai cadangan untuk mengambil alih latihan-latihan yang diberikan kepada pembantu-pembantu rumah asing ini daripada menyerahkan sepenuhnya kepada agensi-agensi tersebut. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kerajaan tidak bercadang untuk menyelaraskan gaji atau pun *standardize* gaji yang ada kerana kerajaan lebih percaya kepada gaji yang diberikan kepada pasaran terbuka dan dalam rundingan antara kerajaan kita Malaysia dengan Indonesia, kedua-kedua pihak bersetuju supaya tidak menetapkan gaji minimum. Tetapi sebagai lazimnya amalan yang diberikan di sini, gaji minimum biasanya diberikan dalam RM400 dan ada yang lebih pada itu kepada pembantu-pembantu rumah. Jadi usaha untuk menetapkan gaji minimum ini tidak akan kita lakukan kerana pasaran terbuka lebih baik daripada penetapan gaji yang minimum.

Keduanya kita juga tidak bercadang untuk mengambil alih tugas-tugas dan tanggungjawab kepada agensi-agensi pekerjaan swasta yang mengambil pembantu-pembantu rumah. Tetapi apa yang boleh kita lakukan ialah sentiasa memberikan panduan, latihan dan juga kalau perlu kita menekankan kepada aspek-aspek peraturan, perundangan yang telah digariskan kepada agensi-agensi pekerjaan dan saya dapati semua agensi-agensi pekerjaan di sini dapat mematuhi arahan kita dengan baik dan boleh dikategorikan sebagai agensi yang berwibawa dan juga beramanah. Terima kasih.

[Soalan No. 8 – Y.B. Tuan Devawamy a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) tidak hadir]

9. Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang] minta Menteri Pertahanan menyatakan:-

- (a) tahap kerjasama antara tentera Amerika Syarikat dengan Malaysia dalam bidang pertahanan negara setakat ini; dan
- (b) berapa jumlah lawatan kapal perang tentera berkenaan serta jet pejuang mereka selepas tragedi 11 September yang lalu hingga kini.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, hubungan kerjasama pertahanan dua hala antara Malaysia dengan Amerika Syarikat adalah pada tahap baik, malahan Amerika Syarikat merupakan salah sebuah negara yang penting untuk meningkatkan keupayaan pengetahuan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pertahanan Angkatan Tentera Malaysia. Aktiviti kerjasama pertahanan dua hala meliputi kursus, latihan, *exercise*, dan pertukaran lawatan pegawai-pegawai tentera dan awam. Selain daripada itu kita juga telah memperolehi pelbagai kelengkapan tentera dari Amerika Syarikat khususnya bagi melengkapi Tentera Udara Diraja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kapal-kapal perang Amerika Syarikat sering melawati pelabuhan-pelabuhan Malaysia sama ada sebelum mahupun selepas kejadian 13 September 2001. Sebanyak 58 buah kapal perang dan lebih 200 jet pejuang telah melawat Malaysia selepas 11 September 2001. Seperti kelazimannya kapal-kapal Amerika Syarikat berada di negara ini untuk mengadakan latihan bersama Angkatan Tentera Malaysia, lawatan muhibah ataupun terlibat dalam Misi Bantuan Kemanusiaan seperti bencana tsunami dan gempa bumi. Manakala

pesawat pejuang pula berada di negara ini untuk penerbangan transit atau menyertai *exercise* dan latihan. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Kita tahu salah satu sebab kita membatalkan jambatan bengkok adalah untuk memelihara ruang udara kita daripada digunakan oleh tentera Singapura sebagai tempat latihan. Saya hendak tahu apakah dasar ketenteraan kita, untuk negara Israel Timur ini kita terpaksa batalkan perjanjian jambatan tetapi untuk ketua pengganas dunia iaitu Amerika Syarikat kita mengadakan kerjasama. Minta jawapan daripada Timbalan Menteri.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Dasar ketenteraan daripada Kementerian Pertahanan mesti berasaskan kepada dasar kerajaan dalam negeri dan luar negeri. Berkaitan dengan kejadian Israel dan bantuan Amerika dengan Israel tidak ada kaitan dengan lawatan kapal perang dan kapal-kapal jet pejuang Amerika di tanah air kita dan kaitan dengan pembatalan pembinaan jambatan itu, ini tidak berkaitan dengan persoalan Tuan Yang di-Pertua. Mana-mana kapal terbang ataupun kapal laut yang akan singgah, lalu di udara atau perairan kita, jika perlu untuk singgah berkaitan dengan *naval law* dan syarat pelabuhan, kebenaran mestilah didapati terlebih dahulu sebelum mereka melintasi ataupun singgah di kawasan perairan dan tanah air kita.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya keliru Tuan Yang di-Pertua mendengar jawapan daripada kementerian, bagaimana kementerian dan kerajaan menamakan sebuah negara yang menganjur kemusnahan, sebuah negara yang menganjur kehancuran, sebuah negara yang juara peperangan dianggap penting. Penting bagaimana? Bagaimana kementerian menjustifikasikan sebuah negara terlalu penting kepada kita sedangkan dia adalah paksi kepada seluruh kejahatan di seluruh dunia. Minta penjelasan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, hubungan diplomatik kita sejak dahulu lagi kalau kita anggapkan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Amerika terhadap persepsi dan penterjemahan nilai oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini adalah tidak berkait dengan dasar kerajaan, dan sebarang keputusan yang dibuat oleh kerajaan ataupun oleh Kementerian Pertahanan seperti yang telah saya terangkan tadi mesti berdasarkan kepada dasar kerajaan dalam negeri dan luar negeri. Terima kasih.

10. **Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang [Hulu Terengganu]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:-

- (a) apakah kementerian mempunyai rancangan untuk memajukan kembali industri kelapa dan produk-produk berasaskan kelapa dalam RMK-9. Jika benar, kenapa unjuran pertumbuhan subsektor tanaman kelapa mengalami penurunan 2%; dan
- (b) berikutan saranan YAB Perdana Menteri mengenai potensi besar Minyak Kelapa Dara (*Virgin Coconut Oil*), apakah rancangan kementerian untuk membangunkan industri ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) kementerian memang mempunyai rancangan bagi memajukan industri kelapa dan produk-produk kelapa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM17.9 juta di bawah Projek Pembangunan Tanaman Industri Kelapa untuk membangun dan memajukan d industri kelapa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Dianggarkan seluas 1800 hektar kawasan kelapa yang sudah tua dan tidak produktif akan ditanam semula dengan jenis *hybrid* seperti matap yang boleh menghasilkan sehingga 25,000 biji sehektar setahun. Di samping itu dianggarkan seluas 600 hektar kawasan kelapa sedia ada yang masih berhasil akan dipulihkan menerusi aktiviti pembajaan, kawalan musuh dan penyakit dan pembaikan saliran dalam ladang.

Melalui aktiviti pemulihan ini hasil dari kawasan tersebut akan dapat ditingkatkan dari 3500 biji sehektar setahun kepada 6000 biji sehektar setahun. Pihak kementerian membuat unjuran berlakunya penurunan dari segi pertumbuhan subsektor tanaman kelapa sebanyak 2% setahun. Ini berdasarkan trend pengurangan dari segi keluasan untuk tempoh 2001-2005, di mana keluasan kawasan kelapa telah menurun dari 151,044 kepada 130,481 hektar, sebab utama berlakunya penurunan kerana berlaku persaingan untuk menukar kelapa kepada tanaman kelapa sawit. Berikutan harga bagi komoditi kelapa sawit lebih stabil berbanding dengan harga kelapa.

- (b) Minyak Kelapa Dara (*Virgin Coconut Oil*) - *VCO* adalah satu produk kelapa utama yang sedang hangat diperkatakan. Minyak tersebut mempunyai pelbagai kegunaan dalam bidang *pharmaceutical*, industri *oleokimia*, kesihatan dan penjagaan diri *personal hygiene* dan berpotensi dimajukan untuk menambahkan lagi pendapatan pekebun kecil kelapa.

Sebenarnya saya pun ada contoh di sini Tuan Yang di-Pertua dinamakan *Virgin Cream*, dengan izin. Siapa yang berminat bolehlah jumpa saya di luar nanti.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi MARDI telah menjalankan kajian mendalam menghasilkan produk VCO atau tadi *Virgin Coconut Oil*...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa mahu jejak dia punya minyak itu?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Apa? Saya habis dulu. Ada. Kaedah bioteknologi antara hasil penemuan yang didapati berpotensi adalah seperti berikut:

- (i) mempunyai nilai farmaseutikal untuk rawatan penyakit kulit;
- (ii) sebagai bahan asas untuk penjagaan diri dengan izin, *personal hygiene* bagi kegunaan rumah dan hospital.

Selain usaha R&D oleh MARDI yang telah berjaya menghasilkan beberapa produk yang boleh mempunyai potensi komersial, kementerian menerusi Jabatan Pertanian juga telah memulakan projek perintis untuk menghasilkan *Virgin Coconut Oil* melibatkan empat kawasan iaitu Rengit di Johor, Sungai Air Tawar di Selangor, Bagan Datoh di Perak dan Pekan di Pahang. Setiap kawasan melibatkan 20-30 peserta di mana setiap peserta akan dibekalkan dengan peralatan untuk pemprosesan. Bagi setiap kawasan satu pusat pengumpulan untuk tujuan pemprosesan lanjutan akan turut diwujudkan. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu, saya bangun awal sikitlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berminatlah untuk menjadi pembeli atau pun ejen untuk *Virgin Coconut Oil Cream* tadi itu. Saya ingat isteri saya yang pertama, saya akan pakailah. Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat...*[ketawa]*

Diam-diamlah Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Kita dapat lihat kerajaan mempunyai berbagai-bagai program bagi menggalakkan penanaman kelapa ini. Tetapi apa yang menjadi kebimbangan saya Tuan Yang di-Pertua ialah sejauh manakah program-program kerajaan ini dihayati dan direalisasikan di peringkat akar umbi. Umpamanya hari ini kalau kita pergi ke kedai-kedai makan, kita akan dapat lihat apabila kita *order* minuman kelapa muda, bila kita tanya pekedai-pekedai, kelapa muda ini datangnya dari Thailand, dari Philippine, dan bukan negara kita. Jadi soalnya Tuan Yang di-Pertua, apakah mekanisme, pemantauan oleh pihak kerajaan terhadap penghayatan program penghidupan semula industri kelapa ini. Dan saya ucapkan selamat datang daripada pelajar-pelajar *High School* Melaka Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Jadi macam inilah Yang Berhormat bagi Tangga Batu macam satu contohlah supaya produk-produk tempatan kita macam *virgin cream* ini memang akan laris dengan adanya

pengedar-pengedar macam Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Jadi guna dulu sendiri Yang Berhormat lepas itu kita boleh kongsilah ya dari segi khasiat-khasiat *cream* yang ada diolahkan daripada kelapa ini atau *Virgin Coconut Oil*.

Jadi terima kasih Yang Berhormat, memang betul apa yang dikata Yang Berhormat dan ini juga menjadi keraguan daripada peringkat kementerian dan ini adalah satu caranya kita hendak membangunkan semula industri tanaman kelapa. Jadi seperti Yang Berhormat katakan tadi memang, kalau kelapa muda daripada Thailand, daripada Taiwan. Tetapi sebenarnya kita pun ada juga, tetapi dari segi *cost production* dan sebagainya memanglah kita mencari jalan untuk mengurangkan *cost production* dan oleh yang demikian mungkin mereka merasakan dapat daripada Thailand, dekat lebih murah.

Dan saya selalu sarankan dalam Dewan yang mulia ini, jangan memikirkan bahawa produk Thailand itu sentiasa elok. Malaysia punya produk lagi baik, banyak lagi khasiat yang boleh kita dapati. Jadi terima kasih Yang Berhormat, sebab itulah melalui R&D kita telah dapat mempelbagaikan kegunaan daripada kelapa ini dan pada masa yang sekarang ini kita telah menjuruskan agar R&D ini seperti Yang Berhormat bagi Jerai selalu beritahu supaya turun kepada petani dan pada masa yang sama, saya telah katakan tadi sebagai projek perintis ada empat kawasan, di mana tujuan kita adalah untuk petani-petani ini menanam dan juga mengeluarkan *Virgin Coconut Oil* untuk digunakan dalam pelbagai produk-produk. Satu lagi produk, ini tadi *cream virgin*, satu lagi adalah gel rambut. Jadi gel rambut itu, bagi yang ada kurang-kurang sikit rambut dan sebagainya dan juga untuk menghitamkan rambut, jadi gel rambut yang di keluar daripada *Virgin Coconut Oil* ini telah memberi banyak juga khasiat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, balik kepada Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita ucap tahniah kepada Yang Berhormat SUPA dan kementerian atas program yang disusun kepada...saya anggap sebagai *sunset* industri ini. Tuan Yang di-Pertua, kita sedar daripada penerangan tadi, bahawa produk hiliran daripada kelapa ini sangat berpotensi besar, terutama dalam bidang perubatan dan juga kecantikan.

Soalan saya, apakah peranan kementerian mungkin bersama dengan Kementerian Kesihatan kerana dalam tempoh, dalam keadaan pada hari ini, kita nampak Filipina, Thailand dan Indonesia agak ke depan dalam memprodukkan semula kelapa ini, bagi menjadikannya satu industri berpendapatan tinggi. Saya percaya produk yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat SUPA tadi juga telah pun dihebatkan oleh negara-negara berkenaan.

Jadi apakah peranan Kementerian, kerana kita tahu dari segi untuk membaiki minda kepada pengguna di pasaran bahawa minyak kelapa ini dikaitkan dengan kolesterol dan memudaratkan kesihatan. Padahal dengan pengenalan produk-produk daripada kajian R&D dan sebagainya, kita dapati ia sangat baik untuk kesihatan, untuk kecantikan sebagaimana yang

diberitahu oleh Yang Berhormat tadi. Apa lagi penjenamaan semula, kita dengar *Virgin Coconut Oil* dengan izin pun dapat menarik semua orang dengan dara yang disebut itu.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat apabila dikaitkan kelapa, sendirinya akan dibayangkan bahawa luar bandar, dan pada hari ini, kelapa itu sekadar ditanam, tidak mempunyai apa-apa pulangan dan dikaitkan pula dengan kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu teruskan dengan soalnya.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang [Hulu Terengganu]: Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, untuk meninggikan pendapatan apakah perlu sebuah agensi seperti mana nanas, koko, lada hitam dan sebagainya dikhususkan bagi pembangunan semula kelapa ini, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu. Yang terakhirlah saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Tetapi sebelum kita mewujudkan satu badan khas untuk melihat atau membangunkan industri kelapa, eloklah kita juga menerokai lagi, atau menghalusi lagi penemuan-penemuan yang ada dibuat melalui R&D bagi tanaman kelapa ini. Satu Yang Berhormat saya ingin maklumkan, tadi Yang Berhormat sebutkan persaingan kita dengan Filipina dan Indonesia, memang diakui sebab di sana memang dari segi jumlah petani yang melibatkan diri di dalam penanaman kelapa dan juga dari segi mungkin mereka telah menceburi dalam bidang itu lebih lama dari kita, tetapi saya ingin memaklumkan yang terkini sebab itulah di nama *Virgin Coconut Oil*.

Jadi beza *Virgin Coconut Oil* ini yang ada di Malaysia dengan yang dikeluarkan di Filipina dan Indonesia yang saya baru dapat maklumat tadi, yang kita telah dapat keluarkan melalui teknologi yang terkini, *virgin* kita ini dia... ya betul *virgin* itu satu...saya hendak..dia itu *clear*, dengan izin, putih ya, *clear*... macam air, jernih. Tetapi yang ada dikeluarkan di dalam, ada juga di setengah pasaran dan juga didapati bila kita membuat perbezaan dengan negara-negara lain, dia itu kekuningan, jadi kita sekarang ada *niche*, di mana yang kita punya *virgin* ini yang betul-betul *clear* yang boleh digunakan untuk mengolah pelbagai lagi produk-produk yang bermakna yang kualiti yang tinggi. Sebab itulah dia boleh juga digunakan untuk dalam pemakanan, dan betul Tuan Yang di-Pertua, satu masa dan ketika dahulu telah banyak propaganda yang dijalankan mengenai atau *against* minyak kelapa kita oleh negara-negara yang maju, sebab mereka menggunakan propaganda ini untuk melariskan produk mereka seperti kacang soya.

Tetapi sebenarnya melalui penyelidikan didapati *Virgin Coconut Oil* ini mempunyai *high antioxidant* dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong ya, sebab sebagai *skin specialist* dia mengetahui bahawa hasilnya memang elok sangat untuk kulit. Jadi satu daripada krim itu tadi untuk kulit-kulit yang kudis-kudis yang apa semua ini, semua boleh pakai, dan untuk mengatasi penyakit candidiasis, terima kasih.

11. Dato' Mohd Sarit Bin Haji Yusoh [Temerloh] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) supaya lebih baik daripada Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) yang digantikannya; dan
- (b) apakah cadangan Kerajaan untuk membantu kira-kira 1200 buah Pusat Bertauliah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan yang telah ditutup akibat masalah TPK.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, salah satu langkah penambahbaikan untuk memastikan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), adalah lebih baik ialah dengan mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat supaya hanya pusat yang bertauliah yang mempunyai kemampuan dari segi kewangan dan keupayaan untuk menjalankan program kemahiran yang sesuai sahaja dapat berdaftar dengan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Selain daripada itu, pusat bertauliah juga perlu menyediakan tenaga pengajar yang mempunyai kelayakan untuk mengajar dan memiliki kemudahan latihan yang berkaitan. Bilangan pelatih yang diberi pinjaman juga dikawal melalui penetapan kuota bagi pusat bertauliah yang diluluskan pendaftaran dengan PTPK.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan pusat bertauliah yang telah ditutup oleh MLVK sebenarnya bukan 1,200 tetapi jumlahnya 730 sahaja. Kerajaan tidak dapat memastikan kesemua 730 pusat bertauliah yang telah ditutup dapat diaktifkan semula. Ini adalah kerana bilangan ini adalah kurang berkemampuan dan kebanyakan pusat ini telah ditutup kerana tidak dapat menjalankan program yang berkualiti yang memenuhi kehendak pasaran dan tidak mempunyai syarat Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini pusat-pusat bertauliah tidak seharusnya bergantung kepada PTPK sahaja sebagai sumber pembiayaan utama jika mereka ingin terus berkecimpung dalam industri latihan untuk masa jangka yang panjang. Kementerian menyarankan agar pusat-pusat bertauliah berkenaan mendapatkan tajaan dari agensi yang sedia untuk menaja pembiayaan latihan seperti Yayasan Negeri, syarikat-syarikat atau pelatih sanggup membiayai latihan mereka tanpa pembiayaan daripada TPK.

Kementerian juga mempunyai matlamat iaitu agar pusat-pusat bertauliah ini harus hidup sendiri yakni berdikari. Terima kasih.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan, pusat bertauliah ini kebanyakan ditubuhkan untuk memberikan kursus kepada pelajar-pelajar yang ditaja majoritinya oleh TPK. TPK dibekukan dengan alasan untuk dikaji semula dan digantikan

dengan PTPK (Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran). Sehingga kini sudah dua tahun lebih, PTPK ini belum lagi mengeluarkan tajaan-tajaan kepada penuntut-penuntut.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, dua tahun ini berapa ribu pelajar yang tidak mendapat tajaan dan tidak berpeluang untuk mengikuti kursus – satu isu ini. Yang kedua, tadi Yang Berhormat katakan 730 buah ini ditutup kerana tidak ada pelajar, tidak ada tajaan. Kenapa tidak dibuat selari. Ok, TPK gantikan segera dengan PTPK di waktu yang sama *review* pusat-pusat bertauliah ini. Mana yang tidak mampu, yang tidak baik dikeluarkan.

Tetapi 730 ini bukan semuanya tidak baik, pusat bertauliah yang baik pun terpaksa tutup kerana tidak ada tajaan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih merupakan soalan-soalan yang cukup baik. Saya ingin jelaskan di sini bahawa tidaklah sampai dua tahun dibekukan. Walau pun kita sedang ... ataupun ketika menggubal menggantikan tabung dengan perbadanan tabung, pinjaman yang ada tidak dibekukan sama sekali. Cuma yang kita tumpukan ialah kepada permohonan-permohonan baru. Tetapi permohonan-permohonan lama yang telah sedia ada ketika itu diteruskan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran telah pun dilaksanakan dan telah pun dilantik dari segi Ahli Lembaga Pengarahnya bermula pada 1 Jun 2006 dan kita telah pun ada ketua yang baru iaitu Pengerusi baru dan juga Ketua Eksekutif iaitu Dato' KSU sendiri dan kita ada seorang Ketua Pengarah MLVK, ada satu wakil Perbendaharaan, satu wakil Jabatan Perdana Menteri, dua wakil penyedia latihan swasta, dua lagi kepakaran yang tertentu ataupun kebakaran khas semuanya berjumlah sembilan orang.

Oleh itu, perbadanan tabung ini telah dapat berfungsi ataupun berjalan dengan baik semenjak 1 Jun 2006 selepas melalui proses kelulusan Parlimen di Dewan Negara dan juga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mengenai dengan penutupan 730 ini, kita tutup berasaskan kepada kelemahan-kelemahan pusat-pusat bertauliah itu. Kita tidak tutup sembarangan ataupun semberono. Didapati ada pusat-pusat bertauliah yang menipu yang ada premis tidak menjalankan peniaga atau perusahaan. Kemudian ada yang sepatutnya menjalankan kursus sebagai contoh Tahap 1 untuk enam bulan tetapi dia jalan tiga bulan. Dia pungut duit, dia cabut lari. Ada juga yang tidak mempunyai pengajar-pengajar yang bertauliah. Ada juga yang tidak mengikuti silibus-silibus kita.

Daripada membiarkan ulat-ulat ini, pengkhianat-pengkhianat ini, lebih baik kita tutup sahaja. Namun demikian kita tetap membuka ruang dan juga mendorong mana-mana yang baik dan juga yang berkemampuan. Umpamanya, dulu, kini dan juga akan datang kita akan terus mendorong 1,105 pusat-pusat bertauliah yang kita kategorikan sebagai Pusat-pusat Bertauliah Kelas A yang berkemampuan. Ini kita lakukan dengan secara mengkaji sehalus-halusnya dan

langsung tidak ada penganiayaan ataupun kezaliman sebagaimana yang digembar-gemburkan oleh media ataupun orang-orang tertentu.

Saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa kuota di antara bumiputera dengan bukan bumiputera dahulu 10 tahun berbeza. Bumiputera dalam lingkungan 20%. Hari ini kedudukan bumiputera sebanyak 47%, bukan bumiputera 53% dan kedudukan ini akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan PTPK yang baru disusun semula pada bulan lalu sedang membuat pendaftaran semula terhadap pusat bertauliah yang ada dan hasrat PTPK ini sebenarnya hendak menghindar gejala-gejala seperti mana yang diperihalkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi termasuk pusat-pusat yang menjadi agen untuk memohon tabung ini dan mengenakan komisen 20% hingga 30% dan selepas itu dia bagi duit itu kepada peserta dan inilah yang menjadikan suatu isu besar.

Soalan saya Yang Berhormat adakah latihan MLVK ini termasuk juga pada golongan yang cuba hendak mempengaruhi pihak kementerian dengan menjalankan latihan pembantu rumah, mengajar mereka *'good morning sir'* dan ini dianggap sebagai latihan vokasional. Adakah pihak MLVK memantau perkara ini supaya tidak dikenakan bayaran RM1,000 ke atas semua majikan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebenarnya pihak kementerian tidak suka dan tidak menggalakkan sama sekali agensi-agensi ataupun orang tengah dalam mencampuri urusan mewujudkan pusat-pusat bertauliah. Kementerian lebih suka, lebih seronok sekiranya pusat-pusat bertauliah yang hendak diwujudkan itu terus berhubung dengan pihak tabung ataupun pihak kementerian ataupun pihak MLVK.

Soalan kedua iaitu mengenai dengan pembantu-pembantu rumah. Memang pihak kementerian melalui Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan menggalakkan supaya diwujudkan pusat-pusat bertauliah untuk mengadakan kursus-kursus bagi pembantu-pembantu rumah. Tetapi sehingga hari ini kebanyakannya tidak berapa ghairah kerana di punca ataupun disebabkan orang-orang Malaysia tidak berapa ghairah untuk menjadi pembantu rumah.

Memang kementerian sedar bahawa kita tidak seharusnya bergantung selama-lamanya, sebanyak-banyaknya kepada pembantu-pembantu rumah negara asing kerana kita telah pun mempunyai lebih daripada 300,000 orang pembantu rumah daripada luar negara. Oleh yang demikian, saya ingin menjelaskan bahawa kita agensi-agensi ataupun syarikat-syarikat mewujudkan pusat-pusat bertauliah bagi mengadakan ajaran atau pun latihan keadaan pembantu rumah ini sendiri. Terima kasih.

[Soalan No. 12 – Yang Berhormat Tuan Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] tidak hadir]

13. Dato' Firdaus bin Harun [Rembau] minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah-langkah jangka panjang Kementerian bagi memastikan setiap remaja yang berusia 18 tahun berpeluang mengikuti kursus PLKN memandangkan sambutan yang sangat baik sekarang ini.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi harapan kementerian untuk melibatkan semua remaja yang berumur 18 tahun yang berkecenderungan mengikut Akta Latihan Khidmat Negara dipilih untuk mengikuti program ini. Pada masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk memanggil semua remaja yang layak untuk menyertai program ini memandangkan kewangan, logistik infrastruktur dan lain-lain lagi.

Bagaimanapun semenjak tahun 2004, bilangan pelatih untuk mengikuti PLKN telah ditingkatkan dari semasa ke semasa, contohnya:

Tahun 2004	-	85,000 pelatih
Tahun 2005	-	85,000 pelatih
Tahun 2006	-	95,000 pelatih
Tahun 2007	-	100,000 pelatih (jangkaan).

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan untuk pengambilan sesi yang ketiga pada tahun 2006 pada 25 hari bulan lepas daripada sejumlah 27,000 lebih, hanya 50% sahaja yang melaporkan diri. Adakah ini disebabkan oleh sebahagiannya memohon penangguhan kerana melanjutkan pengajian atau adakah disebabkan kerana sebahagiannya khuatir kerana sekarang ini sudah ada menggunakan peluru hidup ataupun adakah kerana memang sengaja degil ataupun kerana sikap tidak apa? Mohon penjelasan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, ia memang setiap hujung tahun dari tahun 2004 sehingga tahun 2006 ini terdapat keciciran ataupun kegagalan peserta sampai kepada tingkat 40% ke 50%. Ini adalah disebabkan pada masa ini iaitu pada tahun ini, di dalam bulan ini, peserta-peserta yang telah lulus dan memohon untuk masuk ke pusat pengajian tinggi dan *colleges* ataupun meneruskan pelajaran sedang berlaku.

Dalam pemilihan yang dibuat, pada keseluruhannya kita tidak mengetahui, manakah di antara surat tawaran kepada peserta ini yang akan dipanggil untuk mengikuti kursus yang telah saya sebut tetapi bagi tahun 2006, kita menganggarkan mana-mana peserta yang tidak datang dengan alasan-alasan yang tertentu, minta penangguhan ataupun mengikuti kursus dan melanjutkan pelajaran, mereka akan diambil tindakan kerana ingkar. Sungguhpun demikian, kita masih akan terus menyiasat supaya tindakan yang kita ambil ini tidak memudaratkan dan mencatatkan lagi keadaan.

Sebenarnya kekurangan ini tidaklah berbangkit, seumpamanya oleh sebab kita akan menggunakan latihan senjata api. Kalau mereka takut untuk latihan senjata api, mereka mesti

maklumkan kepada kita, tetapi apa yang kita ketahui peserta-peserta pada masa yang lepas, mereka rasa kesal kerana masa mereka tidak diberi latihan penggunaan senjata api iaitu latihan menembak.

Walaupun peluru hidup ini, kita hendak maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dan rakyat, kita tidak membiarkan mereka ini membawa senjata ini dengan peluru hidup ke sana ke mari. Mereka hanya boleh menggunakan waktu mereka hendak menembak dan ada pegawai pelatih bagi tiap-tiap seorang berada di belakang mereka kecuali ada berlaku tentang pemikiran mereka yang tidak sesuai. Itu pun kita akan tentukan bahawa mereka tidak menyalahgunakan ataupun menjadi sikap haru biru yang tidak menentu.

Saya percaya kita akan dapat keputusan pada pertengahan bulan ini iaitu di mana mereka yang sepatutnya dibenarkan dan di mana mereka yang sepatutnya diambil tindakan dan kita juga akan menawar kepada yang tidak datang kepada yang baru. Sekarang tawaran sukarela sudah sampai kepada kita untuk menambah bilangan yang telah kita tawarkan pada masa yang lepas. Insya-Allah perkara ini kita akan atasi. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**PENAHANAN ANGGOTA KABINET KERAJAAN PALESTIN
DAN KRISIS ISRAEL-PALESTIN**

11.34 pagi.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Bismillahir rahmanir rahim. Tuan Yang di-Pertua, Usul Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), saya Salahuddin bin Haji Ayub pohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu penahanan Anggota Kabinet Kerajaan Palestin dan krisis Israel-Palestin yang semakin meruncing.

Tuan Yang di-Pertua, rejim haram Israel telah bertindak kejam dengan memperluaskan operasi ketenteraannya ke atas kerajaan pimpinan Hamas dan melakukan tangkapan besar-besaran ke atas menteri, pegawai kanan dan ahli perundangan mereka. Akhbar Israel Haaretz pula melaporkan bahawa tindakan ketenteraan yang dilakukan di Genting Gaza adalah sebagai perang terbuka terhadap rakyat dan Kerajaan Palestin. Perkembangan yang berlaku mutakhir ini telah menyebabkan peningkatan penderitaan dan kesengsaraan rakyat Palestin.

Keadaan ini bertambah parah apabila Israel telah menggunakan pesawat pejuang F16 dan tembakan roket di dan Ramallah di Tebing Barat yang mengakibatkan kematian dan kecederaan orang awam yang semakin meningkat. Penahanan dan penangkapan beramai-

ramai Anggota Kabinet Palestin adalah merupakan tindakan terkutuk yang pernah dilakukan dalam sejarah penguasaan Rejim Tel Aviv terhadap rakyat dan negara Palestin. Tindakan ini adalah sangat tidak demokratik dan tidak berperikemanusiaan setelah Israel tidak mengiktiraf kemenangan Hamas dalam pilihan raya Palestin yang lalu.

Saya merayu supaya usul ini diluluskan untuk dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Kita adalah Ahli-ahli Parlimen Malaysia dan isu ini adalah di luar jangkauan politik. Kita negara yang menjadi Pengerusi NAM dan OIC. Perbahasan ini sangat bermakna dan besar ertinya bagi membuktikan keprihatinan dan sikap Ahli-ahli Parlimen Malaysia yang bersama dengan pejuang dan rakyat Palestin, mempertahankan bumi dan maruah serta kedaulatan kerajaan yang mereka perolehi melalui sistem dan proses demokrasi yang ditentukan. Saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Kubang Kerian pada hari Isnin, 3 Julai 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ini adalah juga bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, perkara ini juga perlu disegerakan. Oleh yang demikian saya membenarkan usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), usul ini hendaklah dtempohkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang berbahas selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan pula menjawab selama 30 minit. Sekian.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon nasihat iaitu selepas bahas usul ini, apakah ucapan penangguhan akan disambung selepas itu?

Tuan Yang di-Pertua: Selepas bahas, sambung balik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG GARIS PANGKAL ZON MARITIM 2006****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengisytiharan koordinat geografi titik pangkal bagi maksud menentukan garis pangkal Malaysia dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG ORDINAN NO. 7 (KUASA² PERLU)
DHARURAT (PINDAAN) 2006****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan No. 7 (Kuasa² Perlu) Dharurat 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG ZON EKONOMI EKSLUSIF (PINDAAN) 2006**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN
WANG YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN (PINDAAN) 2006****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1996; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG-UNDANG
(PINDAAN) 2006**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[3 Julai 2006]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menyambung jawapan.

11.42 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung..... *[Disampuk]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor minta penjelasan.... *[Ketawa]*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan atas dua perkara, yang ada dibangkitkan kelmarin dalam jawapan beliau. Pertama, adalah mengenai Dato' Mohd. Shafie Abdullah. Ada dijawab kelmarin oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kes ke atas Dato' Mohd. Shafie Abdullah ada di NFT kan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa satu waran tangkap ada dikeluarkan ke atas Mohd Shafie Abdullah selepas penyiasatan ditamatkan, atas satu tuduhan ke atas peguam ini bahawa beliau sudah ugut bekas hakim K. L 'Rekraj"

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Laporan penting adalah ini Tuan Yang di-Pertua, untuk Menteri ini agar dengan teliti mempertimbangkan apa yang saya buat sebagai delegasi ke atas Dato' Mohd. Shafie Abdullah.

Kelmarin Yang Berhormat Menteri barangkali ada mendapat nasihat daripada peguam-peguam dari Jabatan Peguam Negara. Yang Berhormat Menteri ada menyatakan, tugas dia adalah untuk jaga peguam....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, jangan bagi ucapan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya. Saya mahu dapat penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jangan bagi ucapan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan ucapan. Saya mahu dapat penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dia jaga peguam. Dia jaga bukan peguam sahaja tetapi reputasi badan peguam-peguam. Saya mahu dapat tahu, penjelasan adalah ini. Adakah beliau sedar bahawa satu *warrant of arrest* ada diisukan dan pihak atasan ada mengarahkan Allahyarham Peguam Negara masa itu, Tan Sri Mokhtar Abdullah untuk menarik balik waran tangkap itu. Adakah itu benar?

Yang kedua mengenai D.P Vijandran. Yang Berhormat Menteri ada menyatakan kelmarin bahawa Mahkamah Rayuan ada memberi arahan untuk Sijil Annual dikeluarkan kepada D.P. Vijandran. Itu benar tetapi itu adalah dalam tahun 1995, di peringkat di mana D.P Vijandran ada didapati salah di bawah Seksyen 193 Kanun Keseksaan. Beliau ada membuat satu rayuan kepada Mahkamah Tinggi. Majlis Peguam pada masa itu enggan untuk mengeluarkan Sijil Annual. D.P Vijandran ada membuat rayuan dan rayuan adalah berjaya di Mahkamah Rayuan. Tetapi apa yang saya ingin bertanya adalah di peringkat tahun 1998, apabila Mahkamah Rayuan ada memutuskan bahawa D.P Vijandran adalah seorang yang mengambil bahagian sebagai pelakon utama dalam video lucah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Bagi peluang Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:Oleh itu, di peringkat itu apabila Mahkamah Rayuan ada membuat komen-komen itu, adakah D.P Vijandran layak untuk diadakan dalam *the oath of advocate and solicitor*? Saya mahu mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, bahawa adakah dia sedar kedua-dua peringkat. Apa yang dijawab adalah mengenai peringkat yang pertama dalam tahun 1995. Saya mahu dapat tahu, pendirian Yang Berhormat Menteri dalam apa yang dikatakan dalam tahun 1998 oleh Mahkamah Rayuan. Bolehkah saya dapat penjelasan atas kedua-dua perkara ini? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya mengeluarkan *warrant of arrest* ini, saya sendiri memang tidak tahu, bukan kementerian saya. Itu di bawah polis, ya. Soalnya iaitu bahawa selalunya *warrant of arrest* ini dikeluarkan kalau sekiranya dapat mengenal pasti kesalahan telah pun berlaku. Saya ingat bukan *warrant of*

arrest. Ini saya punya pandanganlah. Sebenarnya ini dipanggil untuk memberi maklumat, bukan *warrant of arrest* kalau saya boleh bercakap di sini...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak. Ada satu *warrant of arrest* yang ada dikeluarkan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey. Kalau begitu saya tidak sedarlah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ada satu *cover up* dalam kes ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey. Jadi....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Oleh kerana Dato' Mohd Shafie Abdullah....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:kalau saya sebagai seorang Menteri....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...tidak mendapat perlindungan daripada pihak atasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri belum mengizinkan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya jaga peguam ini betul. Tetapi saya kena ikut peraturan semua, iaitu kalau saya kata bahawa walaupun *warrant of arrest* sudah keluar dan macam-macam lagi, tetapi dalam Perlembagaan kita, kata putus sama ada untuk mendakwa ataupun tidak seseorang itu, bukan dalam kuasa Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjaga undang-undang.

Itu adalah kuasa Peguam Negara. Kita kena hormat. Kalau kita bercakap tentang kebebasan Peguam Negara untuk mengambil tindakan, itu keputusan dia di bawah Perlembagaan. Jadi untuk mengatakan iaitu bahawa saya kena jaga peguam, memang betul saya jaga peguam. Tetapi mesti mengikut peraturan dan peraturannya bukan keputusan saya untuk mengambil keputusan akhir sama ada mahu mendakwa ataupun tidak. Itu pertama.

Yang keduanya berkenaan dengan..... [Disampuk]

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ya. Hendak beri jalan? Ya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidakkah benar Yang Berhormat Menteri adalah *de facto* Menteri Undang-undang? Adakah dia terima itu? Jika dia *de facto* Menteri Undang-undang, jadi satu kewajipan dia untuk mendapat tahu adakah satu waran tangkap dikeluarkan. Waran tangkap ada dikeluarkan oleh mahkamah selepas apa yang saya nyatakan tadi, penyiasatan oleh polis. Bagaimana fail ini boleh di NFT- *no further action*. Bolehkah saya dapat penjelasan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sebut sebentar tadi, memang betul saya jaga undang-undang. Tapi, soal NFA - *No Further Action* ini atas keputusan yang dibuat oleh Peguam Negara. Mengikut fakta yang ada di hadapan dia, walaupun *warrant arrest* telah dikeluarkan, *prima facie* mungkin pada peringkat

penyiasat-penyiasat mengatakan itu bahawa perlu ditangkap walaupun penuduhan belum dikeluarkan lagi ya.

Tapi, itu terpulang kepada Peguam Negara untuk membuat keputusan, saya tidak boleh masuk campur. Saya tidak boleh kata kepada Peguam Negara tangkap dia, tidak boleh. Kerana kebebasan untuk memastikan supaya keadilan itu berlaku kita kena berikan kebebasan kepada Peguam Negara untuk buat keputusan dan bukan saya buat keputusan. Jadi, sebab itu saya hendak mengatakan bahawa NFA - *No Further Action* itu merupakan satu kategori yang diklasifikasi di mana ianya diputus oleh Peguam Negara bukan saya, ya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua, *the warrant of arrest* adalah dikeluarkan oleh mahkamah apa yang saya katakan tadi dan Peguam Negara tidak ada kuasa, tidak ada kuasa untuk buat apa-apa. Apabila satu *the warrant of arrest* ada dikeluarkan. Apa yang jadi dalam perkara ini saya tidak mahu ulangi adalah pihak atasan ada mengarahkan Tan Sri Mohtar Abdullah untuk tamatkan apa-apa tindakan ke atas peguam Muhammad Shafee. Jika Yang Berhormat tidak tahu mengenai perkara ini bolehkah saya dapat tahu siapa yang mengetahui dengan tepat apa terjadi untuk membolehkan saya menyoal dia. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa pun dakwaan dibuat bekas Peguam Negara itu telah pun meninggal dunia. Jadi, kalau hendak kata pun *we cannot call him back, hi's long gone*. Jadi, kalau saya bagi kata di sini *is not fair, he's not around to defend himself*. Jadi, sebab itu saya kata, kalau Yang Berhormat fikir ini memang suatu perkara yang cukup penting, saya rasa untuk mendapat jawapan yang tepat tulislah kepada saya. Saya suruh pihak A-G untuk menjawab perkara ini ya, itu yang mudah, kalau tidak habis, sebab saya hendak beri tahu, saya pun tidak tahu.

Kedua..

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kebanyakan... Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor..

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tulis kepada sayalah, tulis kepada sayalah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh, boleh tulis, ya..

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *No*, bukan. Penjelasan lisan sekarang. Jangan takut..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak jawab banyak lagi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah kata, saya tidak tahu pun waran itu keluar..

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini penting Tuan Yang di-Pertua, perkara ini...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *You* mahu jawapan betul ke, mahu saya reka.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa yang saya nyatakan *cover-up* dalam kes ini. Ada *cover-up*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ada *cover-up*, sebab kalau saya kata tidak ada *cover-up* pun kita hendak mengesahkan ini dengan Tan Sri Mohtar yang telah lama meninggal dunia..

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan itu, fail itu ada dalam tangan Peguam Negara ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada *cover-up*lah. Ini satu keputusan yang diperolehi.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dia meninggal, fail bukan meninggal. Fail ada.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siapa dia?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dia meninggal, itu benar..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah beritahu sama dia. Kalau tanya ...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Fail, fail dalam kes itu tidak meninggal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, kena ikut peraturan. Ini saya ingat kes spesifik. Jadi,..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tadi, Yang Berhormat sebut Peguam Negara Tan Sri Mohtar, dia sudah meninggal...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Fail, fail. Fail mengenai kes itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, saya sudah bagi tahu itu bahawa..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Fail ada.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ..bahawa Peguam Negara telah membuat keputusan dan keputusan dia itu muktamad. Saya tidak boleh mempertikaikan keputusan dia...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa keputusan dia untuk NFA? Siapa membuat keputusan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kena ikut peraturan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *No Further Action...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: ..dia tidak bagi jalan lagi, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya tidak bagi jalan lagi..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Perkara ini telah dibangkitkan semalam, patut Menteri membawa fail, hari ini memberi jawapan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *No Further Action...*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan mengatakan bahawa kita perlu tulis.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *No Further Action.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No matter what was raised yesterday.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, *No Further Action.*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itulah juga jawapannya *No Further Action.*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan, bolehkah saya dapat penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, sila.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya. Apa saya ingin menyatakan tadi. Fail ada wujud dan fail itu ada dalam tangan Peguam Negara kini. Bolehkah fail itu ditunjukkan kepada saya sebagai Wakil Rakyat, bolehkah fail itu ditunjukkan kepada saya untuk meneliti fail itu dan tentu unsur-unsur *cover-up* dalam kes ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Daripada pihak kerajaan tidak ada *cover-up*. Ini keputusan mengikut Perlembagaan, *Attorney-General* boleh buat keputusan. Itu keputusan dia. Kalau Yang Berhormat tidak puas hati Yang Berhormat boleh tulis kepada *Attorney-General*. Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan Mahkamah Rayuan berkenaan dengan D.P. Vijandran. Baiklah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh saya habis sekejap, lepas tu nanti. Berkenaan dengan D.P. Vijandran, 1995 kalau itu *chronological event* Yang Berhormat sebut. Jadi, kalau sekiranya itu sudah dianggap sebagai sudah lapuk kerana ada sebutan dari Mahkamah Rayuan tahun 1998 bahawa beliau ini adalah pelakon utama. Jadi, kalau sekiranya selepas itu sama ada dia punya Sijil Annual itu patut tidak diberi ataupun tidak, itu terpulanglah kepada Majlis Peguam, bukan kepada pihak kerajaan .

Kalau Majlis Peguam merasakan itu bahawa dia tidak mahu beri, itu terpulang kepada dia. Mungkin Majlis Peguam bimbang takut nanti kena *contempt of court* ke, apa ke kerana ada keputusan awal tidak beri. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak tahu ini tanya kepada Majlis Peguam. Hak mereka untuk memberikan Sijil Annual ini kepada sesiapa yang berhak untuk mengamalkan undang-undang ataupun tidak. Jadi, saya tidak menghalang untuk ditanya kepada Majlis Peguam.

Yang Berhormat bagi Puchong...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak kembali sedikit semalam apa yang telah dijawab oleh Menteri mengenai satu isu yang telah dibangkitkan kalau tidak silap saya oleh Yang Berhormat dari Bukit Gelugor mengenai satu Mahkamah Khas yang ada berkaitan dengan hakim-hakim. Sekarang dibincangkan dengan hakim. Boleh saya dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai isu ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat dia begini, saya rasa apa yang Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor bangkit itu ialah kerana apabila pihak pembangkang mahukan supaya ada *Judicial Commission*, maka jawapan saya ialah kita tidak campur tangan dalam hal *judiciary* kerana prinsip *separation of powers*. Jadi, beliau tanya itu kerana kalau itulah jawapan saya mengapa pula pihak eksekutif mewujudkan Mahkamah Khas untuk membicarakan hakim. Jadi, saya rasa itulah dia punya pertanyaan untuk mempertikaikan iaitu bahawa kerajaan ada, saya kata tidak ada, tetapi dia kata kerajaan ada masuk campur.

Dia begini, hakim ni Yang Berhormat dia kalau kita ahli legislatif kita buat salah, dia boleh hakim kita. Ini bukan menyiasat, hakim menghakimi kes kita. Begitu juga eksekutif kalau seorang Menteri atau Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen kalau membuat salah dia boleh menghakimi kita. Tetapi, kalau dia buat salah, ikut tradisional punya *thinking*, rakyat biasa tidak boleh menghakimi dia, hakim-hakim buat salah. Melainkan falsafahnya ialah *they must be tried by the peers*. Dan ini yang mereka yang mereka mahu. Saya rasa pun memang patut pun, saya rasa kalau orang itu diberi tanggungjawab untuk jadi hakim, kalau ada hakim buat salah, saya rasa tidak eloklah kalau rakyat biasa menghakimi dia. *They must be tried by the peers* untuk menjaga kedudukan hakim-hakim itu. Ini mereka setuju, hakim setuju, dia kata mereka pun boleh buat kesilapan.

Jadi, untuk *facilitate* prinsip iaitu prinsip bahawa hakim *must be tried by the peers*, itulah kita adakan Mahkamah Khas. Jadi, apa yang kita buat ini bukan kita campur tangan dengan soal *judiciary*, tapi ini adalah di atas kehendak mereka. Dia mengakui bahawa hakim boleh buat salah juga. Tapi dia kata *we can only be tried by our peers*. Jadi, untuk membolehkan mereka itu *to be tried by the peers*, sebab itu *facilitate* dalam Perlembagaan kita wujudkan satu peruntukan di mana iaitu Mahkamah Khas boleh ditubuhkan.

Jadi dalam hal ini bukan kita campur tangan soal mereka, dalam hal ini sebenarnya kita *facilitate* apa yang *judiciary* mahu. Jadi, tidak berbangkit soal kita campur tangan tetapi apa yang kita buat ialah kerana untuk *facilitate* apa yang dimahukan oleh pihak *judiciary*. Sebab itulah mengapa dahulu kita mewujudkan Mahkamah Khas kerana mengikut mereka (*they can only be tried by the peers*), jadi kita cuma *facilitate* apa yang mereka mahu, bukan campur tangan. Itu yang sebenarnya Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tanya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, saya hendak habiskan sedikit yang *last* tentang Cherie Booth ini. Dia kata memang sedaplah bunyi iaitu, bahawa seseorang yang menjadi *client* ini dia bebas hendak pilih siapa yang dia mahu untuk menjadi peguam belanya. Memang sedap bunyinya. Tetapi Yang Berhormat tahu atau tidak kalau kita hendak ikut itu bermakna kita juga mesti diberikan hak untuk memilih siapa yang menjadi hakim kita.

Kalau hendak betul bebas, sebab kita kata hakim ini tidak boleh dipercayai. Kita tidaklah kebiasaan sampai begitu, malah saya hendak beritahu untuk melantik hakim-hakim ini mengikut Rule 10 dalam United Nations, dalam melantik hakim ini kita tidak boleh tidak melantik seseorang itu kerana agamanya berbeza, kerana warna kulit berbeza ataupun bangsanya atau kaumnya. Tidak boleh. Melainkan ada satu pengecualian yang diberi iaitu kita boleh menolak orang itu menjadi hakim kalau sekiranya dia bukan merupakan, *the national of the country concerned*.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah dahulu, duduk dahulu. Jadi, ini satu *exception* yang diberi iaitu bahawa dalam soal hakim ini kita tidak boleh tidak lantik orang itu kerana warna kulit, tetapi ada satu pengecualian iaitu bahawa kalau kita tidak lantik dia kerana dia bukan warganegara kita, itu bukan merupakan diskriminasi. *By the same argument, by the same token*, sepatutnya dalam soalan peguam bela dalam negara ini pun tidak payahlah peguam bela, peguam negara dari negara luar yang bukan warga kita dibenarkan untuk membela kita, *by the same token*.

Kalau hendak dikatakan iaitu bahawa peguam bela tidak ada pemahaman dalam isu yang tertentu, saya percaya kita juga boleh mempertingkatkan hakim kita, kita boleh kata dia pun tidak ada pengalaman dalam kes ini, tetapi tidak boleh. Maknanya kalau seorang itu tidak jadi hakim kerana dia bukan warga kita, itu satu pengecualian yang diberikan oleh United Nations. Jadi, *by the same argument* saya rasa peguam bela pun tidak perlulah kita beri kebebasan untuk dia hendak pilih siapa yang dia suka. Ini kerana saya fikir sudah cukup untuk peguam-peguam yang ada di negara kita ini yang berpengalaman, yang berilmu pengetahuan untuk membela kita tanpa kita minta bantuan peguam dari luar negara.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua Menteri hari ini pun mengelirukan dengan memberi jawapan yang tidak kena-mengena. *He's comparing an apple and an orange*. Tidak ada kena-mengena. Bila saya menyatakan peguam dia tidak ada jawapan mengenai perkara itu, dia membawa mengenai hal-hal yang tidak ada kena-mengena. Saya tidak menyoalkan mengenai hakim-hakim yang layak untuk *to dispense justice* dalam hal ini.

Yang saya pertikaikan adalah Seksyen 18, di mana dikatakan bahawa kita boleh memberi peluang untuk memilih peguam-peguam yang kita suka tetapi ada beberapa sekatan di sana. Yang saya pertikaikan adalah di mana bila satu *litigant*, bukan di mahkamah biasa, di Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, di mana ada kaliber-kaliber yang tertentu. Bukankah *litigants* yang perlu diberi kuasa untuk membuat keputusan? Kenapa pula Majlis Peguam atau undang-undang yang ternyata memaksa *litigants* memilih peguam-peguam di negara ini. Itulah yang kita perlu asingkan. *You don't come here and compare between apple and oranges. They are entirely different story. We are not that kind of silly goose to take your argument.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kerana 'bodoh' itulah saya terpaksa beri penjelasan. Kalau dia cerdik saya sudah cakap sekali dia faham. Kita bercakap tentang kebebasan....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Menteri ini tidak ada alasan. Tidak ada alasan yang munasabah *so you find a way out.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *You must be very specific.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya spesifik la....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *You cannot compare apple and oranges.* Beritahu terus.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...sebab kita bercakap tentang orang memahami undang-undang. Jadi, kalau orang memahami undang-undang termasuklah hakim. Kalau kita benarkan saya kira saya juga boleh pertikaikan hakim-hakim itu, saya kata saya tidak ada keyakinan, *I got no confident with the judge up there, I want a judge from outside.* Sebab itu saya kata tidak boleh benda ini, maknanya kita sudah ada kita punya sistem sendiri, infra kita sendiri, gunalah apa yang ada dan saya percaya bahawa ramai peguam kita yang tahu tentang undang-undang yang ada kaitan dengan kes macam *Metramac*, *simple case* sahaja bukan ada sesuatu benda yang luar biasa.

Jadi, sebab itu saya rasa, saya sekali lagi menyatakan bahawa saya bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh mahkamah kerana saya bimbang kalau mahkamah membenarkan Cherie Booth masuk, itu merupakan satu kenyataan, *a public statement made by the judiciary, a show of no confidence in our law practitioners. It will....*, ia akan keluar ke seluruh dunia dan orang akan hilang keyakinan dengan kebolehan peguam-peguam. Sebenarnya kalau peguam-peguam – maknanya akan hilang keyakinan dengan infra sistem.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sebaliknya ia akan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia belum bagi jalan, sila duduk Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *administration of justice in this country.* Ia akan menyebabkan orang tidak akan datang melabur dan macam-macam lagi. Saya sudah rasa keputusan itu adalah tepat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Memperkukuhkan.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Memperkukuhkan lagi.....

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai Seksyen 18 yang menyulitkan ialah kerajaan membenarkan kita semua, orang ramai memilih peguam dari luar negara, Q.C – tetapi syaratnya begitu sukar, *very subjective*. Syaratnya ialah peguam itu mempunyai suatu pengetahuan yang tidak ada di Malaysia.

Saya ingin cadangkan kepada kerajaan dan saya harap Yang Berhormat Menteri timbangkan, kita mansuh sahajalah Seksyen 18 ini kerana agak nakal kadang-kadang bila kita dengar peguam-peguam berhujah, Datuk Shafie atau Tommy Thomas menyatakan Cherie Blair tidak ada pengetahuan yang luar biasa. Tetapi dalam kes-kes sebelum itu di mana mereka mahukan Q.C, mereka mengadakan Q.C ini dan itu mempunyai kelebihan. Jadi, saya cadangkan *let's spare the embarrassment*, dengan izin, *spare the agony* kerajaan mansuh sahajalah Seksyen 18. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri kita ada peguam yang cukup, kita ada keupayaan sendiri, so, tidak perlulah kita melalui proses penentuan apakah peguam itu mempunyai kebolehan itu dan ini.

Saya cadangkan sudah sampai masanya seperti juga negara-negara lain, kita gunalah peguam kita sendiri - atau mansuhkan Seksyen 18 supaya kita tidak lagi pada masa yang akan datang bertemu dengan hujah-hujah yang *artificial* ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Kita sebagai kerajaan yang mendengar, kita pulanglah kepada pihak Majlis Peguam, sampai masa kalau mereka merasakan hapus terus, hapuslah tetapi kalau kata hendak beri peluang tetapi keputusannya dibuat oleh mahkamah, itu pun kita ikutlah. Sebab sememangnya kita mewujudkan *Legal Profession Act* ini ialah untuk menguruskan perjalanan peguam-peguam di negara kita.

Jadi, saya tidak boleh terima pandangan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat itu sebagai pandangan majoriti sebab dalam perbualan saya dan perbincangan saya dengan Majlis Peguam pun mereka tidak langsung membangkitkan perkara ini. Saya kira *legitimate* untuk mewakili kepentingan peguam-peguam ialah Majlis Peguam. Dan, seperti mana yang saya sebut saya tidak jumud, saya terbuka. Kalau orang hendak kita buatlah kerana ini semua untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu adalah ini. Adakah kerajaan berhasrat untuk memansuhkan Seksyen 18?

Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri adalah ini terpulang kepada Majlis Peguam. Itu bukan jawapan. Adakah kerajaan hendak membuat pindaan kepada *Legal Profession Act* untuk memansuhkan seksyen itu, bolehkah saya dapat penjelasan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, banyak daripada kita punya pindaan dibuat itu di atas kehendak Majlis Peguam Malaysia, bukan kehendak kita. Kita tidak boleh *impose* kita punya kehendak di atas mereka melainkan ada perkara-perkara tertentu.

Jadi macam dalam hal ini kalau sekiranya datangnya ini daripada pihak peguam, sudah tentu kita akan pertimbangkan. *But the government has no interest in this. What does it concerned us* dengan izin. Sama ada Cherie Blair boleh datang atau tidak boleh datang tetapi kita dengar cakap peguam sebab mereka merasakan iaitu kalau dibenarkan orang luar masuk, ini seolah-olah menunjukkan bahawa kita tidak berkemampuan. Saya faham pandangan pihak peguam dan saya bersimpati. Jadi untuk hendak suruh saya sebagai seorang Menteri hendak kata bagi pendirian kerajaan, memanglah pada hari ini saya tidak boleh memberikan kita punya pendirian sebab dalam hal ini *Legal Protection Act* ini kita wujudkan untuk peguam-peguam.

Jadi apa yang mereka hendak kita akan pertimbangkanlah. Jadi tengoklah pada masa akan terpulang kepada Majlis Peguam Malaysia. Ini kita bebas. Saya sudah sebutkan Majlis Peguam Malaysia ini dia kena bebas. Jadi kalau dia hendak beritahu kepada kita dan kita timbang. Setakat hari ini tidak ada, maka kekallah Seksyen 18 itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada dengar Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan juga Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan juga saya percaya Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor juga, dia mahukan iaitu supaya rang undang-undang kita ini terlebih dahulu sebelumnya terbentang di sini hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Majlis Peguam Malaysia.

Saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa rang undang-undang yang datangnya pada keseluruhannya ialah Rang Undang-undang Eksekutif, *Executive Bills*. Jadi *Executive Bill* ini kita sudah mempunyai kita punya pasukan kita sendiri iaitu *AG's Chambers* untuk melihat semua perkara dalam hal ini termasuk *drafting*, termasuk keperluannya mengadakan perjumpaan dengan pihak-pihak yang ada *interested parties*, itu kerja dia. Kerja kementerian berkenaan di mana rang undang-undang itu berasal untuk mereka juga mendengar pandangan-pandangan daripada pihak orang ramai, jadi dia merupakan *Executives Bills*.

Jadi untuk kita hendak terlebih dahulu merujuk kepada Majlis Peguam Malaysia saya rasa itu adalah tidak perlu. Pertamanya kalau itu kita lakukan bermakna kita membelakangkan

Ahli Parlimen. Ahli Parlimen ini dia adalah *law makers*, jadi *the first law readings* itu mesti, *the first sight of the bills must be given to the law makers which elected by the people*. Macam mana kita hendak bagi *the first side of the bill* kepada Majlis Peguam Malaysia yang tidak dipilih oleh rakyat. *Why are we sitting here*, kita ini bukan sahaja Ahli Parlimen tetapi *we are the law makers*.

Jadi sebab itu saya fikirkan kalau sekiranya kita serah kepada Majlis Peguam Malaysia terlebih dahulu untuk melihat perkara ini, saya rasa ini seperti memperhinakan diri kita sendiri sebagai *law makers* terhadap keupayaan kita sendiri untuk membahaskan perkara ini. Kalau semuanya sudah *tip top* maknanya beri kepada *Bar Council*, *tip top* semuanya, tidak payahlah semua ini. Kita jadi *rubber stamp* sahajalah sudah tahu, *Bar Council* sudah tengok *guarantee* okey sahaja, buat apa hendak bahas lagi? Cop gazet sudahlah. Kita duduk di sini minum kopi satu *bill* datang, bentang lulus, bentang lulus, bentang lulus.....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua, penjelasan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri lagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Untuk hendak memberikan *the law makers*.....kalau tidak, kita tidak ada kerja di sini. Kalau tidak apa yang hendak kita bahaskan kalau semuanya sudah okey? Kalau ..., tetapi kita sebagai manusia sudah tentu mungkin ada kita punya kesilapan tertinggal di mana-mana, itulah peranan *law makers* untuk membawa perkara ini mungkin, kata kerajaan tersilap pandang...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itulah kerja kita. Supaya perkara ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Gelugor minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti dahulu, nanti dahulu, nanti dahulu!...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi lagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Supaya perkara ini boleh dibahaskan di dalam Dewan ini. Jadi jangan kita *abdicate* kuasa kita untuk menghalusi rang undang-undang ini dengan diberikan kuasa itu kepada satu pihak yang tidak dipilih oleh rakyat dan mereka mengambil alih jawatan kita. Jadi sebab itu saya kata tidak perlu kita runding, ini *Executive Bill* dan sememangnya tujuannya di bahas hendak dibahaskan supaya ianya dibangkit kalau ada di mana-mana kelemahan oleh *the law makers* iaitu kita semua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Pada fikiran saya, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri adalah untuk mengelirukan Dewan ini.

Kami tidak akan mencadangkan bahawa rang undang-undang diberi kepada Majlis Peguam Malaysia terlebih dahulu, rang undang-undang itu dibawa ke Dewan ini. Apa yang kami mahu adalah ini untuk mendapat pandangan daripada *Bar Council*, bukan *Bar Council substitute Dewan Rakyat*.

Bolehkah saya dapat penjelasan, jangan mengelirukan, *this man goes on talking, nobody knows what he is talking about. Go direct to the point*. Pandangan *Bar Council*, adakah pandangan itu penting, bagi kepentingan rakyat dan harus diambil kira. Bukan hantar bil kepada Majlis Peguam Malaysia terlebih dahulu, bil dibentangkan dalam Dewan ini, bolehkah saya minta penjelasan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia tidak boleh hendak jawab hujah saya, dia katalah saya mengelirukan dia, saya tidak mengelirukan dia. Kalau rang undang-undang itu ada kaitan dengan peguam, macam LPA kita runding dengan dia. Kalau Rang Undang-Undang itu berkenaan dengan *environment*, kita tanya *environmentalist*, buat apa kita hendak tanya kepada peguam-peguam. Kalau masalah itu berkenaan dengan doktor-doktor, kita rujuklah kepada doktor. Apa perlu kita rujuk kepada Majlis Peguam Malaysia?

Jadi soal perundingan ini kita lakukan tetapi saya fikirkan itu begini iaitu bahawa kalau perkara itu tidak ada kaitan dengan profesion berkenaan, tidak perlu untuk kita hendak rujuk kerana kalau bercakap tentang arkitek, tanya arkiteklah. Hendak tanya peguam buat apa? Dia bukan tahu tentang arkitek semua ini. Jadi sebab itu saya hendak sebutkan di sini iaitu bahawa kalau rang undang-undang semuanya, walaupun tidak ada kaitan dengan Majlis Peguam Malaysia hendak minta pandangan mereka, saya rasa itu tidak tepat. Pandangan itu mesti diberi kepada pakar, biarlah pakar itu beri pandangan.

Jadi sebab itu pakar ini maknanya kalau bercakap tentang *environment*, tanyalah *environmentalist*, kalau bercakap tentang hal-hal arkitek kah, akauntan kah, tanyalah kepada arkitek, akauntan. Jadi saya tidak mengelirukan saya cakap benda yang benar iaitu bahawa apa yang kita buat ini adalah betul dan kita hanya rujuk kepada Majlis Peguam Malaysia kalau sekiranya ada perkara yang ada kaitan dengan peguam-peguam....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, alasan-alasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tidak merujuk rang undang-undang untuk mendapat pandangan, ini tidak boleh diterima.

Nombor satu, alasan-alasan ini adalah cacat dari segi logiknya kerana sebelum ini, kita ada undang-undang yang spesifik di mana semua rang undang-undang patut dirujuk dan mendapat pandangan tetapi ia telah dipinda pada tahun 80-an.

Jadi memandangkan keadaan sekarang, kita ada satu situasi di mana Majlis Peguam dan kerajaan boleh bekerjasama, *can work hand-in-hand*, maka pada pandangan kami lebih baik memandangkan mereka ini adalah fasih dalam hal undang-undang, bukankah sudah sampai masa, *we are open and transparent*, menghantar apa-apa bil untuk mendapat pandangan bukan

setakat mendapat arahan-arahan untuk meminda dan sebagainya tetapi untuk mendapat pandangan sahaja. Adakah itu satu kesalahan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu bukannya kesalahan, kalau *to be open and transparent* maknanya di sinilah. Kita beri rang undang-undang ini *First Reading*, jadi Yang Berhormat semua baca lah, bacalah sendiri bukan kita tidak ada *First Reading*, *Second Reading* kita terus bahas sahaja tidak ada, kita ada *First Reading*, di sinilah Yang Berhormat tengok. Itulah *open and transparent*. Tidak ada di dalam dunia yang *open and transparent* ini hanya dibuat di luar Dewan, tidak ada. Dalam Dewan ini *open and transparent* lah. Saya tidak tahu, *First Reading for three days* kah Tiga hari?...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tiga hari.....nanti dahulu, nanti dahulu, saya tidak habis lagi. Oleh sebab itu saya hendak tanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional, saya punya jawapan saya ini cacatkah?

Beberapa Ahli: Tidak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sendiri dengar. Cacatkah saya punya jawapan? [*Dewan riuh*]. Ya, dia ini cakap cacat. Dia satu orang cakap cacat. Jadi inilah orang kata diktator ini. *The tendency to become dictator*. Apa dia cakap, walaupun dia seorang, dia kata betul. Saya cakap, sudah tentu di belakang saya, ada penyokong saya. Jadi, tak perlu nak tanya, cacat cela kah? Daripada pandangan pembangkang, memanglah cacat dan cela. Tetapi dari pandangan kerajaan, tidak begitu. Jadi, jangan dok sebutlah cacat ke cela ke. Ini bercakap ini maknanya tak boleh nak berhujah dengan saya dah. Macam itulah. *Dismissed*, macam Tun Mahathir kata, *dismissed I don't care for the opinion*. Itu maknanya, tak bolehlah. Jadi, terikut-ikut perangai ini. Kita cakap benda betul. Itu bahawa tidak perlu untuk kita bawa kepada Majlis Peguam. Biarlah perbahasan itu dibuat di sini. Bangkitlah apa bangkit sekalipun, dan terpulang kepada Yang Berhormat untuk menggunakan kepakaran peguam kah, Majlis Peguamkah? Untuk membahas, kerana itulah kerja Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Gelugor, sila.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua. Nasib baiklah. Ada peguam-peguam dalam pembangkang yang berhenti untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Apabila satu Rang Undang-undang adalah diluluskan. Saya hairan, Menteri ini adalah seorang peguam. Walaupun saya tidak nampak muka dia dalam mahkamah, dalam pengalaman saya 37 tahun. Dia tidak ada langsung apa-apa pengalaman. Dia menyatakan tadi, jika satu Rang Undang-undang ada kaitan dengan *Bar Council*, boleh dirujuk kepada dia untuk pandangan dia. Tetapi Rang Undang-undang lain, tak perlu.

Tuan Yang di-Pertua, semua Rang Undang-undang yang menjadi Akta, ada digunakan oleh peguam-peguam dalam mahkamah-mahkamah. Ada ditafsirkan Seksyen-seksyen dalam akta-akta ini, hakim-hakim dalam negara ini memutuskan adakah interpretasi-interpretasi itu

betul? *Now*, oleh itu, adalah penting, penting untuk dapat pandangan. Bukan daripada doktor-doktor. Dia menyatakan tadi, doktor-doktor. Doktor-doktor dan akauntan-akauntan, tidak dilarang untuk menjadi presiden atau ahli-ahli dalam MMC, *Malaysian Medal Council* atau Persatuan Akauntan. Tetapi kami tidak boleh. Peguam-peguam Barisan Nasional yang ada dalam Dewan ini, langsung. Ada dua, tiga ekor yang berdiri, kadang-kadang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Tetapi semua ini adalah, “*Yes, man*”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tak bolehlah merendah..

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Semua ini adalah, “*Yes, man*”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, janganlah merendahkan..

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Cuma, “*Yes, man*”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, janganlah merendahkan orang lain, Yang Berhormat. Itu kawan kita juga.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kawan itu betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mungkin dia tak nak ambil bahagian. Terpulang dengan dialah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Semua “*Yes, man*”. Nasib baik apa yang saya nyatakan tadi ada dua, tiga dalam pembangkang, yang berani untuk memberi pandangan dia walaupun pedas kepada menteri. Lebih baik, lebih baik terima. Menerima apa yang baik, iaitu pendapat. Mendapat nasihat pandangan daripada *Bar Council*. Oleh sebab *Bar Council* adalah *di representative Board of* dengan izin, *twelve thousand lawyers in the country*. Jangan takut daripada *Bar Council*.

Apa pun Yang Berhormat Menteri adalah seorang peguam. *Stand up. Stand up for the calls of be lawyers in the country*. Jangan menyatakan, “Oh, sekarang suasana lain”. Bukan. Apa yang ada dalam masa kebelakangan. Sekarang, hubungan dengan *Bar Council*, baik. Tetapi apabila ada dalam Dewan ini, nyatakan apa yang tidak bagi kepentingan *Bar Council*. Bolehkah saya dapat penjelasan daripada menteri?

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Barisan Nasional, jangan kecewalah dengan apa yang dia cakaplah. Sebab, mungkin dulu orang panggil dia ‘beruk’. Oleh sebab itu, dia anggap kita ini ekor sahaja. *Actually referring to them* lah ya? Jadi, saya nak bagitahu di sini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Sabak Bernam.

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap, sekejap.

Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang Berhormat, boleh bagi ruang sedikit tak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap, saya jawab sekejap. Sebab kita kena jawab dia. Dia, memang hubungan kita, memang saya hendak baik dengan peguam, Majlis Peguam. Jadi, kalau bayangkan, kalau dia Presiden *Bar Council*, berperang balik kita dengan Majlis Peguam ini. Sebab itu, Ahli Parlimen tak boleh jadi presiden. Presiden ada dekat sana. Kita ada hubungan baik. Kita, ada-ada perkara yang mereka hendak, kita boleh berikan. Tetapi juga, kita kena ingat, kalau setiap *Bill* kita bagi kepada dia, kita membebankan dia. Dia tidak ada satu unit untuk melihat semua *Bill* ini. Bukan sikit, banyak. Kita tidak mahu dilihat, kalau nanti sekali, kalau saya buatlah kata. Semua *Bill*, saya bagi, saya bagi. Nanti, siapa yang nak buat kerja ini? Dia punya guaman, firma guaman, apa nak jadi?

Jadi jangan kita *inflict* masalah kepada kita. Akhirnya nanti, orang kutuk balik kita. "Ha, itulah. Dah bagi *Bill* semua, tak terbaca *Bill*". Dia bukan satu, dua *Bill*. Dia banyak. Jadi, kita memahami iaitu beban kerja dan Majlis Peguam, dia orang semua *voluntary*. Ada yang dicadang untuk jadi presiden, menolak. Kerana dia punya firma guaman, *neglected*. Dia bukan satu kerja yang menjadi rebutan. Jadi, sebab itu, kita kena fikir semulalah, ya? Tapi yang elok, saya ingat untuk menjaga hubungan dua-dua, yang mana mereka minta, kita akan beri.

Saya akan maklum kepada Peguam Negara. Dia pun mempunyai hubungan yang baik dengan Majlis Peguam di mana *Bill* yang mereka kehendaki, kita akan berilah. Kalau yang mereka tak minta, kita tak payah beri, supaya jangan membebankan kerja mereka. Kerjanya *voluntary*, bukan ada bayaran, ganjaran yang banyak sangat pun. Oleh sebab itu, kita saling faham-memahami. Tetapi saya bagi jaminan iaitu apa juga yang Rang Undang-undang mereka minta, saya akan maklumkan kepada Peguam Negara supaya untuk kita memberi,...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*bangun*].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk dulu, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk. Jangan bangun. Cuba bagi jalan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Supaya kita memberikan permintaan mereka. Berkenaan dengan *lawyers*, sebenarnya Yang Berhormat sebut tadi, *don't want beat with the laws*, ya? Sebenarnya, *it's not their concern* ini, saya nak bagi tahu. *They apply the law. Lawyers apply the law. Hakim interpret the law. MP's, we make the law. We are the law makers.* Ini semua kita baca dalam buku. *We are the law makers.* Jadi kita buat undang-undang, yang *apply* undang-undang ini adalah *lawyers* di mahkamah, dan yang *interpretenya* adalah hakim. Jadi, walaupun saya tak lah praktis macam dialah. Dia berasa dia praktis lama, tetapi saya juga kelulusan undang-undang, cuma pilihan saya sahaja. Saya masuk politik. Jadi, sebab itu saya nak sebut di sini, jangan lari daripada tanggung jawab *we are the law makers. Lawyers are the people who apply the law, and hakim, they interpret the law.* Semua sudah ada peranan. Kemudian, telah saya sebut di sini..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Pohon penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduklah dulu. *Now, I'm very impress by you.* Sebab *you* tolong kita punya kawan Bukit Gelugor macam *ironside*, ya? Macam *ironside*, *lawyer* yang duduk atas *wheel chair*. So, dia baik sebenarnya, Batu Gajah ini, tolong angkat ini. Jadi, jangan rosakkan saya punya *impression* lah. Macam Perry Mason..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya tak payah...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Perry Mason dengan Della Street.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya tak payah, Yang Berhormat ada *impression bite*. Tak payah, terus jawab, jawab...!!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia punya *secretary*. Sebab itu dia Perry Manson ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jangan buang masa, jawab dengan baik-baik, cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah, Batu Gajah, bagi jalan..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Perry Manson ini dia ada *secretary*, nama dia Della Street. Macam itulah perangai dia.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tak payah cerita yang lain-lain. Jawab dengan baik-baik, cukup.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya. Eh, apasal nak marah saya pulak ini? Saya punya *floor*.. You tak tahu peraturankah? Saya punya *floor*, apa fasal *you* nak sibuk pula? Belajar undang-undang kat UIA. Inikah yang dimaksud oleh pembangkang, *lawyer* tak faham undang-undang, inikah? Ha, jangan jadi macam itu. *You*, bagus. *I'm very impress*.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Menyampuk*].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tolong, tolong *ironside*.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dalam mesyuarat kata, diputuskan masa mesyuarat. Jadi jawab baik-baiklah. Tak payah..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Eh, itu hak sayalah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tak payah memesong, *you know*, terpesong daripada ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu hak sayalah. Hak sayalah. Kalau sebelah sana pun dia nak bercakap, dia boleh pergi. Itu hak dia.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau tidak minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini apa ini? Awak tidak diberi keizinan untuk bercakap, malulah orang tengok pegawai tengok tidak faham. Yang inilah yang *lawyer* yang katakan tidak tahu undang-undang jadi *lawyer* ini, ini lah dia.

Jadi Yang Berhormat, saya hendak sebut di sini iaitu bahawa apa yang dibangkitkan itu sebenarnya Majlis Peguam, apabila dia hendak kita beri tidak ada masalah. Tetapi kita jangan

bebaskan mereka dengan satu benda perkara yang boleh membebaskan mereka. Kita semua tahu Majlis Peguam semua *volunteer* ya. ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih menteri. Saya sebenarnya sepanjang perbincangan ini, dialog ini cukup baik dan matang. Saya cuba mengikuti dan menjiwai perbincangan ini tetapi apabila Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tiba-tiba mengeluarkan kenyataan bahasa yang bukan sahaja tidak manis bagi saya biadab. Dia menyatakan ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional sebagai beberapa ekor, saya ingat ini satu perkara yang tidak harus timbul dalam perbincangan yang begini baik. Oleh sebab itu saya memohon supaya Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor menarik balik kenyataan beberapa ekor peguam daripada Barisan Nasional kerana perbincangan kita begitu baik, jadi teruskan dengan kebaikan ini. Terima kasih dengan maaf.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bahasa menunjukkan bangsalah, bahasa menunjukkan bangsa. Tidak payah kita menyuruh dia tarik balik tetapi biarlah pegawai yang tengok yang ada di sini akan memahami bagaimana perangai dia. Tidak payah tarik balik, *nothing to me* lah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa dia? Saya hendak pergi kepada yang seterusnya berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mengatakan iaitu bahawa, dah panjang ini Yang Berhormat, nanti saya jawab nanti saya ada saya punya apa ni ya. Kalau tidak habis ini, banyak lagi. Banyak lagi ini. Ini berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat mengatakan itu bahawa ada pandangan daripada bekas peguam negara yang menyatakan iaitu bahawa ada orang yang dia telah apabila di minta pandangan, ada orang yang dia mencadangkan tetapi waktu dia menjadi peguam negara, orang itu tidak dilantik tetapi selepas dia dah bersara, baru dilantik.

Jadi saya hendak sebut di sini Yang Berhormat yang pertamanya, ini selalu perangai oranglah. Apabila dah tidak pegang jawatan barulah hendak bercakap banyak, itu betul itu tidak betul. Walau bagaimanapun, saya percaya itu bahawa pertamanya kalau sekali pun dia dirunding sebagai waktu itu dia AG, tidakkah kita juga terfikir iaitu kalau nama-nama yang dicadangkan oleh AG itu benar-benar dilantik sebagai hakim, tidakkah ianya akan memberikan *advantage* kepada peguam negara itu apabila dia muncul di hadapan hakim yang dia telah

rekomen untuk dinaikkan pangkat. Itu satu *advantage* dan saya percaya peguam negara itu kalau orang yang dia cadang rekomen itu dia akan bagi tahu. Dia mesti bagi tahu punya.

Actually you naik, I rekomen dan dia akan dapat tahu. Jadi itu akan memberikan *advantage* kepada orang yang menjadi hakim atas *recommendation* AG. Jadi mungkin itu satu sebab mengapa dia nya tidak dilantik. Bukan kerana benci kepada orang itu. Kedua, kita tahu itu bahawa AG ini pun dah bersara dan lama dah. Yang ganti dia pun sudah pun meninggal dunia, yang sekarang ini pun dah dekat tiga empat tahun. Saya kira-kira dia dah bersara lebih daripada 10 tahun dah. Bermakna kalau dia kata orang yang cadang itu hari ini menjadi hakim, pada waktu dia mencadangkan itu mungkin dia masih muda lagi tetapi orang yang sama itu sudah umur 60 ya, jadi layak umur nya itu ke boleh jadi hakim.

Jadi perkara ini bukanlah satu perkara yang mengejutkan. Dia boleh berlaku, sebab itu untuk hendak mengatakan bahawa peguam negara dahulu tidak dipedulikan pandangan dia, kalau kita lihat sekali gus mungkin begitu tetapi kalau kita duduk dan kita fikirkan, ada sebab-sebabnya mengapa orang yang dicadangkan itu tidak dilantik sebagai hakim. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Syed Aidid saya hendak sebut di sini iaitu pertamanya perkara ini..

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor sila.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menteri ada menyatakan tadi dia memanggil saya *ironside*. *Ironsides* adalah seorang peguam dalam siri saya ingat dia ada dalam *wheel chair*. Insya-Allah tidak berapa lama lagi saya berdiri atas kaki saya. Jangan memperkecilkan saya. Itu, adakah itu baik? Tadi saya ada menggunakan perkataan ekor kerana ahli-ahli Barisan Nasional khususnya *lawyer-lawyer* dalam Dewan ini adalah *without backbone*. Semua *yes man*, apa pun *yes, yes yes*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, itu tiada kena mengena dengan Akta ini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *No, no*. Tadi ada seorang ahli Yang Berhormat berbangkit mengenai perkara itu iaitu saya menarik balik perkataan ekor. Saya menggunakan itu dalam konteks apa yang jadi apabila semua *yes man, yes minister* itu. Keadaan seperti itu tidak baik untuk kepentingan Dewan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat jangan cakap sepatah sahaja. Mungkin dia suka hina orang maka dia ingat apa yang saya sebut itu saya menghina dia. Kalau kita tengok dalam televisyen, *Ironsides* ini menang kes banyak. Ya, *so please* la Yang Berhormat. Jangan fikir itu bahawa saya niat jahat, setiap. Mungkin Yang Berhormat fikir saya ini niat jahat sebab dia niat jahat kepada saya. Mengata saya tidak pergi ke mahkamah la, macam-macam.

Dia yang mengata saya. Saya percaya kalau macam Perry Mason dengan Della Street. Perry Mason ini satu peguam, saya bukan sebut dia Ironside sahaja, saya sebut Perry Mason sebagai contoh. Perry Mason dia bukan cacat. Perry Mason dia berdiri *steady*, dia ada *secretary* nama Della Street macam sekarang Yang Berhormat bagi Batu Gajah lah. Bila Perry Mason hendak bercakap bagi dia *good secretary and* Perry Mason menang kes banyak. Jadi Yang Berhormat janganlah, tolong ya. *I'm not like you, please*. Jadi saya tidak menghina dia. Dia boleh *check* Ironside. Mana ada kes dia kalah, semua dia menang.

Macam itulah dekat dia. Kita dengar kes dia selalu menang. Itu *is something which is* ada sebenarnya kalau dia tidak berniat jahat terhadap saya, dia akan fikir ini satu pujian terhadap dia. Ironside menang semua kes. Perry Mason pun menang semua kes. Jadi saya minta Yang Berhormat jangan ada sangkaan jahat terhadap saya. Saya dalam dewan Rakyat, kita hormat di antara satu sama lain dan saya tidak berhajat jahat langsung. Tolong ya, baik. Boleh, setuju? Tiada niat jahat ya. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat menteri mengatakan apa yang disalurkan dalam *interview* Tan Sri Abu Talib, saya rasa Yang Berhormat menteri ingin *blur the situation*. Yang betul adalah bahawa beberapa hakim yang sekarang dia menolak kerana ada kualiti-kualiti yang tertentu di antaranya adalah hal-hal peribadi yang oleh sebab situasi telah bertukar, ada kita AG yang baru, mereka telah melantik dan mereka sekarang ada sebagai hakim di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Jadi macam mana ada kepercayaan kepada badan kehakiman jika hakim-hakim ini yang dikatakan *talented*, macam mana mereka boleh fungsi dan kepercayaan kepada rakyat?

Jadi ini menjadi masalah. Jika Tan Sri Abu Talib tidak menyuarakan perkara ini, kita tidak tahu. Jadi inilah, ini lah situasi di mana satu *judicial commission* patut ada di mana proses *selection, promotion* dan *appointment* kita dapat tahu dengan tulus. Jadi inilah yang diperlukan. Jadi jangan kita *run away from our real responsibility* dan mengatakan bahawa mereka tidak cukup umur, *that is illogical and no logic* kepada jawapan yang diberi oleh menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz : Saya tidak *blur situation* yang mengelirukan dia aje. Dia sebut tentang Muttalib spesifik tentang nasihat kepada hakim selepas itu dia berhenti tidak dilantik jadi saya jawab di sini ajelah, apa yang ditanya kepada saya. Buat apa nak kait-kait cerita wawancara yang lain, dia tidak sebut benda yang lain dia sebut yang tu jadi saya jawab benda yang itu. Jadi tidak boleh menyalahkan saya, saya bukan nak mengelirukan dan soal untuk melantik hakim ini bukan kuasa *Attorney General*. *Attorney General* ni dia hanya setakat *Session Court Judge* dan juga apa ni majistret je. *Superior Court* punya

hakim ni semua *Chief Justice* jadi tidak bangkit soal, ini yang kita takut ni apabila kita pegang iaitu bila *advice* minta nasihat Peguam Negara bagi nasihat maka kita ibaratkan iaitu bahawa kalau tidak lantik kerana benci kepada Peguam Negara.

Sepatutnya Peguam Negara dengan *Chief Justice* tidak boleh gaduh. *In the interest of administering justice in this country* dengan izin, *they should be together*. Jadi saya takut nanti sistem kena tukar pula, masalahnya individu. *Chief Justice* itu ada *problem* ke, Peguam Negara ada *problem* ke, jangan kerana individu kita tukar sistem, tukar individu itu. Sebab itu saya Yang Berhormat saya tidak mengelirukan. Saya dalam Dewan Rakyat saya nak jawab apa yang dibangkitkan memang saya kena jawab kerana kalau tidak bangkit itu boleh dianggap sebagai saya mengelak daripada menjawab dan mungkin perkara itu adalah betul. Syed Aidid sekali lagi saya hendak mengatakan perkara ini berlaku 10 tahun yang dulu. Dan saya hendak sebutkan di sini *it is not fair, the man is dead, long dead*, itu arwah Tan Sri Mohtar kalau sekalipun Syed Aidid kata dia *retorted* cakap balik *it not a gun it was a cannon* macam mana saya hendak buktikan kesahihan itu. Orang itu sudah tidak ada. *It not fair*.

Saya ingat dia sebagai bekas hakim pun *it not fair to pass that remark because* kita tidak boleh nak *confirm* benda itu *hearsay we cannot confirm* apa yang dicakap itu adalah benar sebab orang yang berkata itu telah tidak ada dengan kita. Jadi sebab itu dalam soal Syed Aidid ini ia Yang Berhormat, pertamanya dia bukan buat surat terbuka, kita sudah siasat dia bukan buat surat terbuka pertamanya surat layang, apabila disiasat surat layang itu maka didapati ianya berasal daripada Syed Aidid. Maka oleh kerana itulah untuk menjaga imej *judiciary* ini terpaksa berhenti kerana *cannot allow one judge to make a baseless allegation against other.....judges it not fair*, tak boleh sebab itu dia kena berhenti.

Dan kita siasat nama-nama yang dibangkitkan itu kita siasat dan didapati tidak betul, cakap-cakap ni banyak, orang cakap-cakap tapi bila datang untuk menunjuk bukti yang sah yang menunjukkan bahawa perkara itu berlaku dia orang tidak tampil ke hadapan. *We cannot say people* kita tidak boleh bagi alasan kata *people is afraid to come forward that is not a reason*. Kita kena sah betul-betul bahawa ini *allegation* dia berlaku dan kerajaan bersungguh-sungguh sebenarnya selepas kes itulah pada tahun 1997 kita membenarkan ISA untuk juga menyiasat surat layang. Kerana hendak memperkukuhkan kesungguhan kita. Sebelum itu tidak ada, sebelum itu kalau surat layang tidak perlu dilayan. Tetapi sekarang ini boleh walaupun kita tidak mahu orang jadi budaya orang buat surat layang. Tetapi untuk membolehkan *to facilitate ISA investigate* boleh lihat surat layang itu dan boleh siasat. Jadi ini kesungguhan kita telah pun siasat dan didapati tidak bersalah.

Makna itu bahawa 10 tahun kemudian Syed Aidid boleh bercakap *that speaks well for demonstration now*. Kita tidak halang orang untuk bercakap apa pun janganlah panik bila kita sudah benarkan orang bercakap bebas lepas itu kita hendak panik tidak bolehlah macam itu. Kalau hari ni kita tengok macam-macam *allegation* dibuat *it speaks well for the administration*

because we allow for this to happen which never happen before tetapi kita juga sebagai rakyat baca jangan *straight away* kita fikir iaitu apa yang dicakap itu semua betul tidak boleh begitu. *Do you want us to go back previous* balik macam dulu? Saya rasa tidak. Seorang *journalist senior* bagitahu saya dia kata Dato', *what is happening to this country? Never happened before now everybody is a talking no control. I said* saya sendiri *no control because last time we control.* Jangan kita panik dan jangan kita takut dan kita harus faham kalau hari ini dia bercakap 10 tahun kemudian itu kerana sikap liberal yang diamalkan oleh pentadbiran sekarang.

So sebab itulah janganlah fikir bila orang berani bercakap itu dah betul dah. *As lawyers* kita *check* dulu *it is his right* hak dialah untuk hendak menyuarakan tapi kita janganlah percaya cepat. Siasat dulu. Jadi oleh kerana iaitu saya nak katakan sebab itu saya keluarkan kenyataan sebagai Menteri menjaga Undang-undang saya kata kes ini dah tutup lama dan kalau hari ini dia bangkit itu ialah kerana sekarang ini lebih liberal suasana dia boleh bersuara. Kalau dulu dia *invisible man* sekarang dia tidak jadi *invisible man* dah. Semua orang kenal dia dah, nama pun dah disebut dalam Dewan ini. Jadi itu saya punya jawapan berkenaan dengan Syed Aidid.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Barat

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa tidak akan menjalankan siasatan terhadap surat yang ditulis oleh Hakim Bersara Syed Aidid tetapi yang mustahak ialah dia juga telah mengatakan bahawa ada 12 hakim yang terlibat dalam korupsi dan mereka sekarang bertugas sebagai hakim di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Adakah kerajaan akan menyamakan siapakah mereka dan adakah kerajaan akan mengadakan satu *Royal Commission Inquiry* untuk menyiasat sedalam-dalamnya dan untuk mendapat satu kepastian yang bebas dan baik supaya khalayak ramai dapat mengadakan kepercayaan yang kukuh kepada badan kehakiman?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua ada dua benda di sini kalau hakim 12 orang itu yang dikata masih menjadi hakim. Pertama saya nak tanya adakah 12 orang itu orang yang dia namakan dalam surat layang dia? Kalau orang yang 12 orang ini dinamakan maknanya penyiataan telah dibuat dan didapati tidak bersalah dan kes telah pun ditutup. Tetapi kalau 12 orang ini bukan nama mereka didakwa dalam surat layang itu dulu kalau 12 orang ini orang yang baru saya rasa itu menjadi tanggungjawab dia lagipun semua orang sudah tahu dah dia yang *whistle blower* apa yang nak ditakutkan. Saya rasa tanggungjawab dia mesti laporkan kepada ACA 12 orang hakim ini yang saya maksudkan adalah orang yang baru bukan hak yang dulu. Itu tanggungjawab dia untuk melaporkan kepada ACA.

Dan saya bagitahu saya sebagai peguam, saya juga sebagai seorang menteri jaga Undang-undang *how can it be* kalau sekiranya adanya dakwaan seperti ini saya terus mengatakan ya *judiciary* memang rasuah tidak adil kita kena siasat dulu *more so* saya menteri jaga undang-undang, macam mana seorang menteri boleh terima saja apa yang disebut oleh

seorang yang sudah tidak ada tanggungjawab lagi sebagai hakim terima bulat-bulat. Tidak boleh saya mesti *standby my judges and in this country a man is innocent until proven guilty by the court of law, not by parliament, not by newspaper* saya kena tuan-tuan berucap pulak. Yang Berhormat kena faham saya ini.

Adakah saya seorang *honourable minister i dont stand by judges. Not fair i have to stand by judges so that's why* jangan hilang kredibiliti kalau saya tanpa penyiasatan saya keluar kenyataan ya mereka rasuah bermakna saya juga membuat *statement* bagi pihak kerajaan bahawa saya tidak yakin dengan hakim-hakim ini. Siasatlah dulu kalau betul barulah kita dakwa dan biarlah mahkamah khas siasat membicarakan dia, *give him a fair trial, that we all talk about.*

Saya minta, *I appeal to your good sense, do not go on the wrong page, okay. You know* kita...duduklah Yang Berhormat. Marah dengan hakim, *relax* lah, jangan marah dengan hakim.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, yang ini Dewan Rakyat ke mahkamah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, itulah jadinya kalau ramai Ahli Parlimen ini dia adalah *lawyer*, jadi mahkamahlah. Kalau ramai doktor, jadi hospital lah kita. Itu *you* jawab sendirilah. *Okay*, saya minta jangan *condemn* orang, *I am all for* basmi rasuah. Tetapi biarlah dengan cara yang betul. Hari ini pun saya pun tidak tahu yang 12 orang itu, adakah 12 orang ini orang yang disebut 10 tahun dahulu, atau pun 12 orang ini yang baru, yang dia ada bukti baru pula. *Report*, baru kita boleh buat satu penyiasatan yang mendalam. Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, mengenai hakim-hakim 12 orang, bolehkah kerajaan menamakan mereka. Itu yang saya ingin tahu. Dan kedua adalah bila dikatakan, baru-baru dalam *interview* oleh Tan Sri Abu Talib juga boleh dinamakan bahawa beliau percaya, bahawa penyiasatan yang telah dibuat oleh ACA nampaknya tidak sedalam-dalamnya. *The proper investigation was not done by capable officers* yang dia kata dalam *interview* dia. *That means* ada sesuatu yang tidak kena. *There were something wrong with the investigation that was some cover up of the whole issue*, dengan izin.

Jadi maka kita perlu adakan satu siasatan yang balik supaya 12 hakim-hakim yang ada sedia berkhidmat di badan penghakiman membawa ketidakpercayaan kepada badan kehakiman dan khalayak ramai macam mana akan jadi, *how can the system work?* Dan sebagai menteri semestinya menteri tahu, kerana nombor satu perkara ini sudah diketahui oleh khalayak ramai. Yang Berhormat *cannot be here*, dengan izin, *to say you don't know the 12 persons. You know, if you know, you have to say, if you don't want to say, you're lying, and I think it's not fair.* Dan mereka ini berkhidmat. Jadi selepas apa yang dikatakan oleh Tan Sri Abu Talib, *there are many questions* dalam perkara ini. Jadi untuk menyelesaikan perkara sekali gus adalah untuk mengadakan satu *Royal Commission of Inquiry* sekurang-kurangnya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya masuk dalam Dewan mula-mula sekali kita angkat sumpah, saya tidak bohong dan saya hendak beritahu saya tidak tahu pun nama 12 orang ini. *I don't know*, sebab itu *judiciary* dia bebas, saya tidak tahu, saya bukan bohong Yang Berhormat. *You want to call me* macam mana Tun Mahathir kata saya *half past six* punya *minister* pun tidak apalah. Hakikatnya saya tidak tahu, sebab... tiga suku pun bagus juga daripada *half past six*, dia lagi gila. Jadi saya tidak tahu, kalau Yang Berhormat hendak nama, sebagai kita menghormati kebebasan ini, *independent* kita ini, *we try as best as possible to remain separate*. Tolonglah tanya kepada *Chief Justice*, saya percaya dia juga *in the interest of the public*.

Dia akan umumkan 12 orang itu, bukan saya hendak mengumumkan, dia *Chief Justice* dia tahu siapa yang dimaksudkan, saya tidak tahu. Saya Eksekutif Menteri, dan *allegation* ini dibuat terhadap hakim, jadi minta pada *Chief Justice* lah. Dan sudah tentulah, bekas AG dulu tidak bersuara pun, tetapi mengambil kesempatan suasana liberal sekarang ini, dia bersuara. Waktu dia dalam kerajaan bekerja, tidak bersuara, sekarang bersuara. Jadi nampaknya rahsia itu kita pegang waktu pegang jawatan sahajalah.

We are not honourable people, so that the moment we are not longer in government we start to spill everything. Tetapi saya hendak beritahu apa dia cakap itu *mere speculation, not backed by evidence*. *If you take it at that, then you will understand* dengan izin iaitu bahawa *there's no further action to be taken*, melainkan dia sebagai seorang warga, dia berhak memberikan segala bukti-bukti yang ada, beritahu pada ACA untuk disiasat. Saya sebagai juga Menteri yang bertanggungjawab kepada BPR, saya tidak akan menghalang mereka untuk membuat penyiasatan demi untuk memastikan supaya kita boleh lawan rasuah di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada lagi benda lain hendak jawab Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Banyak lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pindah tajuk lain.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pindah tajuk-tajuk lain ya. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bertanya berkenaan dengan peraturan berapa? 7 ya? Iaitu bahawa apabila seseorang peguam membuat satu tuduhan kemudian dia tarik balik, tetapi Majlis Peguam berhak. Jadi saya ingat macam inilah Yang Berhormat, betul Yang Berhormat sebut iaitu bahawa itu terpulanglah orang yang mengadu, kalau dia tarik balik, habislah kes. Tetapi Yang Berhormat kalau dalam kes salah guna, benda serius.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Peraturan 8.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Peraturan 8, betul saya sebut tadi Yang Berhormat? Iaitu bahawa ada orang buat aduan kemudian penyiasatan sedang berjalan, lepas itu yang mengadu itu tarik balik, tetapi Majlis Peguam dia ada hak untuk teruskan juga, itu maksud Yang Berhormat ya, jadi hendak buang ini. Jadi Yang Berhormat punya *argument*, kalau

sudah ditarik balik tidak perlulah, itu hak *complainant*. Sebenarnya ini terpulung kepada Majlis Peguam. Itu hak mereka untuk hendak menguruskan LPA (*Legal Profession Act*) ini.

Tetapi saya lihat ada juga *strength argument* mereka iaitu bahawa tidak boleh ditarik balik kalau mereka putus untuk meneruskan. Mungkin pertamanya untuk mengelak daripada *complainant* ini membuat *frivolous* tuduhan terhadap... kemudian *lawyer* itu *settle* ya, tarik balik. Mungkin itu, saya tidak tahu. Tetapi begitu juga saya rasa ini salah laku seorang peguam, itu serius. Peguam ini satu profesion yang mendapat tempat dalam masyarakat. Tanpa kita buat apa-apa pun, kita jadi peguam, orang sudah hormat kita. Kerana *over the years, the tradition has been that lawyers are honourable*. Kalau saya daripada *Lincoln's Inn* tidak tahu Yang Berhormat daripada *Lincoln's Inn* sama, kita member of the *Honourable Society*.

Jadi *Honourable Society* maknanya daripada dulu orang hormat peguam. Sebab itu standardnya harus tinggi apabila kita menjaga imej kita. Kalau seorang buat *complaint against the government, against the crown, that complainant is not at liberty to* tarik balik kes itu, melainkan untuk *argue* untuk mendapatkan tuduhan yang kurang sedikit supaya didenda kurang. Tetapi untuk tarik balik tidak boleh *because the offence is against the crown*. Jadi bukan hak kita, walaupun yang kena ini kita, kita yang kena tumbuk tetapi *the offence is against the crown*.

Jadi mungkin Majlis Peguam melihatkan kalau *complaint* dibuat terhadap peguam maka *that is an offence against the Honourable Society of the Bar Council*. Jadi kita tidak boleh sewenang-wenangnya apabila sudah *coating* sudah *settle* dengan dia, tarik balik, sebab kesalahan itu di laku kepada *Honourable Society*, Majlis Peguam. Sebab itu mereka berpendapat tidak boleh tarik balik walaupun *complainant* hendak tarik balik. Kerana aduan itu dibuat terhadap *society* itu.

Saya kalau satu tahun saya jadi peguam orang hormat saya, bukan kerana saya kerana *society, the Law of Society*. *Lawyer* punya masyarakat itu orang hormat. Jadi kalau orang *complaint against me, is not complaint against me directly but against the society*. Jadi inilah yang dianggapkan itu bahawa mungkin mereka merasakan bahawa *complainant* dengan izin, *is not a liberty to withdraw the complaint at any time but once a complaint is made is up to the society*, Majlis Peguam itu membuat keputusan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Peruntukan yang ada dalam *regulations* dengan izin adalah seorang *complainant* ada hak untuk menarik balik aduan itu. Jika ada hak itu bermakna dia boleh buat pilihan dia. Adakah adil untuk *Bar Council* campur tangan? *Bar Council* bukan *complainant*. *Bar Council* bukan membuat satu surat sumpah, yang jadi satu keperluan untuk membuat satu *complaint*. Apa yang jadi adalah ini *Bar Council takes over, takes over something which was initiated by somebody else*, dengan izin. Dengan fikiran saya, *that is not fair, whether Honourable Society of the Bar Council and all that, those are irrelevant consideration*. Jika ada hak, hak itu boleh digunakan, dan *Bar Council* tidak

ada hak untuk campur tangan. Bolehkan saya dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Complaint* ini macam-macam *complaint*. *Ranging from minor offences to very serious offences, wide range.* Kalau kita boleh *zero in*, bahawa *complaint* itu boleh dibuat kepada peguam hanya dalam soal menipu sahaja. Tetapi menipu bukan satu perkara sahaja yang orang *complaint* terhadap peguam. Yang Berhormat bagi Bagan saya dengar dalam dia punya hujah semalam pun banyak sebut apa orang cakap tentang peguam-peguam ini.

Jadi biarlah kepada Majlis Peguam menentukan apa jenis kesalahan yang dilakukan yang boleh dianggapkan boleh dimaafkan dan boleh ditarik balik. Dan kesalahan yang lain pula yang dianggapkan serius yang sebenarnya tidak patut diselesaikan di antara *complainant* dengan peguam sahaja. *Because* ada serius *offences* yang dibuat, tetapi disabitkan oleh sebab sudah *settle* dekat luar ke, tepuk-tepuk tangan, peluk, bayar ganti rugi ke apa, tarik balik. Walhal *the offence* serius, sebab itu kena bagi ruang kepada Majlis Peguam, memang betul iaitu bahawa orang boleh tarik balik. Saya percaya Majlis Peguam pun kalau *offences* ini, katalah *complainant* itu geram dengan *lawyer* itu, tidak mahu layan dia, *very rude* ke, apa ke, lepas itu dia orang *settle*, saya percaya Majlis Peguam kata, *okay* lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sambung petang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini di tangguh sehingga 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 petang

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan menyambung ucapan. Silakan.

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan terus menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Tetapi dia tidak ada di sini, tidak mengapa kerana saya pergi kepada perkara-perkara yang lain terlebih dahulu. Saya akan

Berkenaan dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan yang mengatakan, bahawa ada cakap-cakap sesama peguam berkenaan dengan perkara-perkara yang disalahlakukan oleh pihak peguam-peguam ini. Namun saya ingin mengatakan iaitu

bahawa cakap-cakap ini sebenarnya tidak boleh kita gunakan itu sebagai perkara yang sah kerana ia adalah merupakan *hearsay* sahaja.

Namun, kalau mereka merasakan iaitu bahawa perkara itu adalah benar, maka kita sudah pun menyediakan saluran-saluran yang rasmi yang mana mereka boleh membuat laporan terus, iaitu kepada badan disiplin yang telah pun diberikan peruntukan di dalam rang undang-undang ini. Kalau Yang Berhormat sebut iaitu bahawa memang sukar untuk mendapat seorang peguam untuk menyaman peguam yang lain. Itu sudah tentulah sebab mereka merupakan profesion yang sama. Tetapi tidak bermakna bahawa kita tidak menyediakan saluran untuk mereka membuat aduan terhadap peguam berkenaan kerana seperti yang telah saya sebutkan, iaitu bahawa di dalam LPA ini pun telah disediakan cara-cara bagaimana kompelin itu boleh dibuat terhadap seorang peguam yang dianggap telah pun melakukan salah laku.

Saya percaya iaitu bahawa ada juga di dalam Dewan ini peguam-peguam mewakili Majlis Peguam dan duduk bersama akan mencatat apa yang dibangkitkan dan untuk dijadikan ianya sebagai tuduhan rasmi. Saya berharap supaya Yang Berhormat bukan sahaja mendengar kata-kata atau cakap-cakap sahaja, tetapi beritahu kepada mereka yang bercakap itu saluran yang rasmi di mana aduan itu boleh dibuat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Menteri. Apa yang saya dengar dari pelanggan-pelanggan ialah tuduhan-tuduhan atau komen-komen yang peguam mengenakan caj yang tinggi terhadap kes-kes, bukan salah laku mereka yang ketara dan baru-baru ini juga kita ada dengar rungutan-rungutan dari pesakit-pesakit bahawa doktor-doktor mengenakan *fee* yang amat tinggi terhadap perubatan mereka. Ini berlaku di klinik-klinik atau *specialists* swasta. Ini juga berlaku di mana-mana profesional lain, bukan sahaja di kalangan peguam atau doktor atau yang lain juga.

Saya ingin bertanya sama ada kerajaan akan mengadakan suatu garis atau suatu *fee* yang tertentu untuk kes-kes yang tertentu, atau satu senarai *fee* untuk kes-kes seperti yang dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan untuk diamalkan oleh doktor-doktor swasta.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya lihat pada senarai harga barangan yang terkawal atau yang dikawal, bayaran *fee* peguam tidak termasuk dalam harga kawalan ini. Sebenarnya kerajaan membiarkan kepada pihak Majlis Peguam iaitu komuniti yang terlibat dengan soal guaman ini untuk mereka menentukan *fee* yang dianggap sebagai berpatutan dan itu tanggungjawab Majlis Peguam, sudah tentu dia akan berunding dengan ahli-ahli dia kerana kalau *fee* itu terlalu tinggi, maka kita ada pilihan untuk mencari peguam-peguam yang lain yang akan memberikan khidmat mereka dengan bayaran yang mungkin lebih murah.

Tetapi itu tidak bermakna bahawa khidmat mereka itu tidak ada kualiti. Sebenarnya Yang Berhormat bayaran *fee* ini kita kena ingat ya? Macam Yang Berhormat kata, apa ini kata bila *Sales and Purchase Agreement*, dengan izin buat, ini *photostat copy* boleh buat, soalnya

bukan perjanjian itu. Yang Berhormat bayar ialah pengambilan tanggungjawab oleh seorang peguam terhadap transaksi yang mana Yang Berhormat tandatangan. Itu dia bayarannya, betul kalau kita tengok iaitu bahawa macam *Sales and Purchase Agreement*, memang betul kita fotostat sahaja, bendanya standard, ya? Jadi mengapa caj tinggi? Caj tinggi itu bukan kerana kerja yang senang. Bukan kerana perjanjian itu semua sama. Caj yang tinggi itu kalau dianggap tinggi ialah caj yang diberi khidmat oleh peguam yang mengambil tanggungjawab ke atas transaksi itu, kalau sekiranya sesuatu perkara yang berlaku maka peguam itu bertanggungjawab.

Jadi, bayaran itu ialah tanggungjawab itu. Jadi tanggungjawab itu, ambil alihnya tinggi. Kalau sesuatu berlaku, kita cari peguam itu. Kita tidak tanya orang sudah. You jadi *lawyer*, you tandatangan, you punya syarikat guaman, you mesti bertanggungjawab. Itu dia yang kita bayar. Jadi saya tidak boleh setuju kalau hendak mengatakan macam Yang Berhormat kata kalau kes yang sama, berjudi tangkap enam orang, tiap-tiap seorang itu kena bayar.

Memang betullah tiap-tiap seorang kena bayar, walaupun kesnya sama kerana saya jadi *lawyer* kepada A, saya juga jadi *lawyer* kepada B dan saya ambil tanggungjawab itu, itu Yang Berhormat kena bayar. Bukan soal kata ini perkara sama sahaja, kes sama sahaja. Ini kita kena ingat. Bayaran *fee* itu sebenarnya ialah bayaran kepada tanggungjawab yang diambil alih oleh peguam itu terhadap kes yang akan dibawa ke dalam mahkamah, itu dia.

Bukan sahaja kita lihat daripada transaksi mudah. Kita kena ambil tanggungjawab klien kita. Itu sebenarnya bayaran yang dibayar kepada kita. Jadi saya hendak sebut di sinilah, saya sudah jawab yang itu. Yang Berhormat bagi Bagan sudah habis.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, nanti saya balik semula. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pun tidak ada tetapi saya kena jawab jugalah. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bercakap berkenaan dengan dia kata bahawa persediaan kita tidak mencukupi. Sebagai contoh, dia kata baru-baru ini dalam perundingan FTA dengan Amerika Syarikat iaitu Amerika bawa dengan bala tenteranya, 200 peguam-peguam datang ke Kuala Lumpur dan kita hanya ada 20 orang sahaja.

Yang Berhormat, kita kena ingat, Amerika itu dia bawa 200 kerana dia tidak boleh bawa Jabatan Peguam Negara dia keseluruhannya datang ke Malaysia. Jadi dia kena bawa seberapa ramai yang boleh. Yang kita di Kuala Lumpur ini, Jabatan Peguam Negara kita semua ada di sini. Apa perlu hendak bawa sampai seluruh peguam yang ada, yang pakar-pakar yang ada untuk dibawa dalam mesyuarat sebab semuanya ada di Kuala Lumpur.

Jadi kita hantarlah 20 orang sahaja kerana keputusan itu tidak dibuat serta-merta. Rujukan kalau sesuatu perkara itu dibangkit, bukan serta-merta perlu jawapan. Kita rujuk balik, tidak ada masalah sebab seluruh kita punya Jabatan Peguam Negara ada di Kuala Lumpur. Munasabahlah mereka bawa 200 sebab dia hendak pastikan bila dia berhujah, pakar-pakar dia ada bersama. Tetapi kita punya pakar-pakar, ada di sini. Buat apa hendak bawa sampai 400 atau 500 orang kerana benda ini boleh dirujuk. Kalau ada sesuatu perkara berbangkit, malam ini

kita rujuk kepada Peguam Negara, tidak ada masalah. Jadi sebab itu jangan lihat daripada jumlah ini- 20 *against* 200 jadi kita ini... Tidak! Bukan itu. Saya ingat contoh yang diberi itu tidak tepat.

Keduanya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, dia juga membangkit berkenaan dengan dia kata ada negara-negara yang telah menyesuaikan dengan suasana sekarang dan dalam masa satu tahun pinda undang-undang sampai 300 dan negara yang disebut itu ialah China dan Libya. Saya hendak beritahu kepada dia, dengan izin, *you must see from where this country come from*. Dahulu dia komunis. Dia tidak ada undang-undang ini semua. Dia tidak sokong pun *free enterprise*. Jadi waktu komunis memerintah sudah tentu dia tidak ada undang-undang yang akan memberi kemudahan untuk berniaga kerana dia komunis. Dia anti *free enterprise* dan anti *capitalism*.

Jadi sekarang dia ada *open door policy* semenjak tahun 1990, kita tengok dia membuka negara dia kepada luar, sudah tentulah dia kena pinda banyak undang-undang dibandingkan dengan kita sebab dia datang daripada sistem komunis. Kita daripada tahun 1957 sudah jadi sistem kapitalisme, sistem terbuka, *free enterprise*. So kita sudah ada *infra* itu. Jadi hari ini kalau kita tengok China banyak tukar, banyak pinda undang-undang, itu bukan bermakna dia lebih bersedia. Itu bermakna bahawa dia dahulu datang daripada sistem komunis. Jadi janganlah kita panik.

Libya pun sama, baru sahaja membuka negara dia kepada dunia luar. Saya pergi ke Libya banyak kali, 3, 4 kali, dia tidak sokong *free enterprise* pada ketika itu. Dia ada sistem *Green Book* dia yang cukup *confuse*, saya pun tidak faham. Tiba-tiba hari ini dia sedar bahawa betapa pentingnya *free enterprise*, maka dia buka negara dia. Bila buka negara dia, *infra* tidak cukup *infra* tidak cukup, itulah terpaksa pinda undang-undang semua. Jadi kita jangan panik.

Kalau China dan Libya meminda banyak undang-undang, seolah-olah mereka lebih bersedia daripada kita, itu bukan sebenarnya. Mereka buat ini ialah kerana mereka datang daripada sistem yang tertutup pada masa-masa yang lepas. Jadi apa yang beliau sebut, saya tidak boleh hendak terimalah.

Kemudian Yang Berhormat bagi Jerai. Mana Yang Berhormat bagi Jerai?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sudah keluar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia bercakap tentang berkenaan dengan sistem. Dia kata kita bayar deposit. Kita patut kena bayar deposit kalau melibatkan perniagaan di rumah dan lain-lain lagi. Untuk makluman beliau sememangnya setiap peguam mesti menyediakan *professional indemnity*. Dia ada dua kesalahan. Pertama, kesalahan yang dilakukan oleh peguam. Kesalahan yang dilakukan oleh peguam, kita lindungi dengan memastikan setiap... [Yang Berhormat bagi Jerai masuk ke dalam Dewan] Yang Berhormat bagi Jerai, lain kali bila jawab, datanglah awal.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Saya monitor dari luar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh, monitor dari luar. Betul, betul, saya setuju lah itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi peguam sebenarnya tidak perlu bayar deposit, Yang Berhormat, sebab kita sudah ada *professional indemnity* yang setiap firma guaman – bukan setiap firma guaman sahaja, setiap individu yang praktis undang-undang, dia mesti ada *professional indemnity*. Kalau dia tidak sediakan itu bermakna sijil *annual* dia tidak akan diberi oleh Majlis Peguam. Jadi walaupun Yang Berhormat cadangkan itu adalah baik tetapi kami peguam telah pun fikir perkara ini 30 tahun yang dululah.... [Disampuk] Jadi terima kasihlah atas ingatan. Jangan tidak ada. Okey.

Tetapi kalau kesalahan itu dilakukan oleh *developer*, itu bukan tanggungjawab peguam. Kalau *developer* buat silap, merekalah sepatutnya dia pula di kalangan pemaju-pemaju ini mungkin Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mesti ada satu sistem yang mana mereka mesti ada bayar apa-apa. Itu terpulang kepada kementerian. Saya cuma jaga peguam. Jadi dari segi pihak peguam, kesilapan mereka, kita telah melindungi anak-anak guamnya dengan memastikan itu supaya setiap individu peguam mesti ada *professional indemnity*. Kalau tidak, dia tidak dapat sijil *annual*. Ini macam hendak terkam, kenapa? Ada soalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh, minta penjelasan, okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Boleh ya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tadi Yang Berhormat perjelaskan, saya faham. Mungkin yang saya tanya itu adalah untuk memperingati. Jadi Yang Berhormat telah menjawab. Tetapi, okey sekarang ini macam contohnya, seorang pembeli mengambil pinjaman kerajaan membeli rumah melalui peguam yang telah dilantik oleh *developer*. Duit dibayar oleh kerajaan kepada peguam. Peguam sepatutnya membayar kepada *developer* tetapi peguam tidak membayar duit itu kepada *developer* dan dia telah melarikan diri.

Jadi di manakah pembeli-pembeli hendak mengadu kerana *developer* kata tidak ada bayaran. Jadi you tidak boleh duduk rumah ini. Jadi sekarang ini pembeli terperangkap, tidak tahu hendak pergi mana. Depa sudah buat *police report* dan sebagainya. Jadi adakah *guarantee* yang telah dikeluarkan oleh pihak peguam ini mencukupi dengan kos yang telah diperkenalkan ataupun ditipu oleh peguam ini? Jadi sekarang ini macam mana saya hendak *advice* pembeli ini ke mana mereka hendak pergi. Itu sesuatu yang agak sukar dan hari ini depa susahlah kerana depa beli rumah, tidak ada rumah, kena potong gaji, rumah tidak ada. Jadi macam mana Yang Berhormat, hendak tolong kes macam inilah sebagai seorang menteri yang menjaga *lawyers*. Saya jaga rakyat..... [Ketawa] Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham apa yang disebut oleh Yang Berhormat. Kalau begitu maksudnya, bermakna memanglah salah itu salah peguam-peguam kerana dia sepatutnya menjadi pemegang amanah kepada wang itu dan kalau wang itu tidak diberikan kepada *developer*, maka sudah tentu itu kesalahan daripada pihak peguam dan kesalahan seperti inilah yang kita minta perlindungan daripada insurans yang kita beli untuk menjaga kesilapan seperti inilah.

Saya sendiri tidak tahu, maknanya jumlah sebenarnya berapa. Ini semua dalam pengetahuan Majlis Peguam tetapi saya kira sudah tentu kalau kita terlibat dengan perkara seperti itu, sudah tentulah insurans perlindungan itu mestilah tinggi *to cover*, dengan izin, kes-kes seperti ini. Yang Berhormat cakap itu betul. *Point* itu, kalau itu berlaku, peguam yang salah. Peguam yang salah, Majlis Peguam kena ambil kira berapakah jumlah yang sepatutnya perlindungan itu diambil apabila seorang peguam hendak membeli insurans untuk mendapat Sijil Annual itu. Jadi Ahli Majlis Peguam di sini, saya harap mereka ambil catatlah tentang keprihatinan Ahli Yang Berhormat bagi Jerai berkenaan dengan kesusahan rakyat ini. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Habislah, tidak ada apa dah. Hendak keluar tidak apalah....
[Merujuk kepada Yang Berhormat bagi Jerai].

Berkenaan dengan kelakuan peguam-peguam ini, saya sudah *cover* dah tadi iaitu kita ada Majlis Peguam yang sentiasa....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Masih duduk di tempatnya]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apa, keluarlah. Tidak apa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bercakap tanpa pembesar suara]
[Berjalan keluar Dewan]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita hendak *repeat* balik apa yang saya jawab dah. Okey, sudah jawab dah.

Majlis Peguam sentiasa menitikberatkan tentang disiplin ahli-ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Gajah membangkitkan tentang perkara yang khusus berkenaan dengan pengecualian yang kita berikan kepada mereka yang bekerja dalam *judicial* dan *legal service* iaitu kalau dahulunya tujuh tahun, sekarang setahun. Ini bukan soal, orang kata apa, ini soal *chambering*. Jadi sekarang ini kita tahu iaitu bahawa peguam yang baru, sebelum dia boleh dengan izin, *call to the bar*, dia mesti buat *chambering* dengan *Master* nya selama sembilan bulan.

Tetapi mereka yang bekerja dengan *judicial* dan *legal service*, kalau mereka hendak dengan izin, *call to the bar*, dikecualikan mereka *chambering*. Maka mereka perlu, telah pun berkhidmat selama tujuh tahun, baru boleh dikecualikan *chambering*, bukan kata CLP kah, apakah. Mereka sudah tentu mesti ada *qualification*. Sudah tentu mesti ada CLP. Kalau masuk universiti pun, sudah tentu universiti yang mengecualikan mereka daripada ambil CLP.

Jadi di sini tujuh tahun dengan sembilan bulan adalah satu jurang yang cukup jauh. Sebab itu, ada permintaan supaya tujuh tahun itu ditukar dengan setahun. Jadi dibandingkan sembilan bulan *chambering* oleh peguam baru dengan satu tahun khidmat yang diberi oleh pegawai kerajaan dalam *judicial and legal service*. Saya rasa itu cukup adillah. Satu tahun dengan sembilan bulan. Jadi soalnya di sini, bukan bermakna satu tahun ini, maka mereka dikecualikan daripada CLP, tidak. Kalau tidak ada CLP, tetap mesti buat CLP juga. Kalau tidak, tidak boleh praktis. Melainkan kalau ijazah yang diambil itu, ialah dikeluarkan oleh universiti-universiti yang dikecualikan daripada CLP. Jadi untuk menjawab Yang Berhormat bagi Batu Gajah adalah tidak betul iaitu seolah-olah satu tahun ini mengecualikan mereka daripada mengambil CLP, tidak. Untuk praktis *law*, mesti juga ambil CLP. Yang dikurangkan ialah *chambering period* iaitu kalau dahulu tujuh tahun, khidmat kepada *judicial dan legal service*, sekarang ini cuma tinggal satu tahun sahaja supaya mereka boleh dikecualikan daripada *chambering* sembilan bulan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kita kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Dia telah menyambut....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, apakah alasan kerajaan untuk mengurangkan faktor masa dari tujuh tahun ke satu tahun untuk membolehkan seorang yang berkhidmat di *judicial and legal service* dibenarkan diterima masuk untuk mengamal sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara. Ini kerana, kalau kita tengok asas dia bila undang-undang ini diluluskan dari mula itu, satu di antara faktor dikenakan tujuh tahun. Dia ada sebab-sebab yang tertentu. Satu di antara faktor yang perlu diambil kira adalah kerana, bila seseorang berkhidmat di *judicial and legal service, experience* dia tidak cukup. Dia mungkin di satu bahagian sahaja, di *judicial* atau di *legal service*.

Jadi itulah sebab pada waktu dan masa itu, kita katakan kita perlukan tujuh tahun. Tiba-tiba dengan tidak ada alasan-alasan yang betul-betul kukuh, nampaknya kerajaan telah mengambil kira permintaan pihak-pihak dari *judicial dan legal service* mengurangkannya dari tujuh tahun ke satu tahun. Kalau itu adalah boleh diterima, maka *chambering period* pun patut dikurangkan. Apakah alasan-alasan yang kukuh, yang kita ada, yang boleh diberi oleh kerajaan bahawa waktu masa tujuh tahun itu dikurangkan ke satu tahun. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak berlaku adillah. Takkanlah perkara sembilan bulan yang dipelajari oleh seorang *fresh student* hendak *call to the bar*, benda yang dia belajar dalam sembilan bulan itu memerlukan tujuh tahun bagi mereka yang bekerja dalam *legal service dan judicial service*. Dia tidak seimbang langsung.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Experience...* [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya? Takkanlah *experience* sembilan bulan itu sama dengan *experience* tujuh tahun dalam *legal and judicial service*. Saya rasa terbalik. Orang yang berada dalam *judicial and legal service* itu, mereka lebih banyak mempelajari kerana mereka ada yang hantar di *prosecution*, ada yang dihantar jadi Majistret, ada buat kerja pentadbiran, *registrar*. Jadi sebab itu, kalau hendak dikirakan apa yang kita belajar dalam sembilan bulan dengan *Master* kita, yang mempunyai pengalaman tujuh tahun, apakah dalam sembilan itu dia boleh mengajar semua perkara yang pegawai itu dapat dengan pengalaman tujuh tahun. Takkanlah beza dia begitu besar sangat.

Peguam-peguam tujuh tahun ini pun kita tidak mengawal apa sebenarnya yang dia suruh anak murid dia buat itu. Dia punya *chambering student* itu. Kadang-kadang pergi pejabat sahaja, tidak buat apa, duduk, tunggu masa sembilan bulan sahaja, tidak belajar apa-apa pun ada. Yang ini pun ada. Jadi sebab itu saya ingat untuk berlaku adil, itu pun kita tidak minta servis sembilan bulan. Kita minta satu tahun, genap. Jadi saya rasa Yang Berhormat sebagai menjawab, sebenarnya itu berlaku adil kepada semua sebab benda ini memanglah subjektif, kita tidak tahu. Yang pasti, orang yang bekerja dengan *judicial and legal service*, sudah tentu kerja. Tetapi yang *chambering* ini, kita tidak dapat hendak pasti sama ada betul-betul dia duduk belajar dan *Master* dia bagi kerja ataupun tidak. Jadi dia *very subjective* lah. Saya ingat *fair* lah, satu tahun dan sembilan bulan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat membangkitkan berkenaan apa dia kata macam pindah milik. Yang Berhormatkah yang kata, apa perlu panggil peguam kalau hendak pindah milik? Itu antara bapa dengan anak. Bukan ya? Minta maaf. Yang Berhormat bagi Bagan. Okey, minta maaf.

Yang Berhormat bagi Bagan kata, "Apa ini, mahu pindah milik pun mahu panggil peguam"? Walhal ini bapa dengan anak, adik dengan abang. Tetapi Yang Berhormat, bapa dengan anak pun kelahi dah sekarang tahu, berebut harta ini. Adik-beradik pun berkelahi. Jadi seperti yang saya jawab tadi, sebenarnya keperluan untuk ada peguam ini ialah untuk memastikan pertama, iaitu bahawa ada sukarela dalam pemberian harta ini. Kita tidak tahu. Sebelum dia orang tandatangan depan pegawai itu, dia ini dah kena tipu kah apakah, ataupun dia ini bawah *duress* kah, paksaan. Bapa itu sudah ada pegang rahsia kah apakah, beritahu dekat anak. Jadi siapa hendak ambil tanggungjawab ini kalau ada *duress* ini? Memang tandatangan depan DO tetapi sukarela ini siapa hendak menentukan? Yang inilah, yang peguam ini masuk kerana peguam ini dia akan ambil tanggungjawab itu. Tanggungjawab untuk memastikan supaya transaksi itu adalah betul, tidak ada paksaan. Kalau sekiranya ada, peguam kena ambil tanggungjawab.

Jadi, peguam kena pastikan tidak ada paksaan dua-dua sukarela *transfer* tanah. Jadi, bayaran yang dibuat itu bukan kerana hanya semata-mata menyediakan perjanjian yang standard yang biasa sains kemudian *stamp* habis, tidak, tanggungjawab itu, tanggungjawab di

atas transaksi itu, itu dia yang dibayar oleh anak guam kepada peguam-peguam. Bayaran *fee* peguam ialah bayaran untuk mengambil tanggungjawab. Sudah tentu seseorang mesti bertanggungjawab..

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...kalau sekiranya berlaku apa-apa pertikaian berkenaan dengan perkara ini, ialah saya sebut nanti kejap. Sebab kadang-kadang anak dengan bapa waktu dia ok, oklah. Kemudian satu tahun kemudian berkelahi bapa dia tuntutan balik sepenuhnya aku bukan nak bagi. Jadi, kalau tidak tanda tangan perjanjian depan peguam, siapa nak ambil tanggungjawab tu. Tapi, dengan adanya peguam itu maka dia ambil tanggungjawab itu dan atas tanggungjawab itulah orang bayar *fee* kepada peguam itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat bagi Bagan

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebut adalah satu transaksi atas kasih sayang bapa kepada anak atau suami kepada isteri kerana merasa dia sudah tua, tidak lama mungkin. Jadi, dia secara rela hati, kasih sayang pindah kepada anaknya dan ini cuma boleh dilakukan di depan DO di mana 1(14a) di sain dan tidak payah buat *agreement* semua *agreement* tidak payah cuma itu saja. Itu suatu cara yang senang tetapi kepada orang awam mereka kalau tidak tahu prosedur ini pergi jumpa peguam, peguam kena dia RM2,000, RM3,000 itu, itu saja saya yang sebut. Jadi, boleh kah Yang Berhormat saya tahulah kerajaan pun tidak boleh paksa seperti tadi Yang Berhormat pun jawab tidak bolehlah menentukan satu kadar *fee* untuk mereka. Tapi, inilah ada satu *education* ada satu pendidikan kepada orang umum di mana ia boleh dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau setakat kasih sayang memang, tidak perlu panggil peguam pun pergi ke depan DO kemudian kalau kita nak tandatangan pun depan DO pun boleh pakai ataupun *Commissioner Oath* boleh pakai tidak payah jumpa *lawyer* pun, boleh pergi. Siapa kata tidak boleh? Tidak boleh?!..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Pun tak boleh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pun tidak boleh? Siapa yang boleh? Peguam..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Hanya peguam dan DO sahaja ..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Peguam *ok*, *Commissioner Oath* pun tidak boleh, dia cuma boleh sain apa tu *afidavit* sahaja *ok*. *Commissioner Oath* dengan DO sahaja, *sorry*. Peguam dengan DO sahaja. Jadi, kalau tidak mahu pergi peguam pergilah DO. Tandatangan depan DO tidak ada masalah tidak payah libat peguam pun. Lepas itu kalau kasih sayang ini selalunya *stamp duty*lah kalau saya tidak silaplah *first time* kasih sayang saya ingat *free* ke Yang Berhormat..

Seorang Ahli: *Half*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Half ya, half* setengah, setengah sahaja. Tapi, *stamp duty* kena bayar. Kalau jumpa dengan peguam kena bayar *stamp duty* jangan anggap *stamp duty* itu sebagai *fee* kepada peguam. Itu *fee* kepada Pejabat Tanah, ini yang orang silap. Dia dok ingat *fee* yang dia bayar itu adalah *fee* dibayar kepada peguam tidak, itu adalah yang dikenakan *duty* yang perlu dibayar kepada Pejabat Tanah. Jadi, Yang Berhormat sebenarnya kalau nak tanda... Yang Berhormat, saya bercakap dengarlah..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berseimbang dengan Bagan..

Tuan Yang di-Pertua: Bagan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: You not *interested in my answer*, tidak minat, ya..

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya sedang berbincang...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia peguam.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: ...dengan pakar..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia peguam.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Yang Berhormat apa rakyat tidak pergi jauh dari itu ..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Haa..

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: semalam..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak perlu jawapan saya tidak mengapa..

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ada-ada, ada dengar juga.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ok.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Baik-baik. Saya menjawab sebab tetapi ada yang saya telah sebut memang dia kasih sayang tapi ada orang yang dia nak peguam juga, dia nak peguam juga. Sebab kasih sayang ini sekarang. Besok nanti bila *back blood* berlaku kita jangan terlalu yakinlah anak dengan bapa tak berkelahi ada dan banyak kes-kes yang berlaku unkit balik. Sebab itu bila, itu pilihan dia, kalau dia nak pakai peguam dia kena bayarlah. Dia nak ada *sale agreement* semua Yang Berhormat ya. Jadi, sebab itu..

Tuan Yang di-Pertua: Ada pilihan, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ada pilihan, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ada pilihan, betul Tuan Yang di-Pertua, dia ada pilihan *you are not forced to*, dengan izin, ada pilihan. Kalau pilih pakai peguam bayarlah mana boleh *free*, Bukit Gelugor pun tak bagi *free* ha, fasal ambil tanggungjawab bukan kata dia kedekut tidak, sebab dia ambil tanggungjawab tu *responsibility* jangan lihat *the fee* itu sebagai cop, cop, cop sains, cop sains, cop sains itu saja kerja, tapi *you pay for the responsibility taken by the lawyer in case something happened to the transaction*, dengan izin, Yang Berhormat ya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bangkit berkenaan dengan cadangan yang dibuat oleh peguam negara berkenaan dengan sistem juri. Pertama saya nak katakan di sini iaitu bahawa jelas menunjukkan itu bahawa peguam negara kita dia bebaslah. Sebab itu dia boleh luar kenyataan apa yang dia fikir patut dilakukan. Tetapi saya ingin menyatakan di sini itu bahawa kerajaan tidak waktu ini bercadang untuk mengembalikan balik sistem juri ini, kita tidak bercadang di peringkat ini, di waktu ini. Pandangan yang dia beri itu pandangan yang kita hormati sebagai pandangan peribadi dia...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagi saya habis sekejap. Mahu tanya fasal apa? Fasal AG, juri..

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya, mengenai juri. Cadangan yang dibuat oleh peguam negara untuk kembalikan sistem juri itu adalah pandangan dia. Tetapi, dalam satu masa jika saya tidak silap Yang Berhormat Menteri ada menyatakan *the death penalty or to be abolish, the lose*. Saya ingat itu apa yang jadi tajuk adakah kerajaan kerana apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri adalah mengenai satu *collective responsibility* adakah itu bermakna kerajaan akan memansuhkan hukuman mati. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, inilah masalah kita apabila kita ada liberal sedikit dalam kita punya cara. Ini berbangkit soal *handling* kita punya *liberalism* ini sekarang. Maka kalau AG membuat sesuatu kenyataan dalam orang kata apa *spirit of liberalism* maka itu sudah menjadi keputusan, tak boleh macam itulah. Saya juga bila saya bagi pandangan jadi itu sudah keputusan tak boleh juga kalau begitu orang tidak boleh tahu langsung saya punya pandangan pendirian saya. Saya buat kenyataan itu di luar daripada Dewan, saya tidak sebut di sini, saya di luar Dewan. Saya mengikut pandangan sayalah. Saya rasa pandangan saya iaitu bahawa kalau boleh kita *abolish*lah itu pandangan saya. Tapi, belum lagi keputusan Jemaah Menteri dan tidak semestinya keputusan Jemaah Menteri. Jadi, kalau Yang Berhormat pertikaikan sekarang saya berjanji lepas ni saya tak akan bagi langsung apa pun pandangan saya, tidak mahulah takut nanti orang kata saya cakap sudah menjadi keputusan. Jadi, tak boleh macam tu kan *I am also no, no dak, dak, dak* minta betul-betul *because to clear this, I am entitled to my opinion, ok*. Yang Berhormat tekan saya mengatakan ini keputusan Kabinet, saya kata tidaklah tapi saya takkan tidak boleh bagi saya punya pandangan sedikit..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: boleh ha boleh tidak apalah, kalau boleh maknanya saya nak bagi tahu sini itu pandangan saya tapi tidak, bagi banyak lagi? Ha bagus, itu pandangan saya tapi tidak semestinya keputusan Jemaah Menteri..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ..sebab kita, kita *encourage* ini *liberalism* kita nak dengar pandang orang. Jadi, begitu jugalah dengan *Attorney General*. Saya tidak tahulah dulu macam mana, tapi sekarang saya bagi jaminan saya tak ada pun telefon AG "*why you make this statement*" tidak atau pun PM tidak ada sebab itu pandangan dia. Dia juga boleh bagi pandangan.

Tidak habis lagi *you* punya jawapan, hendak tanya fasal apa ini, juri tidak habis lagi, mana boleh habis baru 3.10. Kita habis 4.30lah, 4.30 boleh baca usul [*Ketawa*] Mana Timbalan Menteri, oh *ok* dia tunggu *ok* saya boleh habis. Kalau *you* suruh habis saya habislah, baik, baik minta maaf ..

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, nanti, saya nak soal juri ini, AG memberi pandangan dia., kita dengar dia punya alasan di sebalik pandangan dia.

Saya lihat pada pandangannya memang saya rasa alasan yang diberi itu betul, ada tiga-tiga alasan. Saya kata, "*Okay, no problem.*" Tetapi dari segi pihak – yang ini saya boleh cakap pihak kerajaan sebab kita tidak bercadang untuk mengembalikan sistem juri pada waktu ini. Ini kerana ada empat perkara Yang Berhormat.

Pertamanya *as it is now, there is already a delay in some of the court cases*. Kalau sistem juri ini diamal semula ia akan menyebabkan bertambah *delay* lagi. Di mana *delay* nya? *Delay*nya ialah untuk mencari juri-juri ini. Dan, juri-juri ini juga boleh dipertikaikan. Kalau pihak *defense* tidak suka dia boleh dipertikaikan. Jadi, proses hendak pilih juri ini sudah akan makan masa yang lama. Ia akan menambahkan lagi *delay* terhadap *cases* yang didengar di mahkamah.

Yang kedua, sudah tentulah *costly*. Sebab juri ini kalau dia – dia terdiri daripada pelbagai orang dan ada juga mereka yang bekerja. Jadi, waktu dia dipanggil untuk menjalankan perannya sebagai juri, kita bukan dapat *free*, kita kena bayar dia. *Expensenya* kena bayar. Sebab kalau dia akauntan, dia tidak kerja satu hari, kita kena bayar dia berapa. Kita kena bayar itu. Itu menambahkan lagi kos Yang Berhormat. Dalam keadaan sekarang yang kita sedang berebut-rebut untuk mendapat peruntukan besar daripada kerajaan untuk memperlicinkan lagi pentadbiran kehakiman di negara kita, kita tambah lagi *cost* pula untuk bayaran kepada juri-juri ini.

Ketiga sudah tentulah kita tahu rakyat Malaysia, memang saya tidak nafi iaitu kita sudah sampai tahap ada kebolehan dan *don't underrate them*. Tetapi *to most of us still it is burdensome*, dengan izin. Kalau sepina panggil sebagai saksi itu pun cukup berat hendak datang. Itu cuma hendak jadi saksi sahaja, hendak menyatakan sama ada benda itu berlaku ataupun tidak. Tetapi untuk individu Malaysia itu datang ke mahkamah menjadi juri hendak menentukan fakta, dia rasa ini lagi *burdensome* kita memaksa dia. Dia juga tahu iaitu bahawa kalau aku menentukan sesuatu boleh melibatkan orang ini gantung atau masuk ke dalam. Rakyat Malaysia masih lagi ada *unwillingness to come forward*. Saya minta maaf ini saya

punya penyiasatan dalam masa yang singkat. Tanya kawan-kawanlah. Dia kata, “Nazri, ini *willingness* Malaysia, *you have to check that*. Dia orang ini macam itukah?”.

Keempat sudah tentulah negara kita berbilang kaum. Kita di atas, kita boleh bercakap *without any borders*. Kita percaya bahawa kita semua memperjuangkan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Tetapi di bawah ini kalau yang dituduh satu bangsa, yang mangsa satu bangsa yang lain, ambil juri hendak lari daripada *tragedies* punya perasaan di bawah ini agak sukar. Ia sudah dihukum kerana warna kulitnya, kerana agamanya. Ini realiti Yang Berhormat, ini realiti di bawah.

Jadi, kalau hendak tanya pada saya, seseorang itu boleh diberikan keadilan berasaskan kepada sistem juri, saya bimbang mungkin dia tidak – kerana dia akan didapati salah kerana warna kulitnya. Janganlah buat *injustice* kepada orang ini. Sebab itu saya hendak menyatakan saya bagi pihak kerajaan kita tidak bercadang untuk membawa sistem juri ini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, empat alasan yang diberi oleh Menteri untuk membawa atau tidak membawa juri sistem di Malaysia ini sangat hairan. Saya rasa perkara yang pertama yang dikatakan akan melambatkan, *I mean justice delayed is justice denied*. Yang mustahak sebenarnya kita perlu alih dan mencari apakah sebab baru-baru ini juri sistem dikatakan perlu diimplementasikan. Ini bukan sahaja oleh Peguam Negara, sebelum itu *Chief Justice* Negara Tun Ahmad Fairuz telah menyatakan bahawa tidak ada sistem di mana *to avoid elements* korupsi di penghakiman, hakim-hakim yang mungkin terlibat dan untuk mengadakan satu sistem *foolproof*, lebih baik kalau kita adakan juri sistem.

Dan, sebelum itu *Solicitor General* pun telah menyatakan perkara yang sama dan baru-baru ini Peguam Negara. Tetapi yang mustahak adalah di mana juri sistem ini, Tuan Yang di-Pertua, di mana ada tujuh orang akan mendengar kes-kes di mana mereka ada kuasa untuk mendengar. Yang mustahak sekali adalah kita pisahkan di antara soal-soal yang berkaitan dengan undang-undang di mana adalah perlu dibuat keputusan oleh hakim-hakim dan kes di mana fakta-fakta akan dibuat keputusan oleh juri. Ini akan membawa satu sistem yang lebih *foolproof* dan itu adalah baik. Saya harap kerajaan akan meneliti dengan mendalam. Saya boleh *reply foolproof*.

Tuan Yang di-Pertua: *Full prove* daripada apa?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Foolproof* jika ada apa-apa *corruption*, itu yang dikatakan oleh Ketua Hakim Negara. Dia kata bahawa jika kita ada juri sistem, ini *tested over the time*, dengan izin, di luar negara dan di negara kita sendiri dari tahun 1957 hingga 10 tahun dahulu. Jadi, ini patut diambil kira dan jangan kita dengan sewenang-wenangnya sahaja

membuang cadangan ini. Saya boleh *point to point reply* kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri. Tetapi yang mustahak sekali adalah saya harap satu penelitian yang dalam dibuat dan ambil kira pandangan-pandangan semua orang dan diharap kerajaan akan mendengar seruan orang ramai supaya jangan kita khuatir dan jauhkan diri dari satu sistem yang mana ada *full prove*, di mana ada yang baik untuk sistem perbadanan kehakiman.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati pandangan yang dibuat oleh Peguam Negara dan juga *Chief Justice* dan bukan mereka berdua sahaja, pandangan Yang Berhormat saya hormati. Saya punya pandangan pun kena hormati juga. Saya bimbang macam ini Yang Berhormat, kalau seorang hakim yang mempunyai kedudukan yang begitu tinggi, yang ada pendidikan undang-undang, yang dihormati orang, kalau mereka itu juga di sangsi, mereka ini juga terbuka kepada rasuah, apatah lagi manusia biasa tujuh orang ini.

Tujuh orang ini manusia biasa, dia juga terbuka. *There is no foolproofing* sebenarnya. Kalau tujuh, saya cari empat sahaja. Bukanlah saya tetapi maknanya kalau hendak rasuah, kan? *[Disampuk]* Bukanlah saya tetapi *I'm saying that to be foolproof.*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, hendak buat pembedulan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti sekejap, biar saya jawab dahulu.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan empat! Tidak boleh dalam juri sistem. Ia kena ada sekurang-kurangnya 5:2.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: 4:3 tidak boleh?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak boleh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ok, 5 lah. *[Ketawa]* Tidak ada masalah lima sahaja, tidak payah tujuh.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *He doesn't know anything.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi 4/3 ok juga, 4/3 majoriti ya?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *No, no, no....* tidak macam itu...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: 5/2? Hah, ok kalau 5/2 maknanya tidak payah 7. 5 orang. Jadi hakim pun kita rasa sangsi. Ini manusia biasa dengan ugutannya, keluarganya, *added burden to rakyat* Malaysia yang disuruh jadi juri, juri ini orang tahu semua, bukankah boleh dirahsiakan. Juri ini orang tahu.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia pun ada keluarga Yang Berhormat dan di negara kita masih lagi ada diugut keluarga, sudah orang ini takut. Jadi ini semua kita kena ambil kira, tetapi Yang Berhormat tidak apa, kita kaji tetapi setakat ini tidak adalah tetapi kita boleh kaji. *Point, point* yang Yang Berhormat beri itu saya akan boleh kaji, baik...

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ok, sila.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih. Keempat-empat alasan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi tidak berasas. Alasan yang terakhir iaitu mengenai perkauman. Kini Tuan Yang di-Pertua, ada hakim-hakim yang berbilang bangsa dan adakah seorang yang dituduh, ada hak untuk kami menyatakan, hakim ini adalah, saya orang Melayu, hakim ini orang Cina saya tidak mahu terima dia, tidak ada.

Dalam negara ini Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1786, apabila *Francis Light founded Penang although* dengan izin, *he did not find anything, in fact, the Malays found him wondering along the shore*, dengan izin....

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...Semenjak itu Tuan Yang di-Pertua, sistem juri ada di kekalkan dalam negara ini. Baru-baru ini saya, atau tidak berapa baru, sudah 11 tahun kebelakangan, baru sistem ini baru dimansuhkan. Alasan yang ada diberi Tuan Yang di-Pertua, masa itu adalah sama dengan alasan yang diberi tadi. Alasan yang pertama, *clause*. Tuan Yang di-Pertua, apabila soal nyawa seorang boleh dikaitkan dengan alasan-alasan seperti kelewatan kos, perkauman dan *burdensome* kerana ada seorang akauntan yang enggan menghadiri dalam mahkamah untuk menjadi Ahli Panel Juri.

Alasan-alasan ini Tuan Yang di-Pertua tidak boleh diterima. Tuan Yang di-Pertua, sistem juri adalah untuk kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman maut bukan bagi kesalahan-kesalahan lain melainkan hukuman maut.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, bagi kepentingan negara, rakyat, lebih baik untuk kembalikan sistem ini. Tuan Yang di-Pertua, apa yang ada kini adalah seorang hakim satu kes di mana hukumannya adalah hukuman mati. Tuan Yang di-Pertua, jika kami lihat undang-undang, ada beberapa undang-undang khususnya dengan izin, *The Dangerous Drug Act 1952*, dengan izin *Section 37, presumptions 37 (d) "if a person is found carrying something which contains drug that is presumption that he is position of that drug is knowledge of it and that is also knowledge of the nature of the drug.*

Tuan Yang di-Pertua, tidakkah ada keperluan untuk pendakwaan untuk membuktikan unsur-unsur itu. Bolehkah seorang hakim diberi apa yang boleh dikatakan satu kewajipan yang berat untuk sendiri Tuan Yang di-Pertua, menjatuhkan hukuman mati ke atas seseorang? Tuan Yang di-Pertua tidak kuat, bukan senang Tuan Yang di-Pertua, seorang hakim adalah manusia dan orang yang dituduh pun adalah seorang manusia. Lebih baik jika ada 8 orang, *eight heads are better than one*. Apa yang ada sebagai undang-undang dalam negara ini Tuan Yang di-Pertua adalah *The Essential Security Cases and Regulations*. Masih Tuan Yang di-Pertua, *regulations* itu, peraturan-peraturan itu berkuat kuasa walaupun dalam kes 'Teak Chang Poh'.

Pada Disember 11 Tuan Yang di-Pertua, Majlis Privi ada menjatuhkan bahawa *The Essential Security Case of Regulations* adalah *unconstitutional*

Tetapi dalam bulan Januari tahun 1997, 1979, 1978 Majlis Privi menjatuhkan peraturan-peraturan ini *unconstitutional*. Dalam sebulan Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan Rakyat ini, *what more important is The Emergency Essential Powers Act 1979* yang memberi nyawa kepada peraturan-peraturan yang ada diputuskan sebagai peraturan-peraturan yang bertentangan dengan Perlembagaan.

Di bawah peraturan-peraturan itu seseorang boleh dikeluarkan dari mahkamah dengan peguamnya dan perbicaraan boleh dijalankan dan boleh diteruskan, *hearsay evidence* boleh dipakai. Bolehkah dengan apa yang ada sekarang seorang hakim, *bear the burden* Tuan Yang di-Pertua untuk menjatuhkan hukuman ke atas seorang tertuduh. Ada dikatakan oleh seorang hakim, apabila peraturan-peraturan ini ada dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong dalam tahun 1975, seorang hakim ada menyatakan "Tidak payah, tidak payah datang ke mahkamah untuk mengadakan satu *trial* dengan peraturan itu". Lebih baik tembak orang ini tanpa perbicaraan kerana tidak boleh mendapat keadilan jika peraturan itu ada digunakan.

Bolehkah dalam konteks itu, dalam keadaan ketiadaan *jury system*, memberi keadilan?. Bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya tidak pernah mengatakan iaitu bahawa hakim perkauman, sebab saya percaya hakim ini dia *love the law* jadi dia memang tidak ada perkauman. Yang boleh berlaku perkauman ini ialah di kalangan juri ini saya kata, di kalangan juri ini yang mereka ini *man on the street* kalau dalam Orang Putih itu dia kata, jalan... *man on the street*. Ini maknanya dia orang biasa. Orang biasa kita di sini memang tidak terlepas saya tengok daripada sikap perkauman. *[Disampuk]*. *You told me omnibus?* Kalau orang putih saya lupa, apa nama?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Sorry?*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *The English one*, apa nama? *Command*, 'Clap ham' *Common*. Ya, 'Clap ham' *Common* lah, *omnibus*. Jadi...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Reasonable man*.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Reasonable man*. Ya? *[Disampuk]*. Tapi kita di Malaysia ini, terimalah hakikat iaitu bahawa masih lagi tebal di bawah ini. Kalau tidak, tidak akanlah Yang Berhormat pada hari ini, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, yang saya juga simpati dan saya melihat kes-kes ini. Kalau polis itu, semuanya satu bangsa dan peguam-peguam India dikenakan. Ini prejudis yang berlaku di bawah, masih tebal. Jangan kita nafikan.

la *reality*. Jadi, saya merasakan, memang hakim, tidak adalah. Tetapi *the jury, the common people a reasonable... the so called reasonable man on the street in Malaysia*, belum lagi. Dia masih lagi terpengaruh dengan soal-soal kaum yang masih kuat lagi. Jadi sebab itu, saya ada *reservation* sayalah.

Kemudian, saya dengarlah apa yang Yang Berhormat sebut seorang manusia yang dipertanggungjawabkan dan memang alasan yang saya beri ini memang alasan yang dulu konsistenlah. Kita tidak berdolak-dalik. Takkan dulu waktu kita nak bentang Rang Undang-undang ini beri alasan lain. Sekarang bagi alasan lain pula. Nampak sangat kita berbohong, tidak serius dengan apa yang kita nak buat. Jadi, memang alasannya sama, konsisten. Memang konsisten. Bagi saya, memang penting, memang penting. Kalau kita bercakap tentang nyawa orang.

Kita hendak serahkan satu orang yang ada pengalaman, yang mendengar kes banyak kali dan tahu apa yang perlu dicari oleh beliau dengan yang tujuh orang juri ini yang datang sekali-sekali, mungkin sekali seumur hidup. Kemudian diajar, disuruh, *you* tengok pada *facts* ini. Saya lebih suka meletakkan nyawa saya kepada seorang hakim walaupun dia seorang, tetapi dia mempunyai pengalaman. Bukan kes pertama dia buat. Banyak kes berulang kali, dia tahu dah apa yang perlu dicari. Daripada seorang ini yang pengalaman pertama, orang biasa membuat keputusan, bahaya. Kalau kita bercakap tentang soal...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah saya habis dahulu.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak, tidak. Pembedaan kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Dalam sistem kita Tuan Yang di-Pertua, jika seorang ada dilantik sebagai hakim, esok dia boleh mengendalikan satu kes di mana hukuman mati ada diperuntukkan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar tentang apa yang ada di dalam keadaan itu?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tahu.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Keadaan itu?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang saya tahu. Tapi, apa yang saya sebut di sini, waktu dia jadi hakim atas apa kes sekalipun, dia akan mencari keadilan. Dia akan mencari keadilan. Dia tidak akan mencari kesalahan ke apa ke? Dia kena tengok, *fact* betul-betul. Dalam apa kes sekalipun. Mahunya kepada perbicaraan yang adil, sama ada kes mati kah? Kes *possession* kah? Kes mencuri kah? Matlamat dia, mesti adil. Tetapi bagi juri ini, dia kali pertama dan dia tidak akan tahu apa yang perlu dicari oleh dia. Dia akan diberitahu oleh *foreman* nya kata, "*you tengok fact* ini. *You* percaya, tidak percaya?" Jadi, lain dengan orang yang sudah ada pengalaman.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Pembedaan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: [*Menyampuk*].

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah pembedaan, kerana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan, Yang Berhormat? Dia tidak bagi.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak payahlah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Nak cakap sedikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Menteri, tidakkah ada pengalaman untuk mengendalikan satu kes juri? Dalam satu kes juri, walaupun fakta-fakta terletak dalam tangan juri untuk membuat keputusan, tetapi itu bukan satu waran daripada *foreman* sahaja. Tetapi hakim, hakim pun ke atas *facts*, boleh mengarahkan juri dan ada mengarahkan juri. Walaupun juri tidak terikat dengan apa yang menjadi pandangan seorang hakim ke atas *facts* ke atas kes itu. Adakah Yang Berhormat sedar itu, apa yang ada? Bukan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa itu *foreman* sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betullah, saya pun tahu. Tidak payah pergi ke mahkamah, kita tengok televisyen pun kita tahu. Kita bacalah *report* pun, kita tahu. Iaitu bahawa hakim boleh *direct*. Kita tahu, bukan kita tidak tahu, ya? Hakim *direct the foreman and* macam kes Michael Jackson semua, kita baca semua itu. Saya tidak pergi mahkamah, saya tahu.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, pembedaan. Hakim tidak..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, ya? Dia *direct*..?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan *direct the foreman*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dia *direct* semua. Ketujuh-tujuh juri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betul! *Direct the jury*.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang dikatakan tadi *foreman*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Di kalangan juri itu, dia pilih *satu foreman*. Orang itu, yang *foreman* itu, duduklah bersempang sama dia orang, kan? Tapi, memang *direct the jury*. Bukan *direct foreman* seorang.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Awak menyatakan tadi...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu semua kita tahu, saya pun boleh baca juga Michael Jackson punya kes itu, kita baca, kita tahulah ya? Jadi maksud saya di sini ialah, hakim itu, dia berpengalaman. Tapi juri ini, manusia biasa. Ha, ini dia. Walau diberikan *direction*

kah, apa kah, oleh hakim kah apakah, tapi dia manusia biasa. Tahap penerimaan dia itu macam mana? Seorang peguam, kalau dapat arahan daripada hakim, dia tahu apa dah. Tetapi kepada manusia biasa, dia tidak tahu. Jadi, banyak bendalah, ya?

Kemudian, di negara kita ini. Yang Berhormat betulkan saya kalau saya silap ya? Kalau macam kes mati ini, automatik ke *appeal*? *Appeal* automatik ya? Maksudnya, kalau di *High Court* satu. Jatuh hukum, automatik pergi ke Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan, tiga. Kalau *confirm* lagi hukum gantung, hendak pergi ke Persekutuan, tiga orang lagi hakim. Jadi, semua tujuh orang. Kalau kes itu, kita kata, kita *appeal and appeal*, akhirnya pergi kepada tujuh peguam. Tujuh hakim, tujuh manusia. Tujuh manusia yang ada pengalaman, yang mencari keadilan. Takkanlah kita tidak yakin dengan sistem ini?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, pembedulan. *[Ketawa]* Apabila satu kes, ada dalam perjalanan kepada Mahkamah Rayuan dan selepas itu Mahkamah Persekutuan, dengan izin, *findings of facts are seldom disturbed by High Court. Finding of facts of the Trial Court are accepted. Only in exceptional cases. That's because of appeal a part from the finding of facts. Do you know all that? Simply stand up and say whatever you want?* *[Ketawa]* Bolehkah macam itu? Dia dikata tidak fasih, tidak fasih dalam apa yang...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat dia ini dah...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *I know.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak beritahu di sini, bukan soal finding of facts sahaja. Mengambil keputusan akhir itu...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Finding of facts.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Fasal dia kata, bolehkah bagi kepada satu orang yang buat keputusan akhir? Saya kata, akhirnya kalau pergi kepada Mahkamah Rayuan, dia akan jadi tujuh orang. Tujuh orang sebenarnya yang mendengar kes ini. Jadi sebab itu, kita punya sistem ini kita jaga betul-betul. Takkanlah hakim ini, kita semua menganggap mereka sebagai orang yang suka menghukum orang. Nak tengok orang mati, senang, senangkah? Nak tengok orang mati.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya. Tuan Yang di-Pertua,..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ada? Tidak perlu buang masa lah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Points of order*, Tuan Yang di-Pertua. *Points of order.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *You want to stand up, you want to be 'que', that's not my style* lah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat. *Points of order*, dia hendak bercakap.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Points of order.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak payah, tak payah, cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat, *points of order*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak payah, tak payah *points of order*, apa bendalah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Mana boleh tak payah *points of order*?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebutlah *points of order* dulu. *Points of order, points of order*.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *You* dah gila kah apa?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, tunggu sekejap. Ada *Points of order*.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Points of order*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, pohon sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia nak sebut *points of order*. Yang lain sila duduk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sabarlah Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Points of order*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Points of order. Points of order* di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nak bagi jalan kepada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan jalan, ini *points of order*. Saya ada hak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa ini kacau, kacau?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Yang Berhormat tak boleh..

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: 36(12). Menteri ini memesongkan, mengelirukan Dewan. Dan oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, dia harus dirujuk kepada Jawatankuasa Keistimewaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tak payahlah Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Seperti mana saya kena dahulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bangun sambil batuk-batuk*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat bagi Jerai, sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai sila duduk.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Jadi saya dapat Tuan Yang di-Pertua, satu keputusan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan cukuplah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya faham.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya buat satu, saya bagi sebab-sebab, di bawah 36(12), bolehkah dapat keputusan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tak payahlah. Yang Berhormat Menteri.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Mana boleh tak payah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, ya, dia bagi jawapan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Satu keputusan perlu dibuat. Ada satu mesyuarat di sini.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat keputusan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kita perlu satu keputusan. Selepas itu barulah boleh kita alih ke tempat yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya ingat tidak. Ini tidak payah. Itu jawapan daripada menteri.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak *relevant* Yang Berhormat. Tak *relevant*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri. Tidak berkenaan. Yang Berhormat, Yang Berhormat ada tanggungjawab.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Menyampuk tanpa pembesar suara]*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siapa memesong? Saya bagi pandangan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat pindah ke tajuk lain, cukuplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua. Dato' Menteri, Yang Berhormat Dato' Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ... berkenaan dengan tiga orang peguam iaitu oleh sebab jawapan ini semuanya statistik...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dato' Menteri.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Keputusan, keputusan ke atas *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya dah bagi tahu tadi keputusan saya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa keputusan itu? Saya tidak dengar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak perlu, tidak perlu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dewan nak ucapkan bahawa itu perkara-perkara spesifik yang perlu dijawab, maka saya dengan ini akan berikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, jawapan dah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 10 -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya telah memberi notis dan di sana saya telah mencadangkan, bahawa Fasal 10 iaitu mengenai 46A Akta Ibu. Yang dibaca seperti berikut iaitu, "*A person shall be disqualified from being a member of Bar Council or Bar Committee or any committee of the Bar Council or Bar Committee*", iaitu berkaitan dengan B dan C.

It is a member of whether House of Parliament or State Assembly. State Legislative Assembly or any Local Authority or C if you hold any office in. Satu, any Trade Union or any political party.

Saya membawa usul pindaan ini supaya ini ia digugurkan dan alasan-alasan saya adalah seperti berikut. Bahawa dari segi undang-undang yang sedia ada, *freedom of association* dan *freedom of movement* dan saya pohon agar semua Ahli Parlimen memikirkan bahawa hak-hak mereka terikat jika kita ada undang-undang ini yang tidak membenarkan seseorang Ahli Parlimen, atau seorang ahli *Trade Union*, atau seorang ahli ADUN untuk mengambil bahagian, atau melibatkan diri di *Bar Council* dan *Bar Committee*.

Ini menyekat hak seseorang individu dan ia adalah satu rang undang-undang yang tidak patut berada dari segi LPA ini dan beberapa alasan-alasan telah diberi oleh Menteri sebelum ini bahawa penyekatan ini adalah munasabah. Tetapi pendirian yang dibuat dan cadangan yang dibuat oleh Menteri sendiri dari satu jawapan tahun dahulu bulan September, Menteri sendiri telah bersetuju kepada apa yang saya cadangkan ini dan mengatakan bahawa beliau bersetuju bahawa sekatan-sekatan yang sedia ada ini patut dimansuhkan. Apakah sebab dan apakah rasional dan apakah alasan-alasan tertentu bahawa pendirian kerajaan adalah berbeza, dan pendirian Menteri ini nampaknya beza dan kelirukan Dewan ini dari dahulu, dan ini saya rasa adalah tidak patut dan saya harap Menteri akan bersetuju kepada apa yang saya katakan, dan akan bertanggungjawab kepada pendirian yang beliau sendiri ada sebelumnya pada bulan September. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Tuan Pengerusi Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa pindaan..

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagai mana yang tertera dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, ya sila.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, saya menyokong apa yang dikatakan oleh rakan saya dari Ipoh Barat. Tuan Pengerusi, kenapa saya tidak mahu ulangi apa yang saya ada nyatakan dalam perbahasan kelmarin. Apa rasional, memansuhkan A sahaja dan bukan B dan C ? B dan C Tuan Pengerusi, lebih penting kepada kepentingan rakyat. Oleh kerana Tuan Pengerusi, seorang Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Undangan Negeri atau *Local Council*, jika diberi peluang untuk menjadi satu *official* dalam *Bar Council*, dia boleh dapat pandangan daripada ahli-ahli *Bar Council* yang lain dan pandangan itu boleh digunakan dalam Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri apabila dia menghadiri di dewan-dewan ini. Kenapa ada sekatan ke atas seorang Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri?

Peruntukan 46A Tuan Pengerusi, ada dibuat dalam tahun 1977 atau 1978, dan ini ada dibuat oleh kerana apabila *The Essential (Security Cases) Regulations* ada dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong dan peraturan-peraturan ini adalah *draconian* kerana apa yang saya nyatakan tadi, *hearsay evidence* boleh diterima pakai keterangan, boleh diberi dalam ketidakhadiran seorang tertuduh sahaja, tetapi peguam dia ada peruntukan untuk membawa *hooded witnesses*

ke mahkamah. Dalam masa itu Tuan Pengerusi, saya ada membawa satu usul kepada majlis. Bukan Majlis Peguam tetapi dalam satu *extraordinary meeting of the Malaysian Bar*.

Dalam usul ada disokong oleh Yang Berhormat bagi Jelutung masa itu, Datuk R. Rajasingam. Dia menyokong, menyokong usul yang saya bawa. Dalam usul itu adalah ini Tuan Pengerusi, untuk melarang semua peguam untuk menerima kes-kes yang ada mengendalikan dengan peraturan-peraturan ini. Oleh itu, Tuan Pengerusi peruntukan 46 ada dibawa oleh kerajaan dalam Dewan Rakyat dan masa itu Tuan Pengerusi, saya ada dipilih sebagai ahli Majlis Peguam dalam masa itu.

Dan apabila peruntukan 46A ada berkuat kuasa saya hilang keahlian saya dalam Majlis Peguam itu ada motif. Motif masa itu kerana *the bar was brave enough to stand up against the government. Stand up against the government, against the passing of laws the product union in the form of the essential security cases regularisation* itu adalah motif. Tetapi zaman lain sekarang,sekarang bukan satu masa di mana ada satu darurat. Darurat dalam tahun 75 boleh diterima kerana CPO Perak ada dibunuh oleh ahli komunis dan masa yang sama *The Head of Police Force*, Ketua Polis Negara Dato' Abdul Rahman jika saya tidak silap nama dia ditembak in Daylight in Kuala Lumpur. Sampai hari ini Tuan Pengerusi tidak sesiapa yang didapati salah dituduh dalam mahkamah mengenai pembunuhan Ketua Polis Negara.

Maksud saya Tuan Pengerusi sekarang keadaan lain, oleh itu mengekalkan 46 (b) dan (c) tidak adil. Adalah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi sekarang liberalisme bukan macam zaman Dr. Mahathir Mohamad, dia memanggil satu - sekarang lain kita ada seorang Perdana Menteri yang baik *very peace loving man* bukan macam dahulu tangkap semua *operation* lalang tak kira siapa tangkap masuk dalam lokap tahan 60 hari hantar ke Kemunting untuk 2 tahun dan itu boleh dilanjutkan selepas 2 tahun itu sekarang lain. Bolehkah Tuan Pengerusi mempertimbangkan semula adakah adil untuk 46 (a) (b) dan (c) harus dimansuhkan dengan (a) tidak payah Tuan Pengerusi mengadakan 46 (a) *in any form* . Terima kasih Tuan Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Melaka

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam debat dalam peringkat Jawatan kuasa. Tuan Pengerusi saya tidak bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat kerana saya bersetuju dengan konsep kebebasan berpersatuan iaitu *freedom of association* tetapi saya rasa mungkin ada faktor-faktor lain dan juga unsur-unsur lain yang kita harus ambil kira juga kerana keahlian yang kita maksudkan pada petang ini adalah keahlian dalam satu badan. Bukan dalam satu badan yang biasa tetapi badan Majlis Peguam Malaysia di bawah Akta Profesion Undang-undang kerana ia merupakan satu badan *statutory* yang mana tanggungjawabnya bukan sahaja tindakan Majlis Peguam Malaysia ia bebas daripada unsur-unsur politik tetapi saya rasa yang

penting juga ialah imej Majlis Peguam Malaysia juga haruslah bebas daripada apa-apa unsur politik.

Dan selama ini seperti mana yang telah debatkan sebelum ini, saya rasa Majlis Peguam Malaysia menerusi pemimpin-pemimpin *council members* yang telah pun saya rasa memang telah pun menyuarakan pandangan Majlis Peguam Malaysia selama ini yang betul-betul daripada perspektif undang-undang dan imej mereka adalah baik selama ini dan saya rasa tidak payahlah kita wujudkan satu struktur ataupun satu susun lapis yang terbuka mungkin satu kemungkinan untuk penyelewengan pada masa akan datang. Dan saya...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka, saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tadi yang mengatakan bahawa Yang Berhormat tidak bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh pihak sana. Boleh kah saya mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat setakat ini apabila diadakan sekatan itu apakah masalah yang berlaku dan bagaimana masyarakat ataupun peguam-peguam melihat adakah ia dianggap sebagai satu kekangan atau dianggap sebagai menjaga imej atau reputasi baik *Bar Council*? Apa pandangan yang Berhormat?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Sebenarnya Tuan Pengerusi pandangan itu bercampur. Sebenarnya wujud juga peguam-peguam yang rasakan kita perlu masukkan satu peruntukkan supaya kita dapat memansuhkan (b) dan (c) juga tetapi saya rasa pada masa yang sama wujud juga pandangan daripada peguam-peguam lain yang inginkan pengekalan *provision* perenggan (b) dan (c) juga. Tapi saya rasa yang penting sekali bukan sekadar pendirian tapi saya rasa yang penting sekali apakah sebab-sebab dua jenis pandangan ini dan bagi saya.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Mohon penjelasan...

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tunggu sekejap bagi saya, saya memihak kepada pandangan yang mengatakan kita haruslah mengekalkan peruntukan bagi perenggan (b) dan (c). Seperti mana yang saya katakan bukan sahaja tindakan Majlis Peguam Malaysia itu haruslah bersih dan juga bebas dari unsur-unsur politik. Tetapi yang penting juga ialah imej Majlis Peguam Malaysia itu kerana memang susah bagi seorang ahli politik baik dari pembangkang atau daripada kerajaan memang sukar bagi ahli politik itu jika dia terpilih menjadi Presiden bagi Majlis Peguam Malaysia dan ada perkara-perkara isu-isu tertentu memang dia susah dia ingin pisahkan isu itu dia tidak boleh beritahu orang lain bahawa semalam saya bercakap sebagai seorang Presiden Majlis Peguam Malaysia tetapi hari ini saya ahli politik saya bercakap di Parlimen. Memang susah, saya rasa dari segi konsep pun memang susah kita hendak memisahkan apa yang dikatakan oleh orang yang sama di dalam forum yang sama dan juga di forum yang berlainan pula pada hari yang kedua. Silakan Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka kalau katakan peraturan ini dimansuhkan ada

kemungkinan tak Majlis Peguam itu akan jadi satu badan yang akan diguna oleh ahli politik tertentu untuk menyuarakan pandangan-pandangan mereka melalui Majlis Peguam?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Lipis, itu yang cuba saya ketengahkan kepada Dewan ini Tuan Pengerusi. Kerana apa yang harus kita lahirkan ialah kita wujudkan satu sistem satu susun lapis satu struktur yang benar-benar tidak memberi apa-apa peluang untuk kemungkinan penyelewengan pada masa akan datang dan dalam proses itu memang ada banyak unsur-unsur banyak faktor yang kita kena ambil kira tetapi kebebasan berpersatuan itu seperti mana yang telah pun dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan itu dia bukanlah merupakan satu hak *absolute* kerana saya rasa kita haruslah mengambil kira apakah keadaan apakah keahlian dan apakah badan yang kita maksudkan dan dalam kes Majlis Peguam Malaysia ini saya berpendapat bahawa kita tidak haruslah memberi apa jua peluang untuk penyelewengan di masa akan datang. Sekian Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Petra Jaya nak bercakap saya beri peluang bercakap Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Sebenar saya hendak mencelah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya mahu bahas.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Saya hendak menambah sedikit sahaja Tuan Pengerusi terima kasih daripada perbahasan Kota Melaka. Sebenarnya di Sarawak kalau kita lihat walaupun Akta Profesion Guaman ini tidak diguna pakai di Sarawak tetapi konsep dan prinsip diguna pakai di Sabah dan Sarawak yang mana sebahagian peruntukan tersebut diterima pakai jadi apa yang berlaku sebahagian peguam sebenarnya tidak bersetuju untuk peruntukan ini dipinda.

Kita harus mengekalkan sebab untuk mengekalkan satu integriti, dan yang lebih penting ialah untuk mengekalkan kesepaduan dalam persatuan. Sebab kalau unsur-unsur politik dilibatkan, maka akan berlaku percanggahan ataupun perpecahan di dalam persatuan tersebut. Sebab itu imej yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka tadi amat penting untuk dikekalkan di dalam Persatuan Peguam. Sebab Majlis Peguam ini dilihat sebagai satu benteng yang akan memelihara kedaulatan undang-undang dalam sudut kaca mata masyarakat kita.

Jadi ianya tidak dapat disamakan dengan persatuan-persatuan yang lain. Sebab inilah integriti Persatuan Peguam supaya profesionalisme dan kebebasan itu, dijaga dan dipelihara supaya tidak ada campur aduk dengan pengaruh-pengaruh daripada berkepentingan politik misalnya. Sebab orang-orang politik yang terlibat dalam proses guaman boleh sebenarnya menyuarakan kalau mereka sudah menjadi wakil rakyat, dia ada peluang dan ruang untuk menyuarakan pandangan mereka dari sudut perundangan di dalam Dewan ini. Dan juga di Dewan inilah kita menggubal undang-undang.

Dan yang lebih penting lagi ialah dalam konteks ini saya rasa kalau timbulnya pertelingkahan dan tidak ada keserasian di antara penggubal undang-undang, kehakiman dan

juga kerajaan, maka akan menimbulkan, mencemarkan proses kedaulatan undang-undang kita tadi dalam kaca mata masyarakat dan juga kaca mata dunia. Jadi inilah yang harus kita pelihara, dan kita harus mengekalkan peruntukkan yang sedia ada ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong pindaan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Kerajaan boleh memansuhkan 46A (1) (a), kerana menerima bahawa peguam-peguam sekarang ini mampu tanpa pengalaman dan matang. Tetapi mengapa pada masa yang sama tidak boleh memberi keyakinan kepada peguam-peguam untuk memberi mereka peluang menjadi Ahli-ahli Majlis Peguam dan memansuhkan juga (b) dan (c). Ini satu bentuk diskriminasi dengan mengekalkan (b) dan (c) sekurang-kurangnya kepada Majlis Peguam, kalau MMC dan MIA, Persatuan Akauntan ini boleh tidak ada bentuk atau larangan, sekatan sedemikian, mengapa pula dikekalkan kepada Majlis Peguam ini. Dan juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun. Ya, sila Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya pun juga hairan dengan pendapat Ahli Yang Berhormat di sana, kerana kalau mengikut logik mereka, jadi sesiapa yang sudah Ahli Parlimen ataupun ADUN, mereka juga tidak sepatutnya menduduki di mana-mana jawatankuasa di dalam sekolah, di dalam organisasi-organisasi yang seperti di organisasi-organisasi agama, di *temple's organization*, di dalam RT (rukun tetangga), mereka pun tidak boleh. Kalau itu tidak ada sekatan, mengapa sekatkan *lawyer* sahaja, mengapa diskriminasi *lawyer* sahaja. Bukankah ini saya rasa bukan hendak menjaga imej *Bar Council*. Tetapi ialah untuk menjaga kepentingan politik sendiri. Adakah Yang Berhormat dari Batu Gajah bersetuju dengan saya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Buat masa kini, *all level of local government*, semua *level*, semua peringkat termasuk juga universiti, semua dengan politik-politik Barisan Nasional. Jangan 'meng *castor*' terhadap Majlis Peguam dan ahli-ahli mereka, bahawa mereka tidak mampu untuk memberi sumbangan tanpa pengaruh politik. Jelas saya...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya benarkan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Dengan kekuatan Barisan Nasional bukannya lebih senang bagi Barisan Nasional untuk mengawal Majlis Peguam jika peraturan ini dimansuhkan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, memang benar. Ahli yang di dalam Dewan ini Barisan Nasional juga ada peguam, jadi saya haraplah Yang Berhormat, hentikan diskriminasi terhadap Majlis Peguam dan hentikan menimbulkan keraguan terhadap kemampuan Majlis Peguam ini melaksanakan tanggungjawab mereka, tanpa pengaruh politik dan pandanglah mereka sebagai satu badan yang boleh menyumbang kepada negara. Tanpa mempunyai

elemen-elemen politik yang sentiasa dimainkan oleh UMNO dan Barisan Nasional, dan semua peringkat.

Saya pohonlah Yang Berhormat kerajaan boleh pertimbangkan agar memansuhkan (b) dan (c) dan membenarkan pindaan. Tadi kata kita pandai membuat undang-undang. Jadi sekarang kita bangkitkan pindaan, saya harap...saya bagi Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Boleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah bersetuju dengan saya. Nampaknya ada unsur-unsur politiklah dengan Ahli Parlimen-Ahli Parlimen Barisan Nasional. Itulah sebab mereka ingin tidak bersetuju kepada pemansuhan ini, kerana mereka nampaknya tidak setanding dengan kami di sini, sebelah sini, mereka nampaknya ada *inferiority complex*, ada *inferiority complex* tidak boleh mengambil bahagian untuk berdebat dengan kami. Jadi mereka perlukan satu *clause* untuk memberi satu kelebihan kepada mereka. *Advantage* kepada mereka, adakah Yang Berhormat sependapat dengan saya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kemungkinanlah kita boleh tengok yang belah sana mereka... Peraturan Mesyuarat dalam Dewan, pindaan telah diluluskan tanpa di bahas mereka pun tidak ketahui. Itu amat memalukanlah. Jadi walau bagaimanapun saya haraplah, semalam Yang Berhormat kata kerajaan mengikut perubahan masa, sikap terbuka dan juga memuji peguam sekarang, pengalaman kurang tujuh tahun matang, bagilah mereka peluang, keyakinan, mansuhkan (b) dan (c). Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya sudah jawab dengan begitu panjang lebar semalam. Kalau sebelah sana tidak faham, ataupun pekak itu bukan masalah sayalah. Saya sudah terus terang cakap, jadi kita mempertimbangkan dalam soal ini kepentingan peguam dengan peguam. Dia hendak jadi peguam, dia bukan hendak jadi ahli politik, dia bukan hendak jadi *Trade Union Congress Member*. Hendak jadi ahli politik, jadi ahli politiklah. Jadi kita hendak jaga kepentingan peguam. Kalau kita mansuhkan 46 (b) dengan (c) inilah jadinya. Inilah jadinya, inilah, macam inilah, dia akan mengheret Majlis Peguam jadi *political*. Kita hendak dia 'A' *political*. Kita hendak dia bebas daripada pengaruh kita dan juga bebas daripada pengaruh dia.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi...duduklah saya hendak jawab. Berkenaan dengan yang tujuh tahun itu, dia orang sudah perangai elok baik ini, sebab ada (b) dengan (c) lah. Kalau kita mansuh, jadi kecoh balik. Jadi sebab itu saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam kita mempertimbangkan ini semua, kita mengambil kepentingan peguam itu.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi sebab itulah..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak beri laluan kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak payahlah ini membuang masa. Jadi oleh kerana itu dalam saya punya penjelasan tadi iaitu bahawa apa juga yang kita ambil kira ini ialah di atas kehendak Majlis Peguam, sebab kalau setakat hendak berdebat, sini pun kita berdebat, tidak payah dalam Majlis Peguam.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon penjelasan...mohon penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam Majlis Peguam saya tidak boleh bertanding, sebab saya anggota pentadbiran, saya seorang menteri, saya tidak boleh jadi Ahli Majlis Peguam, sebab saya punya sijil tidak boleh *practice*, jadi saya tidak ada kesempatan untuk berdebat dengan dia dalam Majlis Peguam sebab saya tidak boleh jadi Ahli Peguam kerana saya anggota pentadbiran. Mana hendak dapat keadilannya kalau dia bahas dalam satu forum yang saya tidak boleh hadir untuk mempertahankan diri saya, jadi sebab itu kita bercakap di sini, kita bercakap dalam Dewan Rakyat. Dalam Dewan Rakyat dia bebas bercakap.

Jadi, oleh kerana itu, setelah kita mengambil semua dan daripada pihak Majlis Peguam pun tidak ada yang minta untuk dimansuhkan. Maka oleh kerana itu, saya ingin menyatakan bahawa kerajaan tidak bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendak disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Pindaan tidak disetujui.

Fasal 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal-fasal 11 hingga 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 18 -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Barat, sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, sebelum saya masuk ke arena ini, sebenarnya Yang Berhormat Menteri sebelum ini tidak menjawab satu perkara yang saya bangkitkan iaitu penukaran pendirian beliau.

Pada bulan September beliau mengatakan ini adalah satu perkara yang sangat mustahak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Boleh, boleh, boleh.

Tuan Pengerusi, saya jawab

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *That's very important I think.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *no, you check balik Hansard, saya jawab dalam saya punya jawapan masa peringkat Majlis. You check balik Hansard, kemudian boleh datang balik, ya? Check Hansard, saya sudah jawab kata saya telah berjumpa dengan AG semua, saya panggil, saya berunding dan saya menukar pendirian. Itu saya ada cakap.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada penukaran pendirianlah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, betul saya tidak nafikan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *That was a case earlier* bersetuju dengan kami.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sebab saya kata saya bukan jumud, *I am not inflexible.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Bukan pindaan Yang Berhormat Fasal 18.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *I can be persuaded.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Okay, you can be persuaded.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, *no problem.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Sudah habis Yang Berhormat, cukup?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Baru hendak mula.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada banyak ini. Sedikit sahaja, sebelum saya mulakan saya ingin kata bahawa 18(c) yang dicadangkan ini nampaknya akan menyekat dalam ketelusan atau dalam *transparency* dia. Saya ingin merujuk kepada kes di mana satu kes *Manivale and Sons Limited Against Pubandra*, itu tahun 1990 di mana hakim Chow Hit Toon Jeycee kata sedemikian dengan izin, "*a document relates to the matter in question in the action. If it contain information which may or not which must either directly or indirectly enable the party requiring the discovery, either to advance his own case or to damage the case of his adversary or which may fairly lead to a train of enquiry which may have either of these two consequences*".

Nampaknya ini adalah satu perkara yang mustahak dan saya berpendapat bahawa perlindungan yang akan diberi kepada *Bar Council* dan *Disciplinary Board* atau *State Bar Committee* adalah tidak berpatutan. Walau pun sedemikian, saya ingin juga katakan bahawa saya membawa pindaan-pindaan rang undang-undang ini selepas mendapat beberapa aduan dari peguam-peguam dari negara ini.

Sebelum ini saya telah memberi akujanji kepada Pengerusi, Encik Yeow bahawa saya mungkin akan menarik balik pindaan ini. Tetapi selepas saya berbincang dengan kawan bijaksana saya Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, saya berpendapat bahawa rang undang-undang ini patut dimansuhkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Batu Gajah, bukan, bukan. Yang Bukit Gelugor, silakan.

4.15 ptg

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, peruntukan ini harus dimansuhkan. Apa yang ada dalam peruntukan ini Tuan Pengerusi boleh dikatakan *the ouster of the jurisdiction of the Court. In a way* Tuan Pengerusi.

Kenapa perlindungan diberikan kepada ahli-ahli *Qualifying Board, Bar Council, State Bar etc.* Adakah apa yang diperbincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat oleh *Qualifying Board* dan *Bar Council, State Bar Committee* satu *official secret*, satu apa yang tidak boleh membongkar kepada sesiapa termasuk mahkamah. Jika tidak ada apa-apa yang harus disembunyikan daripada mahkamah, kenapa perlindungan ini diberikan khasnya kepada *Qualifying Board*.

Baru-baru ini Tuan Pengerusi, *the Qualifying Board had been misled by the Secretary of the Board.* Beliau dihadapkan ke mahkamah. *The Secretary of the Qualifying Board in fact was giving marks as he pleased.* Sebenarnya apa yang dikatakan dalam mesyuarat *Qualifying Board* boleh jadi apa yang harus dikemukakan kepada mahkamah.

Tuan Pengerusi, peruntukan ini adalah peruntukan yang tidak baik, peruntukan yang harus dimansuhkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. *I like you, saya suka sebab dia very honest man* makna dia pun *can be persuaded within minutes, ya?* Dia bercakap dengan peguam-peguam, peguam kata *okay*, lepas itu dia hendak tarik balik kemudian ketua parti dia kata tidak boleh, dia ikut. Baguslah macam itu. *That is flexible*, itu jelas menunjukkan iaitu bahawa sebenarnya dalam hal ini kita dikawal oleh parti kita. Bukan daripada diri kita sebagai seorang peguam. Itulah sebabnya mengapa kita tidak mahu mansuh yang (b) dengan (c) tadi. *We can be persuaded.*

Okay Yang Berhormat. Jadi saya rasa di sini kita bercakap tentang *confidence level* iaitu kita ini *we are all lawyers but yes we are not angel* tetapi *public* punya persepsi terhadap peguam ini begitu tinggi dan kita tidak mahu *washing our linen in public.* Kalau kita ada masalah, kita selesai sesama kita. Kalau sudah dibawa ke dalam mahkamah sebagai contoh, maka *before all to be.*

Lawyer ini pun teruk, tengok berkelahi macam mana dia hendak *practise law*, undang-undang itu pun dia berkelahi antara satu sama lain. *This level of confidence.* Sebab itu, saya minta maaf saya walaupun Menteri dan Ahli Parlimen, saya juga *by profession* saya dilatih sebagai seorang peguam dan peguam ini duit bapak saya. *You can take away my membership*

of the Parliament. You can take away my Ministerial Post but you cannot take away apa yang telah saya dilatih sebagai seorang peguam.

Sebab itu saya punya perasan untuk peguam ini dan kawan-kawan saya memang tinggi dan saya hendak jaga betul-tulah. Sebab itu tidak bagi 46 (b) dan (c) dimansuhkan semua, sebab saya hendak jaga peguam.

Esok kalau saya tidak jadi menteri, tidak jadi Ahli Parlimen, saya jadi peguam balik. Jadi sebab itu kita kena jaga. Kalau kita *wash our linen in the public*, orang akan hilang *confidence* kepada kita. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor kata *qualifying board*. Kita kena jaga juga. Memang saya setuju iaitu bahawa ada masalah tetapi kalau *qualifying board* punya hal..

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah sekejap.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Itu *washing linen in the public...*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kejap, kejap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, dia tidak bagi jalan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, okey.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya bagi, saya bagi, tidak ada masalah. Boleh dua tiga kali dalam Jawatankuasa, tidak ada masalah. Jadi bagi sayalah, kalau prosiding dalam *qualifying board* itu boleh dibawa ke mahkamah dipertikaikan, apa pandangan *public* berkenaan dengan *qualifying board* itu sendiri yang mengeluarkan peguam-peguam yang *set the standard, yang set the examination question*, orang hilang *confidence*. Jadi oleh kerana itulah kita fikir sebaik-baiknya iaitu kita masuklah seksyen ini kerana untuk hendak menjaga nama baik profesion perguaman kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mengenai apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai supaya untuk mengelakkan orang ramai untuk kehilangan keyakinan ke atas peguam. Oleh itu *we don't wash the linen in publicly*. Adakah ini satu sikap Kerajaan Barisan Nasional supaya... *so you sweep all your dirty linen under the carpet*. Adakah ini sikap Barisan Nasional supaya semua skandal telah disembunyikan, tidak mahu memberitahu orang ramai? Adakah sikap ini bercanggah dengan polisi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang selalu menegaskan kita perlu ketelusan dalam pentadbiran kerajaan. Silalah beri sedikit penjelasan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih. Bukit Sentosa ke Bandar Kuching? Baik. Pertama kita kena ingat, ini permintaan daripada *Bar Council*. Jadi kita kena jaga imej kita. Kalau soal macam dalam kerajaan, kita ada ACA, buat salah apa, ACA siasat dan

public ada *access*. Jadi *it is not sweeping problem under the carpet*. Tetapi bagi peguam-peguam, kita macam mana pun, kita kena jaga imej peguam-peguam kerana keyakinan rakyat terhadap kita. Sebab itulah memang saya lihat perkara ini. Saya baca apabila Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bangkit, saya cuba jadi *diverse advocate* juga, bagaimana kalau kita ini... tetapi akhirnya saya rasa keputusan untuk kita memberikan sedikit perlindungan ini adalah tepat kerana hendak mempertahankan *level of confidence public* terhadap profesion perguaman kita. Terima kasih.

Dengan kerana itu, kita tidak setujulah dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Tidak setuju!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Pindaan tidak disetujui.

Fasal 18 diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Fasal-fasal 19 – Pindaan

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, saya baca apa yang diperuntukkan dalam seksyen 93(4D). Saya baca, dengan izin, Tuan Pengerusi, “*No act or proceedings of the Disciplinary Board shall be invalidated solely on the ground that the President of the Malaysian Bar or his representative has taken part in any deliberation or decision of the Disciplinary Board relating to any complaint where the Bar Council is the complainant.*”

Tuan Pengerusi, dalam ingatan saya, peruntukan ini adalah satu peruntukan yang baru yang dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini selepas satu kes iaitu Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Rayuan Sivil Bilangan R-17B-157 Tahun 2002 di antara Datuk V. K. Lingam dan Majlis Peguam dan Lembaga Tatatertib Peguam-peguam. V. K. Lingam, Tuan Pengerusi, menang dalam kes ini. Menang kerana dalam *disciplinary board* ada *representative Bar Council* dan dalam kes itu Majlis Peguam jadi *complainant*. Ini adalah satu situasi *when you are both judge and jury*.

Peruntukan (4D) adalah satu peruntukan yang datang dengan *the rules of natural justice*. Ini bukan kali yang pertama. Apabila satu-satu mahkamah memberi keputusan, keputusan yang tidak boleh diterima oleh satu pihak, khasnya kerajaan dan dalam kes ini bukan kerajaan, Tuan Pengerusi, tetapi Majlis Peguam dan Lembaga Tatatertib. Peruntukan ini ada dimasukkan dalam undang-undang. Bolehkah saya tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah *Bar Council* yang cadang peruntukan ini? 93(4D) dimasukkan dalam undang-undang. Lebih baik, Tuan

Pengerusi, Majlis Peguam, Lembaga Tatatertib menerima keputusan oleh hakim dalam kes Datuk V. K. Lingam.

Rasional dalam kes itu adalah rasional yang boleh diterima. *You cannot be a judge and jury in your own court.* Tidak boleh ada satu aduan dibuat oleh Majlis Peguam apabila dalam *Disciplinary Board* yang *recommend*. Satu, *disciplinary action be taken*, dengan izin, dan selepas itu satu *complaint* dibuat oleh Majlis Peguam.

Tuan Pengerusi, apa yang saya nyatakan tadi dalam kes Tay Cheng Poh, apabila Privy Council, Majlis Privy menolak *the essential security cases regulations* kerajaan datang ke Dewan ini untuk kembalikan nafsu kepada peraturan-peraturan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan ucapan. Habis?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Baiklah itu, Tuan Pengerusi, bagi peruntukan ini. Peruntukan yang ada dicadangkan untuk dimasukkan dalam undang-undang ini iaitu kepada seksyen 103A dan khasnya kepada peruntukan bahagian yang kedua. Saya baca dengan izin..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, Yang Berhormat hendak habiskan ucapan atau hendak sambung esok?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *What is that?*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *Adjournment Speech. [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Seorang Ahli: Sambung besoklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita boleh bagi satu, dua minit untuk habiskan ucapan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Baiklah. Saya sambung besok. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang 4.30 ptg. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat. [Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**PENAHANAN ANGGOTA KABINET KERAJAAN PALESTIN
DAN KRISIS ISRAEL-PALESTIN**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan usul itu seperti yang telah pun diputuskan tadi. Pihak

pencadang akan diberi masa 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sila kemukakan usul.

4.32 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Parti Islam Se-Malaysia (PAS) mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan usul ini untuk dibahas pada petang ini, dalam Dewan yang mulia ini. Pada saya, usul ini adalah usul yang melampaui batasan dan fahaman politik yang mesti dibahas dan Parlimen Malaysia seharusnya berdiri teguh di atas nama kemanusiaan dan undang-undang antarabangsa serta semangat persaudaraan Islam dan kemanusiaan yang mesti ditegakkan, dan segala bentuk kezaliman mesti kita hapuskan dan kita perangi sampai ke peringkat akar umbi untuk menegakkan keadilan di atas bumi ini, insya-Allah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, tindakan rejim haram Israel ini yang telah bertindak kejam dan membunuh setiap hari manusia, penduduk-penduduk di Palestin adalah merupakan suatu peristiwa yang terus berpanjangan tanpa penyelesaian yang menyaksikan air mata darah dan juga nyawa yang terpaksa menjadi korban setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, kita berdiri pada hari ini di atas nama Parlimen Malaysia mengutuk dengan keras, membantah segala tindakan yang tidak berperikemanusiaan ini dan seharusnya kita sebagai rakyat Malaysia, juga harus pantas dan tegas serta pintar untuk mengambil satu jalan yang terbaik, bagaimanakah kita perlu untuk mewakili seluruh umat Islam dan manusia yang cintakan keamanan, yang dapat memberikan sumbangan besar ke arah masa depan rakyat Palestin yang dinafikan setiap hak, setiap inci tanah air mereka oleh rejim Zionis haram Israel ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada sejarah penubuhan negara Israel dan juga peranan kuasa besar dunia, maka Parlimen Malaysia tidak boleh menafikan akan peranan yang dimainkan oleh Amerika Syarikat yang merupakan kuasa besar yang paling berani, dan yang paling nyata membela tindakan kezaliman yang dilakukan oleh rejim Israel ini. Saya suka untuk mengungkit kembali dalam Dewan yang mulia ini, bagaimana sandiwara, bagaimana konspirasi dan bagaimana tindakan demi tindakan di atas kononnya *human rights*, atas nama kononnya untuk memerangi keganasan, bertopengkan kepada semangat merekalah yang menjadi polis dunia, penegak demokrasi. Tetapi apabila sampai kepada peringkat demokrasi itu dipilih oleh rakyat, demokrasi itu menyebelahi golongan-golongan yang ditindas pada hari ini, maka demokrasi itu dengan segera mereka nafikan dan dengan segera melabelkan apa sahaja kemenangan sebagai golongan penganas yang dianggap sebagai pengamal *terrorist* dan terrorisme.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena kembali mengingati bagaimana tragedi 11 September apabila *World Trade Center* diruntuhkan. Dunia menyaksikan satu kejutan yang teramat sangat. Maka dengan pantas Presiden Bush menuduh dan menuding jari yang kononnya keganasan itu dilakukan oleh golongan Islam dan melabelkan Osama bin Laden sebagai konspirasi kepada tragedi tersebut. Tetapi setelah berlaku beberapa *indicator-indicator* yang sangat meyakinkan, maka hari ini Amerika Syarikat berdepan dengan cabaran dan digugat dengan satu keyakinan yang mampu membuktikan bahawa Amerika Syarikat sendirilah yang mungkin menjadi dalang kepada tragedi tersebut.

Ini disebut Tuan Yang di-Pertua dalam buku "*The Next Attack*" yang ditulis oleh Daniel Benjamin dan Steven Simon yang menyatakan dengan jelas bahawa yang akan menjadi mangsa bagi masa depan politik dunia adalah golongan Islam yang akan dilabelkan sebagai golongan pengganas. Saya memang membawa buku ini ke dalam Parlimen pada hari ini adalah sebagai satu contoh bahawa dakwaan ini ataupun fakta ini bukan ditulis oleh penulis yang beragama Islam tetapi telah terlalu ramai penulis, malah para-para sarjana daripada golongan yang bukan Islam sendiri, orang-orang Barat sendiri yang telah mula mempertikaikan tentang sandiwara, tentang konspirasi yang dimainkan oleh Amerika Syarikat untuk menghalalkan tindakan mereka terhadap negara-negara umat Islam dan seterusnya menjadikan itu sebagai satu justifikasi untuk terus melindungi negara haram Israel pada hari ini.

Seorang wartawan barat Seymour Hersh yang diberikan hadiah *Nobel Pulitzer* daripada Majalah New Yorker, seorang wartawan yang tersohor yang mendedahkan bagaimana peranan Amerika Syarikat di Guantanamo Bay, yang mendedahkan bagaimana kejahatan Amerika Syarikat, Seymour Hersh bukan seorang Islam. Dia wartawan tersohor. Seymour Hersh mendedahkan bagaimana, apa yang dinamakan *The Pipelines War*. Satu peperangan yang memang dirancang oleh Amerika Syarikat terhadap penduduk Afghanistan yang kononnya keganasan pengeboman WTC dibuat dan dirancang oleh kumpulan Islam. Seymour Hersh mendedahkan yang sebenarnya pendudukan ataupun serangan kejam Amerika Syarikat terhadap Afghanistan adalah kerana *The Pipelines War*, kerana saluran minyak, saluran gas yang bernilai USD trilion yang bakal diangkut daripada selatan Rusia untuk dimiliki kekayaannya oleh syarikat-syarikat gergasi daripada Amerika Syarikat.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, apabila Seymour Hersh mendedahkan bagaimana berlakunya pendudukan ke atas Iraq, serangan yang tidak ada fakta, mendedahkan bagaimana pembunuhan Dr. Kelly yang menjadi ketua penyiasat, yang menafikan bahawa Iraq tidak ada apa yang dikatakan senjata pemusnah, tidak ada apa yang dikatakan peluru berpandu dan tidak ada loji nuklear yang terdapat di Iraq, tetapi kesengsaraan yang dihadapi oleh umat Islam Iraq pada hari ini tidak dapat diselesaikan oleh dunia. Malahan Amerika Syarikat masih lagi memberikan ancaman yang cukup besar terhadap masa depan umat Islam di Iraq.

Di atas fakta-fakta yang saya sebutkan sebentar tadi, maka jelaslah bahawa Amerika Syarikat sengaja mencari jalan, sengaja menjadi pembela kepada rejim Israel, mengibarkan bendera demokrasi, mengajak rakyat Palestin memilih jalan demokrasi. Tetapi apabila rakyat Palestin memberikan suara mereka dan menentukan sikap mereka di atas nama demokrasi, di atas pilihan raya yang dianggap paling adil, di mana Jimmy Carter datang dengan *foundationnya* untuk memberikan satu penjelasan kepada dunia, diiktiraf oleh PBB pilihan raya yang paling bersih. Apabila kemenangan berpihak kepada Kumpulan Hamas, maka dengan sekelip mata, Amerika Syarikat dan para sekutunya menafikan kemenangan tersebut dan mengugut negara-negara dunia memberikan ugutan-ugutan, memberikan ancaman-ancaman, menggesa bank-bank dunia membekukan dan menghalang setiap duit dan bantuan kemanusiaan yang akan disalurkan kepada Kerajaan Hamas.

Inilah Amerika Syarikat yang mengajak dunia kepada demokrasi tetapi demokrasi apabila demokrasi berpihak kepada golongan Islam, maka dengan segera mereka menafikan kemenangan itu sehinggakan pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, Parlimen Malaysia mestilah memberikan perhatian yang serius kerana apabila kemenangan dapat kepada kumpulan Hamas yang bersedia untuk menamatkan segala tindakan mereka yang sebelum ini, maka dalam majalah *Times* dalam *interview* dengan Perdana Menteri Hamas yang baru Ismail Haniyah, sehingga tahap Hamas bersedia untuk menjalin rundingan dengan Tel-Aviv sekiranya Israel boleh kembali kepada syarat tahun 1967.

Demikianlah terbukanya sikap terhadap Hamas, demikianlah dia bersedia untuk bermain atas pentas demokrasi, demikianlah mereka bersedia mengamalkan disiplin dalam dunia diplomatik, tetapi apabila ianya memberikan suatu perkara yang dianggap *back-fire* kepada Amerika Syarikat, Amerika bersegera untuk mengarahkan Israel melaksanakan operasi ketenteraan, menangkap dan menahan menteri-menteri di kalangan Hamas yang dilantik oleh rakyat, yang dipilih oleh rakyat, yang mereka nafikan hak mereka pada hari ini.

Mereka ditahan, mereka diugut, rakyat Palestin terus dibunuh dan diburu tanah air mereka diancam walau pun kumpulan Hamas memberikan jaminan bahawa mereka bersedia ke meja perundingan, mereka bersedia untuk berpilihan raya. Inilah sikap Amerika yang melindungi pengganas Israel yang merekalah yang sebenarnya menjadi negara yang boleh kita anggap negara yang menjadi pelindung keganasan dalam dunia ini. Maka Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini juga saya ingin menyatakan bahawa beberapa peraturan-peraturan yang telah dilanggar, dicabul termasuklah apa yang didedahkan oleh MSG International sendiri yang menganggap bahawa penyerangan, pencabulan operasi ketenteraan di Gaza baru-baru ini yang dianggap *valid international humanitarian law and constitute war crimes*.

Ini diakui sendiri oleh badan yang berwibawa MSG International demikian juga apa yang dilakukan itu merupakan pelanggaran kepada *The Fourth Geneva Conventions* yang secara jelas

menghalang pencabulan ke atas sebuah negara yang telah dipilih oleh rakyat di atas nama demokrasi.

Demikian juga Tuan Yang di-Pertua, apabila badan-badan antarabangsa yang menganggap bahawa apa yang dilakukan oleh Amerika Syarikat yang diarahkan kepada rejim haram Israel yang dianggap bercanggah dengan *the war crime under article B, 1 dan 2 dan the room statue of the international criminal court*, ini yang kita nyatakan dalam Dewan yang mulia ini merupakan perkara yang sangat kejam dan maka oleh itu saya berdiri sekali di atas Parlimen ini yang mendesak bahawa negara Malaysia sebagai sebuah negara yang memimpin OIC, memimpin negara berkecuali NAM mesti mengambil langkah, mengambil sikap yang lebih proaktif untuk kita terus bersuara dan membela dan mengutuk dengan keras akan tindakan Rejim Israel yang menahan, yang mengugut, yang menculik, yang memenjarakan menteri-menteri daripada kalangan kerajaan Hamas yang terpaksa merengkok dalam tahanan pada hari ini dan menyaksikan darah dan air mata yang terus tumpah di tanah air di Palestin yang menyebabkan kesengsaraan berterusan pada hari ini.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberikan peluang pada rakan-rakan yang lain daripada pihak pembangkang, PAS dan DAP dan juga rakan-rakan daripada Barisan Nasional yang saya rasa isu ini Parlimen Malaysia mesti membuktikan dan menunjukkan dengan istilah "*loud and clear*" dengan suara yang lantang Parlimen Malaysia mesti menyokong satu gerakan yang dipilih oleh rakyat mendukung demokrasi dan kita harus mengutuk tindakan menahan menteri-menteri Hamas yang kita mesti mengheret mereka ke muka pengadilan.

Kalaulah Slobodan Milosevic, penjenayah dalam perang Serbia oleh kita heret ke muka pengadilan mengapa tidak *Bush*, mengapa tidak Presiden Israel - PM Israel yang pada hari ini tidak boleh Parlimen Malaysia mendesak mereka, mengheret mereka ke mahkamah antarabangsa dan kita tuduh mereka melakukan jenayah perang di atas nama kemanusiaan. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan ada 30 minit untuk pihak Yang Berhormat. Jadi, ada lagi 14 minit..

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: ...setakat 30 minit..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada 14 minit, kalau Yang Berhormat nak ambil semua masa pun boleh, nak berikan kepada Seputeh pun boleh..

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: ..Okey,okey,okey..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ..terpulang kepada Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Mengucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, dan saya dengan ini bangun untuk menyokong usul yang di bawa oleh Yang Berhormat bagi

Kubang Kerian berhubung tindakan ganas Israel ke atas umat Islam Palestin. Sebagaimana yang kita tahu daripada sejarah Israel ini merupakan satu bangsa yang dilaknat oleh Allah Subhanawatallah.

Saya ada beberapa keratan daripada pembicaraan pemimpin-pemimpin Israel yang dipetik di sini iaitu General Shlomo Lahat pada Oktober 1983 beliau mengatakan, *"We have to kill all the Palestinians unless they are resigned to live here as slaves,"* iaitu salah seorang Datuk Bandar Tel Aviv 1983. Kemudian di sokong oleh Perdana Menteri Ariel Sharon pada Oktober 2001, *"everytime we do something, you tell me America will do this and will do that. I have to tell you something very clear; don't worry about American pressure on Israel. We, the Jewish people are controlling America and that America knew it"*, maknanya Amerika Syarikat sekarang ini sebagaimana yang diketahui tentang *dicontrol* oleh Israel dan Israel ini merupakan pegganas yang terulung di dunia ini. Bermakna kita sebagai negara umat Islam tidak boleh berharap kepada Amerika untuk memberi bantuan kepada Palestin.

Sebab itulah saya menyeru kepada Malaysia selaku pengerusi OIC dan juga NAM supaya mengambil tindakan segera untuk menghadapi kemelut yang berlaku sekarang ini. Oleh kerana seorang askar Israel iaitu Koperal Gilad Shalit yang diculik oleh - dikatakan sebagai pegganas di Palestin maka 1/3 daripada menteri-menteri Palestin telah ditangkap dan ditahan oleh askar-askar Israel. Ini merupakan satu perkara yang tidak boleh diterima oleh dunia sekarang ini. Kerana Amerika merupakan salah satu daripada mentor Israel dan Israel juga merupakan mentor kepada tentera Singapura di sebelah timur ini.

Sebab itulah apabila saya mempersoalkan tentang kerjasama tentera Malaysia dengan tentera Amerika telah dijawab oleh Timbalan Menteri Pertahanan pagi tadi, ini merupakan satu yang amat sedih bagi kitalah kerana selepas 11 September 2001, menurut jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi sebanyak 58 buah kapal perang dan lebih 200 jet pejuang dari Amerika Syarikat telah melawat Malaysia. Ini merupakan satu perkara yang saya rasa cukup menyedihkan kita kerana ketua kepada pegganas atau pun *terrorist* dunia ini telah melakukan banyak lawatan ke negara kita, dan kita harap Malaysia sebagai pengerusi OIC dan NAM perlu memberi perhatian yang serius terhadap perkara ini.

Sekurang-kurangnya kita boleh memanggil pemimpin negara-negara umat Islam mengadakan sidang tergepar ataupun perhimpunan melahirkan kutukan kita ke atas negara haram Israel ini ataupun mendesak Bangsa-bangsa Bersatu mengambil tindakan yang tegas ke atas negara haram Israel ini walau pun sejarah telah menggambarkan bahawasanya Israel tidak pernah mematuhi apa-apa juga ketetapan yang telah ditetapkan oleh PBB. Pada masa ini kita tahu Mesir sedang mengadakan rundingan dengan Israel berhubung dengan penahanan Koperal Gilad Shalit ini dengan pembebasan bersyarat yang diberikan oleh Hamas iaitu kepimpinan Palestin sekarang ini. Dengan syarat Israel mestilah membebaskan tahanan-tahanan wanita dan juga kanak-kanak yang dipenjarakan di penjara Israel tetapi ini tidak diterima oleh Israel.

Kesan yang diberikan kepada Palestin adalah serangan demi serangan ke atas kemudahan-kemudahan awam yang terletak di negara Palestin sehingga melibatkan mereka kehilangan punca tenaga, kehilangan air dan juga sumber minyak yang digunakan oleh rakyat Palestin.

Satu perkara lagi yang saya rasa perlu diberi perhatian oleh terutamanya Kementerian Luar berhubung dengan jawapan yang telah diberikan baru-baru ini oleh Setiausaha Parlimen di dalam Parlimen ini menyatakan bahawa PAS telah menghina Hamas dengan mengeluarkan Menteri Luar iaitu Dr Mahmood Zahar daripada perhimpunan yang diadakan baru-baru ini. Daripada kepimpinan PAS sendiri saya ingin melahirkan rasa kesesalan di atas tuduhan tersebut kerana kita bukannya mengeluarkan Menteri Luar tersebut daripada perhimpunan tersebut tetapi Menteri Luar itu sendiri yang telah menghubungi PAS dan menyatakan ia tidak berpuas hati terhadap layanan yang telah diberikan oleh Kerajaan Malaysia.

Kerajaan Malaysia telah membenarkan bekas Menteri Luar untuk berucap dan juga mengutuk dan menghina kepimpinan Palestin yang baru. Maknanya bukan PAS yang menjemput dia tetapi dia yang hendak menjadi tetamu PAS dan PAS telah membawa beliau sebagai tetamu kepada PAS. Jadi, saya harap pihak Kementerian Luar memberi perhatian di atas perkara ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat sudah lari tajuklah.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Ada hubung kait dengan Palestin dan juga Israel. Jadi, saya rasa itulah sedikit sebanyak yang saya hendak tambah kepada apa yang telah dibawa oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Terima kasih.

4.52 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangun menyokong usul tergepar yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian berkenaan dengan penahanan anggota kabinet Kerajaan Palestin dan krisis Israel-Palestin yang semakin meruncing. Pertempuran di antara Israel-Palestin yang telah berlarutan berpuluh-puluh tahun telah menjadi semakin meruncing pada hari-hari kebelakangan ini. Pada hari Isnin, Perdana Menteri Israel, *Ehud Olmert* menolak sebarang rundingan dengan pihak Palestin dan tentera Israel dan berkata tentera Israel akan terus menyerang Gaza secara *offensive*.

Pihak Palestin pula enggan mengumumkan apa-apa maklumat tentang keadaan terbaru askar Israel Gilad Shalit atas alasan keengganan Israel untuk melepaskan 1500 tahanan Palestin mengikut tarikh tamat yang ditetapkan oleh mereka. Sekarang Israel malah telah menangkap lebih 1/3 daripada anggota Kabinet Kerajaan Palestin. Pertempuran di antara Israel-Palestin secara berdarah dan ketegangan di antara mereka sekarang adalah amat merisaukan.

Beberapa negara Islam di Timur Tengah telah pun mencari jalan untuk cuba menyelesaikan konflik terbaru di antara kedua-dua negara ini dan banyak kerajaan di dunia telah pun membuat kenyataan berkenaan dengan isu ini. Tibalah masanya bagi Parlimen kita dan kerajaan kita untuk mengadakan satu pendirian berkenaan dengan krisis Israel dan Palestin yang

baru ini. Wakil Palestin di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Riyad Mansour telah pun memohon kepada Majlis Keselamatan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya menghentikan serangan Israel terhadap Palestin.

Selain itu wakil negara-negara Arab di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga telah mengadakan satu mesyuarat tertutup untuk membuat keputusan sama ada mereka perlu meminta Majlis Keselamatan di PBB untuk mengadakan apa-apa resolusi berkenaan dengan krisis terbaru ini tetapi malangnya tidak ada apa-apa keputusan di capai dalam mesyuarat mereka ini setakat sekarang.

Saya ingin menyeru supaya Kerajaan Malaysia menggunakan saluran diplomatiknya untuk mendesak Majlis Keselamatan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengeluarkan satu resolusi berkenaan dengan konflik di antara Israel dan Palestin seperti apa yang dikehendaki oleh wakil Palestin di PBB. Selain itu saya juga menyeru kerajaan mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pemimpin kuasa-kuasa dunia untuk campur tangan menyelesaikan masalah di antara Israel dan Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, tibalah masanya bagi kerajaan sebagai pengerusi NAM dan OIC untuk memainkan peranan yang lebih gigih dalam usaha pendamaian di antara Israel dan Palestin dengan tujuan supaya konflik di antara Israel dan Palestin ini tidak dibesarkan dan diburukkan lagi sehingga mengorbankan lebih nyawa yang tidak berdosa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya memberi masa yang diperlukan untuk pihak kementerian menjawab, saya cuba memberikan peluang kepada ketiga-tiga Yang Berhormat tetapi tidak melebihi 5 minit setiap ahli. Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Siapa Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Fasal dia dekat sini. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Oh, pasal dekat. Saya terimalah.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sepatutnya yang jauh terlebih dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu nantilah, nanti.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Belum sampai lagi.

4.56 ptg.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih. Batu Pahat ingin turut serta dalam membahas usul ini kerana ini merupakan satu usul yang melibatkan sejagat.

Bumi pasti tidak kering daripada limpahan darah akibat kekejaman rejim Israel yang disokong oleh sekutunya Amerika Syarikat. Lebih menyedihkan keganasan dan tindakan biadab

Israel yang dibantu oleh Amerika Syarikat ini semakin berleluasa sejak bumi Palestin diterajui oleh Hamas yang dipilih secara demokrasi oleh rakyat Palestin sendiri. Sikap bongkak Israel yang membunuh dan bermaharajalela di negara Palestin yang diiktiraf di seluruh dunia serta menafikan hak pihak Palestin melalui proses demokrasi adalah merupakan satu penghinaan dan pencabulan yang maha dahsyat dalam sejarah ketamadunan manusia di abad ini.

Ini jelas menunjukkan bahawa matlamat utama Israel ialah menghalau keluar masyarakat Palestin daripada bumi Palestin. Keangkuhan dan kejahatan Israel makin terserah pada peristiwa 29 Jun 2006 di mana secara biadabnya para tentera Israel telah mencerooboh Palestin dan telah menahan 20 anggota Parlimen Palestin dan lebih 30 anggota pergerakan HAMAS. Selain daripada pembunuhan yang berleluasa tanpa mengira usia dan jantina rejim keganasan Israel juga telah memusnahkan kediaman dan infrastruktur bagi kemudahan awam Palestin.

Alasan untuk menghalalkan keganasan pada kali ini seperti yang dihebahkan ke seluruh pelosok dunia adalah disebabkan oleh dua askar Israel yang terbunuh manakala seorang lagi diculik. Sebagaimana sedia maklum krisis yang melanda Israel sejak lebih setengah abad yang lalu telah menelan puluhan ribu nyawa rakyat yang tidak berdosa termasuk kanak-kanak dan tentera Palestin maka adakah nyawa tiga orang Israel jauh lebih mahal nyawa puluhan ribu rakyat Palestin sehingga menghalalkan pembunuhan demi pembunuhan termasuk kanak-kanak yang tidak berdosa serta kemusnahan harta di sebuah negara yang berdaulat dan sentiasa menjadi mangsa ketidakadilan Israel dan juga Amerika.

Juga dilaporkan pada tarikh yang sama angkatan tentera udara biadab Israel telah mencerooboh ruang udara Syria tindakan ini telah dianggap sebagai satu provokasi ke atas sebuah lagi negara Islam dan cuba mengheret negara tersebut sebagai sebuah lagi mangsa serangan angkatan tentera zalim yang tidak berperikemanusiaan yang diketuai oleh Amerika Syarikat yang mana sebelum ini telah melaksanakannya di bumi Afghanistan dan juga di bumi Iraq.

Amalan kejam dan di luar tabii kemanusiaan manusia sejagat ini perlu dihentikan dan dicegah. Satu tindakan perlu diambil walaupun umum telah mengetahui bahawa ia telah berkali-kali disuarakan, didebatkan dan kemudian disanggah oleh Amerika melalui kuasa veto. Perjuangan penentangan terhadap keganasan Israel dan ketidakadilan Amerika di dalam menyebelahi sekutunya perlu diteruskan tanpa mengenal erti putus asa.

Adalah amat dibimbangkan sekiranya tanpa bantahan yang berterusan, amalan kejam seumpama ini akan menjadikan satu perkara yang biasa, yang akan menjadi seolah-olah seperti satu tradisi peperangan yang tidak boleh dielakkan atau dengan izin, sebagai *reference history* ataupun rujukan sejarah yang akan diguna pakai oleh generasi yang akan datang, yang akan membolehkan negara-negara tertentu menjadi tindakan ganas Israel sebagai satu model untuk menakluki negara-negara lemah yang lain.

Sehubungan dengan itu saya memohon mencadangkan agar Parlimen dan negara Malaysia mengutuk dan mendesak Israel menghentikan keganasan atau rancangan penjajahan di bumi Palestin serta meminta OIC atau pertubuhan negara-negara Islam mengadakan mesyuarat tergepang atau maksud yang sama. Selain itu, saya juga ingin mencadangkan supaya Malaysia dapat mempelopori bagi mewujudkan pertubuhan negara-negara aman dan makmur yang bertujuan mewujudkan keamanan dan kemakmuran bagi negara-negara yang menganggotai berlandaskan sistem dan peraturan yang akan ditetapkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dari Batu Pahat saya pergi ke Sri Gading sebelum sampai ke Ayer Hitam. Sri Gading, sila.

5.00 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai kerajaan yang menjadi pengerusi OIC, pengerusi NAM, saya amat bangga dengan kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional. Minggu yang lalu, kekejaman Israel ini telah pun mereka kutuk, pemimpin kita telah pun mengutuk daripada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minggu yang lalu.

Hari ini di Parlimen ini sudah tentu kita menguatkan hujah kutukan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kepada kekejaman, kebinatangan Israel. Saya pelik dan hairan Tuan Yang di-Pertua, kononnya Amerika juara, demokrasi, kononnya mereka memusuhi penganas tetapi jelas, Bush Amerika dan sekutu-sekutunya menyokong tindakan kejam dan kebinatangan yang mutakhir ini oleh Israel membunuh rakyat Palestin yang tidak berdosa, kanak-kanak, orang perempuan, orang-orang tua.

Tuan Yang di-Pertua, daripada tahun 2002 sehingga semalam, sehingga semalam, kononnya Amerika jadi juara demokrasi hendak menentang penganas tetapi mendiamkan diri malahan menyokong penganas, kebinatangan Israel di mana lebih 9, 000 rakyat Palestin ditahan. Lebih 250 sekolah dimusnahkan, lebih 37,000 rumah kediaman dimusnahkan. Yang terbaru, Kerajaan Hamas yang dipilih secara demokrasi oleh rakyat Palestin telah dipulaukan oleh Amerika yang konon juara demokrasi. Kalau saya ada kuasa Tuan Yang di-Pertua, Bush ini patut dihadapkan ke mahkamah keadilan antarabangsa kerana kekejaman dan sebenarnya penganas nombor satu di dunia ialah Bush.

Jadi kita mengutuk dengan sekeras-kerasnya kekejaman Israel yang disokong oleh Amerika dan dengan itu kita kutuk orang-orang yang bersubahat dalam kekejaman, kebinatangan yang dilakukan oleh Israel dan sekutu-sekutunya.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ayer Hitam, selepas Ayer Hitam pihak kerajaan jawab.

5.03 ptg

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan rakan-rakan tadi yang telah mengeluarkan hujah-hujah bernas. Sebagai seorang bukan Islam, saya dengan rasa yang pilu juga, saya ingin menyatakan pandangan saya tentang perkara ini.

Ini adalah satu masalah sejagat dan kita mengutuk penindasan yang dilakukan... [Tepuk] Oleh rejim Zionis Israel ke atas rakyat Palestin yang..., saya sempat melihat paparan di CNN baru-baru ini, saya merasa sedih mereka telah mengadakan serangan udara yang akan membawa mudarat kepada masyarakat. Anak-anak di sana, kaum ibu dan mereka inilah yang akan menjadi mangsa, mereka ini tidak berdosa. Saya menganggap ini sebagai satu kezaliman, perkara yang amat zalim dan ianya merupakan satu perbuatan keji dan perlu kita kutuk.

Walaupun sebagai seorang bukan Islam, saya melihat perkara ini berdasarkan kepada prinsip berperikemanusiaan....[Tepuk] Kita kena mengambil tindakan yang keras dan saya juga tidak merestui apa juga yang telah digunakan sebagai tipu helah oleh pihak Israel yang mengatakan mereka kononnya ada kehilangan askar dan maka dengan itu mereka mempunyai asas untuk menyerang dan menzalimi rakyat Palestin. Saya rasa ini bukan satu hujah malah ini sebagai satu helah sahaja untuk melakukan perkara-perkara yang tidak diestui oleh kita dan ia perlu dikutuk secara keras.

Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap ini bukan satu medan percaturan politik dunia. Pihak antarabangsa khususnya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sepatutnya mengambil tindakan yang keras. Saya tidak nampak kenapa kita tidak boleh mengutuk, mengkritik Israel kerana telah melakukan kezaliman terhadap rakyat yang tidak berdosa dan saya rasa kita kena, sebagai negara yang menerajui OIC sekarang, kita patut menggembleng tenaga negara-negara jiran baik negara jiran dalam ASEAN ataupun OIC, kita sama-sama mempengaruhi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya kita dapat meluluskan satu resolusi iaitu kita mengecam, mengkritik rejim Israel ini kerana melakukan kezaliman yang amat sangat.

Dengan itu saya sekali lagi menyatakan bahawa ini adalah satu perkara yang tidak diestui dan perlulah dikutuk sekeras-kerasnya. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

5.06 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang telah membawa usul menangguhkan mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) khusus dalam membincangkan isu yang terakhir

mengenai keadaan rakyat Palestin yang sekarang ini berhadapan dengan situasi yang begitu meruncing akibat tindakan ganas oleh penjenayah utama dunia iaitu rejim Zionis Israel.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan hari ini yang semuanya menunjukkan bahawa terdapatnya kesepakatan di kalangan seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini mengutuk tindakan yang dilakukan oleh rejim Zionis Israel.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tegaskan di sini Kerajaan Malaysia sebenarnya telah pun mengambil beberapa tindakan dalam menangani perkara tersebut. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri, sudah pun awal-awal lagi iaitu pada tanggal 2 Julai yang lepas telah menyatakan pendirian Malaysia, mengutuk tindakan rejim Zionis Israel. Diikuti dengan kenyataan yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Luar Negeri kita yang pada ketika itu sudah pun berada di Jordan antara 30 hari bulan Jun hingga 2 Julai yang lepas iaitu hanya beberapa hari yang lepas beliau telah berada di salah satu daripada kawasan yang dianggap sebagai barisan hadapan bagi perjuangan umat Islam dan rakyat Palestin keseluruhannya, ketika beliau berusaha untuk berjumpa dengan pemimpin pihak berkuasa Palestin iaitu Datuk Bandar Jenin bagi menyampaikan sumbangan Malaysia untuk membina dua buah sekolah di sana dan di sana beliau telah beberapa kali menyatakan pendirian Malaysia dan juga selaku pengerusi negara-negara anggota OIC yang turut mengutuk tindakan ganas tersebut.

Ingin dijelaskan juga di sini bahawa apa yang telah berlaku di sana turut menarik perhatian dunia. Terdapat banyak negara Islam yang lain termasuk negara-negara Arab juga telah memainkan peranan yang bersungguh-sungguh supaya apa yang telah berlaku di sana itu dapat diselesaikan dengan cara yang terbaik melalui saluran diplomatik dan kalau boleh biarlah dengan cara yang tidak melibatkan kematian sebagaimana yang berlaku sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perlu dijelaskan di sini bahawa Malaysia sebagai pengerusi negara-negara OIC telah pun meminta Sekretariat OIC untuk membuat beberapa tindakan dan langkah-langkah yang tertentu.

Pertamanya, untuk mengadakan perjumpaan ataupun pertemuan serta-merta di kalangan anggota Eksekutif OIC, ataupun TROIKA. Yang melibatkan TROIKA ataupun tiga negara bagi sidang kemuncak iaitu Malaysia, Senegal dan Qatar dan juga tiga lagi negara yang menjadi negara yang melibatkan persidangan menteri-menteri luar OIC iaitu seperti Azerbaijan dan beberapa negara yang terlibat dalam sidang tersebut. Keenam-enamnya sepatutnya berjumpa dalam masa yang terdekat.

Walau bagaimanapun, oleh sebab perjumpaan yang telah diadakan di kalangan menteri-menteri luar OIC baru diadakan pada 19 dan 20 Jun yang lepas, untuk memanggil dalam masa yang terdekat mungkin mengambil sedikit masalah. Tetapi, sekarang ini telah pun diarahkan

supaya kesemua wakil-wakil tetap kita di Bangsa-Bangsa Bersatu, untuk mengadakan pertemuan yang segera supaya dapat menyampaikan pendirian OIC dan mendesak kalau boleh mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengambil tindakan yang segera termasuklah untuk mengadakan sidang tergepang Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu khusus bagi membincangkan perkara ini.

Perlu dijelaskan juga bahawa OIC turut meminta negara-negara lain yang terlibat seperti negara-negara *quarated*, negara-negara yang terlibat dalam proses untuk memastikan *road map* ataupun jalan mencari keamanan di dalam krisis Palestin-Israel tersebut untuk bersidang segera dan termasuk juga meminta negara G8 untuk mengambil tindakan-tindakan yang segera untuk menyelesaikan perkara ini melalui saluran diplomatik dan dapat menyelesaikan perkara ini dengan cara yang terbaik. Kita juga, OIC juga turut meminta supaya pihak yang bertelagah di dalam negara Palestin itu sendiri untuk berbaik dan untuk merapatkan jurang perbezaan di kalangan mereka bagi sama-sama berhadapan dengan isu yang lebih besar dan musuh yang lebih besar yang terpaksa kita hadapi bersama.

Tuan Yang di-Pertua, di sini sekali lagi ingin kita menegaskan bahawa kita mengutuk tindakan ganas regim Israel ini ialah kerana apa yang telah dilakukannya sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian tadi, ia bertentangan dengan apa yang dikatakan bertentangan dengan Konvensyen Geneva yang keempat yang menyebut tentang apakah yang perlu dilakukan oleh negara-negara yang menjadi negara-negara penakluk yang sepatutnya melindungi rakyat yang berada di bawah tempat yang diduduki mereka. Tetapi apa yang berlaku, di dalam keadaan di Palestin sekarang, terdapat serangan-serangan yang jelas dikenakan terhadap tempat-tempat awam termasuk jana kuasa elektriknya yang sudah tentu memberi kesan kepada kehidupan orang awam di sana termasuk hospital, termasuk sekolah dan termasuk kemudahan-kemudahan yang lain. Universiti Islam juga turut menjadi sasaran kepada serangan regim Israel ini dan ini semua adalah bertentangan dengan Konvensyen Geneva yang disebutkan tadi.

Ia juga bertentangan dengan prinsip apa yang disebutkan prinsip *proportionality* ataupun prinsip bahawa di dalam satu tindak balas ia mestilah berpadanan. Tidak wajar, kerana untuk melindungi seorang tentera yang dikatakan ditahan oleh pihak yang tertentu, maka serangan yang dikenakan ataupun hukuman yang dikenakan adalah dalam bentuk yang keterlaluan. Ia juga bertentangan dengan konsep *collective punishment* yang dikenakan kepada umat Islam ataupun orang ramai di negara, di kawasan Palestin yang diduduki oleh mereka.

Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, perlu saya jelaskan di sini bahawa, terdapat lagi banyak tindakan-tindakan yang telah kita adakan supaya Malaysia sebagai negara menjadi Pengerusi kepada negara OIC dan bersama dengan rakan-rakan yang lain terus daripada masa ke semasa menyatakan pendirian kita yang berterusan untuk menyokong perjuangan umat Islam di Palestin dan perjuangan keseluruhan rakyat di Palestin tersebut. Misalnya, pada baru-baru ini,

pada akhir bulan yang lepas, di dalam sidang yang pertama, apa yang disebutkan '*Human Rights Council*' ataupun Majlis Hak Asasi Manusia, yang berlangsung di Geneva. Kita sendiri walaupun terdapat pendirian yang diedarkan daripada kuasa besar supaya tidak menjadikan majlis ini sebagai tempat untuk membicarakan isu-isu seperti isu Palestin, isu Timur Tengah dan sebagainya, tetapi Malaysia sendiri tidak menghiraukan pandangan, pendirian dan desakan pihak yang tertentu untuk tidak menyuarakan perkara ini.

Malaysia dalam kenyataan yang telah kita keluarkan dan telah kita nyatakan di sana, bahawa dalam hakikat yang sebenar dalam perjuangan dunia sejagat dalam mempertahankan hak asasi manusia, mestilah dikaitkan juga dengan penyelesaian dunia sejagat terhadap isu umat di Palestin itu sendiri. Selagi isu Palestin tidak diselesaikan, ini bermakna isu hak asasi manusia sedunia juga tidak diselesaikan. Sebab itulah, melalui OIC di dalam perjumpaan-perjumpaan yang seterusnya, di dalam Majlis Hak Asasi Manusia tersebut, kita telah berjaya untuk memasukkan apa yang disebutkan agenda dengan izin, '*Human Rights Situation In Palestinian Occupied Territories*' iaitu situasi hak asasi manusia di wilayah yang diduduki Palestin mestilah menjadi agenda utama dalam setiap perjumpaan dan persidangan Majlis Hak Asasi Manusia. Kita bersyukur bahawa apa yang dibawa oleh pihak OIC untuk menjadikan ini adalah agenda tetap telah berjaya dan telah diterima. Kesemua ini menunjukkan bahawa kita tidak pernah diam dan kita tidak pernah membisu dalam soal perjuangan mereka yang tertindas di Palestin di sana.

Jadi sebab itulah, kita amat kesal sekiranya kalau ada pihak yang mengatakan bahawa Malaysia tidak berbuat sesuatu yang mencukupi bagi menyatakan sokongan mereka, termasuklah yang disuarakan oleh Yang Berhormat daripada Pendang sebentar tadi, tentang mengatakan bahawa kita melakukan layanan yang buruk kepada Menteri Luar, Mahmoud Zahar yang mengatakan bahawa dia keluar dan mengkritik dan mengutuk kerajaan Malaysia. Sebab itulah saya katakan bahawa kemungkinan Yang Berhormat dari Pendang, saya agak kecewa kerana pada waktu yang diberikan ini, dia mengambil kesempatan untuk mempolitikkan sesi yang begitu bermakna bagi kita sama-sama menunjukkan kesetiakawanan kita dalam menyatakan pendirian kita dalam isu ini. Sebenarnya, ingin saya jelaskan, oleh sebab perkara ini ditimbulkan sekali lagi..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, penjelasan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada sebut mengenai pendirian negara kita mengenai *Human Rights Council* dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, baru-baru ada pergi mewakili Malaysia. Tetapi bolehkah Yang Berhormat menerangkan kenapa Malaysia menghantar satu rombongan yang diketuai oleh pegawai yang terendah sekali, apabila dibanding dengan delegasi-delegasi yang lain yang ada diketuai oleh menteri-menteri luar mereka ataupun Naib Timbalan Perdana Menteri ataupun Naib Presiden? Tetapi Malaysia, bukan saya kata bahawa Yang Berhormat tidak cerdik dan pandai, tetapi kenapa diwakili dengan seorang yang terendah sekali, Setiausaha Parlimen?

Bukankah ini kurang memberi satu gambaran bahawa kita memberi *painting* kepada *Human Rights Council* tak termasuk pandangan-pandangan kita mengenai *Human Rights Council*?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu kita lihat tentang apa yang kita ucapkan? Apa pendirian kita, bukan semata-mata siapa yang berucap dalam soal ini? Perlu dijelaskan bahawa menteri luar kita pada waktu itu berada di Azerbaijan, di Baku untuk menghadiri sidang Menteri Luar OIC, di mana kita sendiri menjadi Pengerusi OIC. Adalah tidak manis sebagai Pengerusi OIC meninggalkan satu sidang yang melibatkan OIC dan pada waktu itu diminta saya untuk mewakili kerajaan Malaysia, tetapi sepatutnya Yang Berhormat Ipoh Timur membincangkan apa yang kita ucapkan di situ? Pandangan kita,

Sejauh manakah pandangan kita itu diterima, bukan sahaja oleh masyarakat antarabangsa termasuk mereka yang selama ini sedang menangis supaya isu-isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia mereka itu dibela dan dibicarakan. Dan antara perkara yang apabila kita sebut tentang isu-isu begini, saya sendiri telah mendapat ucapan tahniah daripada banyak negara-negara dalam dunia kerana keberanian Malaysia dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Pendang sebentar tadi. Yang Berhormat daripada Pendang cuba menegakkan benang yang basah. Beliau mengatakan Malaysia membuat layanan yang buruk. Perlu saya jelaskan di sini bahawa mungkin Yang Berhormat daripada Pendang kurang memahami tentang konsep apa yang disebutkan pihak berkuasa ataupun siapakah Menteri Luar dan sebagainya.

Sudah menjadi amalan sebelum ini, misalnya kalau Yang Berhormat bagi Pendang mengatakan bahawa Farouk Khaddoumi adalah bekas Menteri Luar. Ia adalah konsep yang berbeza. Sebenarnya bekas Menteri Luar bagi pihak berkuasa Palestin ialah orang lain bernama Nasir Al-Qidwa. Beliaulah yang menjadi Menteri Luar sewaktu Fatah menguasai pihak berkuasa Palestin tersebut. Tetapi perlu dijelaskan di sini, menurut konsep negara Palestin belum wujud lagi negara Palestin. Apa yang ada hanyalah pihak berkuasa Palestin bagi mengendalikan kawasan yang dikaitkan dengan Tebing Barat dan Semenanjung Gaza.

Sebelum ini dalam peraturan dalam kefahaman sebelum ini bahawa hal-hal yang berkaitan dengan urusan di luar yang terpaksa menghadiri sidang-sidang luar maka mereka itu ialah terdiri pada Menteri Luar PLO. Ada sedikit perbezaan tersebut. Wakil tetap Palestin di Bangsa-bangsa Bersatu adalah wakil PLO. Yang menjadi duta-duta Palestin di seluruh dunia kebanyakan semuanya wakil-wakil daripada PLO. Sudah menjadi kesefahaman sebelum itu bahawa Farouk Khaddoumi oleh sebab dia berada di luar daripada Palestin dan mungkin tidak terhalang oleh sekatan demi sekatan yang dikenakan oleh pihak Israel untuk menyekat orang di dalamnya untuk keluar dengan begitu mudah dan untuk menghadiri sidang-sidang di luar, maka Farouk Khaddoumi biasanya pada kefahaman yang lepas, beliaulah yang pergi untuk menyatakan pendirian Palestin dalam isu-isu antarabangsa,

Tetapi setelah Hamas menang dan menerajui kerajaan, perkara ini belum diselesaikan. Pihak Presiden Palestin sendiri menyatakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam perjumpaan mereka di Sharm al-Sheikh di Mesir baru-baru ini mengatakan dia mahu Farouk Khaddoumi turut dijemput dan Mahmoud Zahar selaku Menteri Luar bagi pihak berkuasa Palestin turut menyatakan beliau ingin hadir berdasarkan surat jemputan kita kepada Menteri Luar yang lama iaitu Nasir Al-Qidwa.

Kita menyatakan apa salahnya kedua-duanya hadir datang ke sini. Apa salahnya kedua-duanya berpakat untuk menyatakan pendirian mereka. Apa salahnya kedua-dua menyatakan tentang penderitaan mereka dan meminta negara lain mendengar tentang apa yang mereka kehendaki. Kita percaya bahawa sepatutnya kedua-duanya tidak datang sini untuk membesarkan pertelingkahan mereka.

Sebab itulah apabila pihak daripada Hamas mengatakan mereka tidak boleh duduk sebelah dengan pihak Palestin, kita menganggap itu masalah mereka. Tetapi dalam masa yang sama, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan penuh rendah diri menyatakan bahawa beliau ingin berjumpa dan berjumpa dengan pihak Hamas iaitu Menteri Luarnya Mahmoud Zahar tadi.

Dalam perjumpaan tersebut, dalam satu perjumpaan yang begitu mesra sekali dan dalam kesempatan itu juga saya difahamkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menyatakan pada dia, tengoklah Malaysia ini, bagaimana orang Melayu, orang Cina, orang India boleh duduk bersatu dan dengan kesatuan itu kita dihormati oleh dunia antarabangsa. Tetapi kalau kamu berpecah katanya, terutama sekali kamu di kalangan orang yang kecil, yang mempunyai bahasa yang sama, sebahagian besarnya agama yang sama masih berpecah, maka kalau orang ingin membantu, dia boleh pilih-pilih siapa yang hendak dibantu.

Sukar orang ingin memberi bantuan. Sukar orang ingin menyatakan pendirian mereka untuk membantu siapa. Salahkah sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan pendirian kita kepada mereka dan mengajak mereka bersatu. Tetapi malangnya pihak PAS oleh kerana saya izinkan di sini telah mengambil kesempatan mengeluarkan beliau, mengadakan pertemuan yang lain dan memaparkan di dalam akhbar-akhbar milik mereka yang mengatakan mereka keluar, marah dan benci pada kerajaan Malaysia, sebenarnya seolah-olah PAS telah menunjukkan bahawa seorang pemimpin Islam begitu biadab kepada pemimpin yang lain.

Saya percaya bahawa seorang pemimpin Islam yang mewakili Hamas misalnya yang bercakap tentang Islam tidak mungkin bertindak biadab kepada tuan rumah di mana dia menjadi tetamu yang melayaninya dengan begitu baik sekali. Hanya PAS sahaja yang menggambarkan bahawa Hamas itu biadab. Itu pendirian saya dalam soal ini.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Sebab itulah saya percaya. Silakan.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa forum ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Maknanya PAS ini bawa fitnahlah?

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa forum ini tidak sesuai untuk kita *dispute* benda ini sebab pokoknya Israel. Cuma saya rasa begini, berlaku salah faham. Saya rasa yang menjadi isunya adalah apabila bekas Menteri Luar Palestin itu berucap dalam majlis itu, dia mengambil kesempatan untuk mengecam pimpinan Hamas. Dia sama-sama dialah dan yang Menteri Luar Hamas ini tidak senang dan kemudian keluar daripada majlis tersebut dan datang berjumpa dengan kami.

Dan kami saya rasa tidak mengeluarkan satu kenyataan pun yang mengatakan kita biadab ataupun kurang ajar ataupun mengatakan benda yang tidak baik kepada negara Malaysia. Tidak ada saya rasa itu. Itu cuma saya rasa yang diperkatakan oleh Menteri Luar Hamas ialah dia tidak senang dengan tindakan rakannya yang mengecam pimpinan Hamas, Kabinet Hamas dalam majlis tersebut. So, itu yang disampaikan kepada kami. Itu sahaja sebagai penjelasan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya hanya bercakap apabila Yang Berhormat bagi Pendang mengeluarkan perkara ini dalam forum yang tidak sepatutnya dikeluarkan. Ini bukan forum tetapi beliau yang dikeluarkan. Tetapi yang keduanya perlu saya jelaskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Satu minit. Perlu saya jelaskan di sini bahawa wakil daripada Hamas, Menteri Luar Hamas tidak pernah hadir bersama. Tidak timbul soal apabila mendengar rakannya daripada Palestin yang lain mengecam maka dia keluar. Dia tidak hadir pada awal lagi dalam soal ini. Yang ketiganya, saya terkejut sebagai pemimpin PAS, saudara tidak membaca akhbar Harakah. Akhbar Harakah lah yang menceritakan termasuk kenyataan Presiden PAS sendiri yang mengkritik kerajaan Malaysia yang mengatakan, "kami kerajaan Malaysia telah memberi layanan buruk", itu perkataannya kepada pihak Palestin di sini.

Saya rasa perkara ini perlu dibetulkan dan saya percaya bahawa saudara Yang Berhormat daripada Kubang Kerian sebagai pemimpin PAS membetulkan keadaan ini dan membaca kembali Harakah yang dikeluarkan oleh PAS sendiri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menepuk meja].*

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ingin saya tegaskan di sini, Malaysia sentiasa dan akan terus memberi sokongan di atas perjuangan rakyat Palestin. Konflik Israel-Palestin ini perlu ditangani dengan seberapa segera dan tidak boleh dibiarkan berpanjangan kerana ia boleh mendatangkan implikasi kepada keselamatan global. Usaha-usaha yang benar-benar berkesan hendaklah diambil untuk mewujudkan situasi yang

bersesuaian ke arah mewujudkan dua negara sebagaimana yang dicadangkan di dalam resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Kita percaya pelan damai hendaklah digerakkan dan menjadi asas kepada pencapaian keamanan di Palestin dan Asia Barat secara keseluruhannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat saya tutup perbincangan ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

USUL

MENANGGUHKAN MESUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang”.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) DAN SURUHANJAYA BEBAS ADUAN DAN SALAH LAKU POLIS (IPCMC)

5.33 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ucapan Penangguhan di bawah Peraturan Mesyuarat 17 – Polis Diraja Malaysia menuduh Suruhanjaya Khas Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis mencadangkan perkara yang menggugat keselamatan negara dan ketenteraman awam bertentangan dengan undang-undang serta bercanggah dengan Perlembagaan.

Tuduhan itu saya rasakan amat berat. Edisi khas berita Bukit Aman yang kemudiannya ditarik balik di dalam *web* rasmi Polis Diraja Malaysia bukan sahaja menajamkan lagi penentangan pihak polis terhadap IPCMC, malah ia mendakwa antara lain IPCMC menggugat keselamatan dan ketenteraman awam, bertentangan dengan undang-undang, bercanggah dengan Perlembagaan, mencabul keadilan semula jadi, boleh mengakibatkan anarki bersifat diskriminasi menafikan keadilan dan mengkompromikan perintah Ketua Polis Negara.

Tuan Yang di-Pertua, suruhanjaya itu dianggotai oleh bekas Ketua Hakim Negara, (Tun Mohamed Dzaidin Abdullah) sebagai Pengerusi, bekas Ketua Polis Negara (Tun Mohamed Haniff Omar) sebagai Naib Pengerusi dan turut dianggotai oleh seorang lagi bekas Ketua Hakim Negara (Tun Salleh Abbas).

Persoalan yang saya ingin timbulkan benarkah dan lojikkah mereka mencadangkan perkara yang menggugat keselamatan dan ketenteraman awam, bertentangan dengan undang-undang dan bercanggah dengan Perlembagaan? Mengambil kira suruhanjaya ini mencadangkan IPCMC itu dicadangkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29 Disember 2004, pasukan polis memberi gambaran yang sangat jelas bahawa ia menuduh Perdana Menteri mencadangkan dan menubuhkan sebuah badan yang kemudiannya mencadangkan perkara yang menggugat keselamatan dan ketenteraman awam, bertentangan dengan undang-undang dan bercanggah dengan Perlembagaan.

Tuduhan polis itu bukan sahaja memberi gambaran bahawa mereka tidak menghormati Perdana Menteri yang hakikatnya ketua mereka sendiri, malah mereka memberikan gambaran bahawa kerajaan negara ini diterajui oleh Perdana Menteri yang terlibat dengan cadangan untuk menggugat keselamatan dan ketenteraman awam. Walaupun buletin itu terkandung ancaman mereka akan menjadi penyokong pembangkang dalam pilihan raya yang akan datang jika IPCMC ditubuhkan, tetapi tidak ada siapa pun yang boleh berdiam diri dengan sikap besar kepala pihak polis dan jika dibiarkan dia akan mewujudkan suasana yang tidak terkawal lagi.

Mengambil kira kemungkinan terjadinya perkara yang amat mengecewakan ini, saya sekali lagi berdiri di atas Parlimen ini untuk memberikan dan mempertegaskan tentang sokongan kepada penubuhan IPCMC. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.35 ptg.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, Ucapan Penangguhan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sebenarnya adalah lebih kurang sama dalam kandungan dan tajuk Ucapan Penangguhan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor pada 26 hari bulan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pada 26 Jun 2006, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi penjelasan mengenai cadangan untuk menubuhkan satu badan penyemakan bebas (IPCMC) di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa cadangan penubuhan badan penyemakan tersebut kini berada di dalam peringkat akhir kajian oleh Jabatan Peguam Negara. Pada dasarnya kerajaan bersetuju untuk menubuhkan satu badan penyemakan bebas (IPCMC) ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersikap terbuka kepada pandangan-pandangan dari semua pihak termasuk PDRM, badan-badan bukan kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri.

Cadangan yang diutarakan di dalam laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia adalah merupakan suatu perkara baru di dalam pengurusan pentadbiran negara. Ia memerlukan satu kajian yang terperinci oleh Peguam Negara, kerana ia akan melibatkan implikasi perundangan serta tugas-tugas yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan yang sedia ada.

PDRM sendiri telah mengemukakan pandangan mereka terhadap cadangan penubuhan IPCMC ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sedia maklum akan pandangan-pandangan tersebut dan yakin kesemua pandangan ini akan diambil kira oleh Peguam Negara. Berbangkit mengenai reaksi dan sentimen tiga persatuan polis jika cadangan penubuhan satu badan penyemakan bebas (IPCMC) dilaksanakan oleh kerajaan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri memang memandang serius akan kenyataan tersebut.

Walau bagaimanapun, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yakin bahawa PDRM tidak berhasrat untuk bertindak di luar batasan undang-undang sebagai sebuah pasukan yang telah berkhidmat dengan penuh cemerlang bagi menjaga keselamatan dan keamanan negara, PDRM tidak akan meletakkan dirinya dalam keadaan di mana ketaatan dan kesetiaan boleh dipersoalkan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku ketua kerajaan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang bertanggungjawab kepada PDRM berpuas hati dengan penjelasan Ketua Polis Negara dan wakil ketiga-tiga persatuan. Yang Amat Berhormat juga berpuas hati dengan kesetiaan dan ikrar taat setia PDRM yang telah dibuat kepada beliau dalam suatu perjumpaan khas yang telah diadakan di Putrajaya.

Ketua Polis Negara dan warga PDRM keseluruhannya telah berikrar akan patuh kepada apa juga keputusan yang akan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan isu IPCMC. Sekian, terima kasih.

PROJEK PERUMAHAN DI TAMAN KINGDOM DAN TAMAN EDEN, PUSING

7.37 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pembeli-pembeli bagi Projek Perumahan Taman Eden dan Taman Kingdom Park, Pusing, Perak kini di dalam kesulitan dan kekecewaan terhadap pihak berkuasa dan juga pemajunya. Mereka telah diserahkan kunci dan perakuan kelayakan menduduki.

Dari kes pembeli rumah Taman Kingdom Park, sebuah projek di bawah pemaju Comfort Lands Care Sendirian Berhad, mereka mendapati rumah yang diserahkan kepada mereka retak dan tidak boleh pindah masuk. Mereka mendapati *foundation*, dengan izin sokongan di bawah tanah bagi bangunan tersebut tidak dibuat dengan baik. Rumah mereka mencerun ke bawah dan pembeli mendapati ia adalah tidak selamat untuk tinggal kerana ia sedang tenggelam.

Mereka menyampaikan aduan kepada pemaju tetapi tidak diambil peduli oleh pemaju. Pihak saya telah mengambil langkah menyampaikan aduan dengan terus kepada pihak kementerian iaitu Bahagian Penguatkuasaan agar tindakan segera dapat diambil, iaitu menyiasat aduan mereka serta menyenaraihitamkan pemaju yang tidak bertanggungjawab tersebut. Kalau saya tidak silap, pemaju ini baru *launched* satu projek perumahan yang baru.

Kesalnya surat aduan yang disampaikan dijawab dengan meminta pihak Majlis Daerah Kinta Barat (MDKB) pula menyiasat aduan tersebut. Jika pihak MDKB adalah efektif, proaktif, aduan tidak akan disampaikan terus kepada pihak kementerian. Sebelum ini bagi Projek Perumahan Taman Eden, Pusing bersebelahan dengan Taman Kingdom Park, biar saya menyampaikan aduan bersama-sama dengan pembeli kepada MDKB tetapi tidak membantu langsung.

Bagi projek ini, pembelinya mendapati bahawa perumahan dan rumahnya lebih kurang 90% siap dibina seperti dibanjiri air hujan walaupun hujan tidak lebat. Aduan disampaikan kepada MDKB dan meminta agar pemeriksaan dijalankan di tapak tersebut serta menangguhkan kelulusan permohonan perakuan kelayakan menduduki yang dipohon oleh pemaju.

Kesalnya jawapan yang diterima adalah bahawa ia bukan bidang kuasa MDKB, tetapi ia hanya terhad kepada memastikan syarat-syarat yang dikehendaki telah dipenuhi iaitu longkang, jalan dan lain-lain lagi.

Pembeli adalah sedia maklum bahawa mereka mempunyai pilihan untuk membawa pemaju ke mahkamah, tetapi proses akan mengambil masa dan kos yang tinggi. Kemungkinan semasa keputusan mahkamah, syarikat pemaju telah gulung tikar dan ia akan ditinggalkan satu *paper judgment*, dengan izin.

Apakah tindakan yang akan diambil terhadap kedua-dua aduan ini oleh pihak kementerian bagi memastikan hak pembeli tapak dilindungi. Kos sebuah rumah ini adalah lebih kurang RM100,000. Apa pula tindakan yang akan diambil terhadap pemaju terlibat ini. Jangan tolak dari kementerian, tolak balik kepada MTKB. Apakah pihak kementerian akan mencadangkan pindaan kepada Akta Bangunan, Parit dan Jalan 1974 kalau tidak silap selepas keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes Kondominium Highland Towers yang merumuskan bahawa pihak berkuasa tempatan tidak bertanggungjawab atau dilepaskan daripada liabiliti tragedi itu ekoran daripada *immunity* di bawah akta tersebut. Jika pindaan itu akan dibuat, bila? Jika tidak, mengapa? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pihak kementerian, sila.

5.41 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah menerima surat aduan Yang Berhormat bagi Batu Gajah yang bertarikh 28 April tahun ini berkenaan kerosakan rumah projek

Kingdom Park di Pusing, Perak di bawah pemaju Comfort Lands Care Sdn. Bhd. Sijil kelayakan menduduki bangunan untuk projek tersebut telah diluluskan oleh Majlis Daerah Kinta Barat pada 18 Ogos 2005.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan Klausa 258, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, kementerian ini telah memajukan aduan tersebut kepada majlis daerah tersebut. Majlis Daerah Kinta Barat mempunyai kuasa di bawah akta di atas untuk mengarahkan orang berkelayakan untuk membuat siasatan terperinci dan laporan terhadap perkara yang berbangkit oleh pembeli-pembeli di Taman Kingdom Park, Pusing, Perak.

Melalui surat MDKB bertarikh 25 Mei 2006, majlis telah mengarahkan pemaju untuk menyediakan laporan siasatan terperinci terhadap aduan tersebut. Pemaju melalui surat bertarikh 15 Jun 2006 telah memaklumkan kepada Majlis Daerah Kinta Barat bahawa pihaknya bersedia untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan ke atas semua rumah-rumah yang mengalami kerosakan dan keretakan serius. Jurutera perunding pemaju, Jurutera Perunding LTC Sdn. Bhd. memaklumkan bahawa masalah yang dibangkitkan adalah tidak serius dan telah mencadangkan untuk menyelesaikan masalah mendapan tanah tersebut dengan penanaman cerucuk bakau di rumah-rumah yang terlibat.

Jumlah rumah yang dibangunkan adalah sebanyak 101 unit dan sebanyak 66 unit telah dijual dan mempunyai sijil kelayakan menduduki bangunan. Sehingga hari ini pihak pemaju telah menjalankan kerja-kerja pembaikan dengan penanaman cerucuk bakau ke atas 25 buah rumah kediaman dan sebanyak 41 buah rumah kediaman mempunyai struktur bangunan yang stabil. Pihak pemaju juga sedang mengkaji semula semua rumah-rumah lain yang belum dibangunkan supaya masalah ini tidak berulang lagi.

Tentang Taman Medan, Pusing, Perak, masalah-masalah yang dibangkitkan oleh pembeli-pembeli rumah adalah berkaitan dengan keretakan pada struktur bangunan, pemendapan tanah dan juga sistem saliran di kawasan Taman Medan, Pusing. Memandangkan sijil kelayakan menduduki bangunan telah dikeluarkan pada 15 Disember 2004, selaras dengan Fasal 258 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, kementerian telah memanjangkan aduan tersebut kepada Majlis Daerah Kinta Barat untuk tindakan selanjutnya.

Melalui surat bertarikh 7 Jun tahun in, Majlis Daerah Kinta Barat memaklumkan kepada pihak kita bahawa pemaju telah gagal memberi sebarang maklum balas terhadap masalah yang dibangkitkan dan sedang mengkaji tindakan perundangan. Kementerian ini akan membuat pemantauan ke atas projek-projek ini bersama-sama dengan pihak MDKP bagi menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh pembeli-pembeli. Jika pemaju-pemaju gagal untuk mengambil tindakan-tindakan seperti yang diminta oleh pihak MDKP, maka pihak pemaju boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada 10 tahun atau kedua-duanya sekali di bawah akta yang sama.

Pihak kementerian juga akan menangguhkan semua permohonan lesen pemajuan dan permit iklan dan jualan perumahan yang baru. Kementerian ini juga akan menyenaraihitamkan perkara-perkara di bawah syarikat pemaju tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.44 petang.